

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KG. TUNKU)**

**TAJUK : ORANG ASLI**

1. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
  - a) Apakah pencapaian-pencapaian yang telah dikecapi oleh Kerajaan Selangor selepas penubuhan Badan Bertindak Tanah Orang Asli Selangor (BBTOAS)?

**JAWAPAN :**

- a) Soalan ditujukan kepada kerajaan Negeri Selangor, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli tidak dapat menyediakan jawapan kepada soalan yang dibangkitkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : PERUNTUKAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

2. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;
- a) Sila nyatakan jumlah peruntukan luar Bandar yang disalurkan kepada semua PTD secara perbandingan sejak 3 tahun yang lalu ?
- b) Sila nyatakan apakah alasan utama yang menyebabkan peruntukan Luar Bandar dari Persekutuan yang sepatutnya disalurkan kepada semua PTD setiap tahun disekat ?
- c) Memandangkan wujud masalah sekatan yang tidak bermoral dari Persekutuan. Apakah pihak Kerajaan Negeri bercadang memperuntukkan sejumlah dana untuk menyelesaikan dan memenuhi permintaan pembangunan masyarakat Luar Bandar ?

**JAWAPAN:**

a)

<b>Perincian / Tahun</b>	<b>2008 (RM)</b>	<b>2009 (RM)</b>	<b>2010 (RM)</b>
Elaun-elaun bagi Ketua Kampung, Setiausaha JKKK dan urustadbir JKKK	5,740,800.00	5,740,800.00	5,740,800.00
Kemudahan Asas Desa	-	2,000,000.00	3,000,000.00
1 Kampung RM10 ribu	-	-	3,680,000.00
Hasil Sumber Alam	-	-	616,000.00
Projek-Projek Kecil	-	-	2,700,000.00

- b) Peruntukan Luar Bandar dari Persekutuan yang disalurkan kepada semua PTD setiap setahun sebenarnya tidaklah disekat akan tetapi peruntukan tersebut telah disalurkan kepada Pejabat Pembangunan Negeri (PPN). Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) seterusnya akan mengagihkan sendiri peruntukan-peruntukan tersebut ke daerah-daerah melalui Pejabat Pembangunan Daerah Persekutuan.
- c) Kerajaan Negeri sebenarnya telah memperuntukkan sejumlah dana iaitu Projek-Projek Kecil melalui Pejabat-Pejabat Daerah demi menyelesaikan dan memenuhi permintaan pembangunan masyarakat luar bandar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : GAJI, ELAUN DAN TUNTUTAN DATO' MENTERI BESAR**

3. Bagi tahun 2009, setiap bulan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah gaji asas dan elaun Dato' Menteri Besar?
- b) Berapakah tuntutan dalam dan luar negara Dato' Menteri Besar?
- c) Berapakah elaun dan tuntutan Dato' Menteri Besar daripada anak-anak syarikat atas nama Pengerusi anak-anak syarikat tersebut?

**JAWAPAN :**

- a) Dijawab oleh PSM
- b) Tidak berkaitan.
- c) Sila Rujuk Lampiran 10.

## Elaun yang diterima oleh YAB Dato' Seri Menteri Besar Selangor dalam Syarikat Kerajaan Negeri

Bil	Syarikat Kerajaan Negeri	Elaun atas jawatan yang disandang setahun (Pengerusi) (RM.)	Elaun Mesyuarat Bulanan (RM.)
1	Kumpulan Darul Ehsan (KDEB)	120,000 [@10,000 sebulan]	5,000
2	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	60,000 [@5,000 sebulan]	5,000
3	Selangor State Investment Center (SSIC)	tiada	1,000
4	Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd. (PIYSSB)	tiada	2,000
5	Bkt Beruntung Golf & Country Resort Bhd (BBGC)	Bukan Pengerusi	tidak berkaitan
6	Rangkaian Mesra Sdn. Bhd	tiada	tiada
7	Tourism Selangor Sdn. Bhd	tiada	1,000
8	MSNS Holdings Sdn Bhd	Bukan Pengerusi	tidak berkaitan
9	Kumpulan Semesta Sdn. Bhd	Bukan Pengerusi	tidak berkaitan
10	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)	tiada	tiada
11	Communication Corporation Sdn Bhd (CCSB)	tiada	tiada

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PERUMAHAN UNTUK SETINGGAN DI SELANGOR**

4. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- a) Senaraikan bilangan kampung setinggan di Selangor yang masih belum diselesaikan masalah perumahan mereka.

**JAWAPAN :**

- a) Berdasarkan laporan bancian yang dibuat oleh setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terdapat **107** penempatan setinggan di seluruh Negeri Selangor yang masih belum diselesaikan. Bilangan setinggan keseluruhan adalah berjumlah **4,073** keluarga dengan Majlis Perbandaran Klang (MPK) mencatat bilangan setinggan paling tinggi di atas tapak iaitu seramai 1,318 keluarga, diikuti Majlis Perbandaran Selayang (MPS) 1,075 keluarga, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) 348 keluarga, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) 337 keluarga, Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) 331 keluarga dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) 256 keluarga. PBT-PBT seperti Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Majlis Perbandaran Sepang (MPSp), Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) dan Majlis Daerah Hulu Selangor mencatat bilangan setinggan yang agak kecil berbanding dengan PBT-PBT yang berada dalam kawasan Lembah Klang. Buat masa ini tiada penempatan setinggan baru di kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ). Jadual di bawah menunjukkan bilangan kampung penempatan setinggan mengikut daerah di Negeri Selangor.

Bil.	Daerah	Nama PBT	Nama Kampung	Bil. Setinggalan
1	Klang	MPK	Setinggalan Jalan Papan, Pandamaran	135
			Kg. Seri Kenangan	24
			Setinggalan Tepi Sungai Klang	68
			Setinggalan Jalan Sg. Jati	1
			Setinggalan Tepi Sg. Jati	3
			Kg. Batu 4, Jalan Kapar	25
			Kg. Sg. Sireh	79
			Kg. Sg. Sireh Tambahan	262
			Kg. Sg. Sireh Tambahan 2	120
			Kg. Keretapi	209
			Kg. Dagang Jati	162
			Kg Sri Nadi	137
			Setinggalan Jalan Tengku Badar	82
			Kg. Baru 2, Jalan Kebun	11
			<b>Jumlah</b>	<b>1,318</b>
2	Kuala Langat	MDKL	Kg. Jaya Sepakat	4
			Kg. Serdang Belah	19
			Kg. Seri Cheding	6
			Kg. Teluk Datuk	23
			Kg. Sg. Nangka	28
			Kg Sg. Manggis	11
			Kg. Fatimah	36
			Kg. Jln Segenting	5
			Kg. Jln Rantau Panjang	16
			Kg. Jeti Kelanang	7
			Kg. Tongkah	12
			Kg. Tg. Sepat	6
			<b>Jumlah</b>	<b>173</b>
			3	Kuala Selangor
Jalan Bagan Taman T Pasir berhampiran Tmn Radin Mas, Tanjung karang	3			
Bersebelahan Kg. Tok Adam	1			
Belakang Maybank Tanjung Karang	2			
Jalan 3, Bunga Teratai	2			
Persiaran UKM melalui Jln Sg Kajang Lama	1			
Kunci Air Sg Kajang	2			
Jalan Masuk Ke Kg. Bagan Tengkorak	3			
Jalan Puding, Kg Kilat	4			
Jalan Bagan Tengkorak	3			
Parit 1, Sg Sireh	6			
Parit 3, Pantai	4			
Parit 4, Sg Burong	1			
Sepanjang Jln Ban Canal menghala Sg. Burong	2			
Rancangan Tanah Revolusi Hijau	6			
Jln Kg Tengah berhampiran dengan simpang Asam Jawa	6			
Jalan Datuk Hj Harun belakang Taman Impian Sg. Buluh	30			
Jalan Lee Tiam beng, Taman Belida	16			
Jalan Bukit Panjang, Tmn Mesra Jeram	26			
Kg Keretapi Bukit Badong	64			
Kg Merbau Indah	34			

			Kg Teluk Piah	7
			Jalan Jawa Selangor Estate	62
			Sepanjang Jalan Belakang Tmn Sentosa hingga Taman Pancaran	23
			Jalan Bukit Belimbing	4
			Jln Raja Musa berhampiran simpang Taman Manickavasagam	13
			<b>Jumlah</b>	<b>331</b>
4	Sabak Bernam	MDSB	Parit 4, Sg Haji Dorani, Panchang Bedena	8
			<b>Jumlah</b>	<b>8</b>
5	Hulu Langat	MPAJ	Setinggalan Tasik Tambahan, Ampang	1
			Setinggalan Pandan Jaya	188
			Setinggalan Kg. Pasir	12
			<b>Jumlah</b>	<b>201</b>
		MPKJ	Kg. Perdik (Orang Asli)	65
			Kg. Sungai Lui	16
			Kg. Tanjung	23
			Kg. Lubuk Kelubi	36
			Kg. Paya Batu 23	7
			Kg. Padang	25
			Kg. Masjid Bangi	43
			Kg. Desa Seroja, Batu 16	41
			<b>Jumlah</b>	<b>256</b>
6	Hulu Selangor	MDHS	Kg. Dato; Harun, Serendah	12
			<b>Jumlah</b>	<b>12</b>
7	Petaling	MPSJ	Kg. Batu 12, Jalan Puchong	38
			Kg. Bukit Lanchong	141
			Bawah Rentis TNB dan Rizab JPS di Jalan PJS 7/15	3
			Rizab Jalan berhampiran Jalan Sekolah Menengah Batu 8	1
			Rizab JPS berhampiran Taman Kinrara Seksyen 1	18
			Rizab Kubur berhampiran Jalan Bunga Kertas, Bt 14, Puchong	1
			Rintis TNB taman Puchong Permai	58
			Rizab Kerajaan berhampiran Perumahan PKNS, Jln Puchong Batu 13	4
			Rizab Sekolah berhampiran Jln Puchong Permai 4, Tmn Puchong Permai	19
			Jalan Permai 4, Taman Puchong Permai	23
			Rizab Sekolah berhampiran Jln. PU 12/7E, Taman Tasik Prima	1
			Rizab TNB berhampiran Jln. Putra Permai	1
			Rizab TNB berhampiran Jln. Putra Permai, Seri Kembangan	3
			Rintis TNB berhampiran Jln. PJU 1/17, Taman Puncak Jalil	1
			Tanah Persendirian PT 45264 berhampiran Jln Putra Permai	1
			Rintis TNB berhampiran Jln. PJU 2/27, Tmn Puncak Jalil	1
			Rizab JPS berhampiran Jln. 7/1, Taman Serdang Jaya	4

			Rintis TNB berhampiran SJK (C) serdang Baru 2	4
			Rizab JPS berhampiran Jln. Raya 6, Taman Serdang Jaya	3
			Rintis TNB berhampiran Jln. Seri Serdang, Jln UPM	10
			Tanah Persendirian bersebelahan rumah kediaman No. 1314, Jln 18/52B, Tmn. Seri Serdang	2
			<b>Jumlah</b>	<b>337</b>
		MBSA	Taman Segar Sek U5	44
			Kg. Merbau Indah Sek U17	1
			Kg. Lanchong Jaya Sek 28	66
			Setinggalan Sek U14	1
			<b>Jumlah</b>	<b>112</b>
9	Gombak	MPS	Kg. Bunga Raya, Kuang	180
			Taman Melati	24
			Canggih Semesta Sdn Bhd	50
			Kg. Seri Makmur	95
			Kg. Seri Temenggung	30
			Kg. Selayang Pandang	50
			Batu 8-12, Gombak (Orang Asli)	646
			<b>Jumlah</b>	<b>1,075</b>
		MPAJ	Kg. Fajar	137
			Setinggalan Jalan AU3/31	1
			Setinggalan Jalan AU2B1	3
			Setinggalan Belakang Pejabat Penghulu Mukim Hulu Klang	6
			<b>Jumlah</b>	<b>147</b>
9	Sepang	MPSp	Kg. Sg. Rasau	18
			Kg. Pulau Meranti	14
			Kg. Sri Tanjung	38
			Kg. Sg. Buah	8
			Kg. Sg. Merab	22
			Kg. Dato' Abu Bakar Baginda	3
			<b>Jumlah</b>	<b>103</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>				<b>4,073</b>

\* Data berdasarkan maklumat yang diberikan oleh PBT kepada LPHS

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK : BIASISWA & PINJAMAN**

5. Biasiswa/Pinjaman Kerajaan Negeri Selangor makin popular.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah sebabnya biasiswa/pinjaman Negeri Selangor semakin popular?
- b) Setakat ini berapa ramaikah pelajar Negeri Selangor mendapat skim pinjaman/biasiswa Negeri Selangor?
- c) Berapakah jumlah pinjaman/biasiswa yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor?

**JAWAPAN :**

a) **Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (TKWBNS)** mempunyai **dua (2) jenis tabung** yang memberi kemudahan pinjaman pelajaran kepada anak-anak Negeri Selangor dan mereka yang layak setelah dipertimbangkan oleh Lembaga Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (LTKWBNS). Bentuk tabung pinjaman yang disediakan adalah seperti berikut:

(i) Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor

Tabung ini menyediakan kemudahan pinjaman pelajaran untuk pelajar-pelajar yang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam negara, sama ada IPT Awam/ IPT Swasta (IPTA/ IPTS) bagi pengajian di peringkat Sijil/ Diploma/ Ijazah.

(ii) Pinjaman Pelajaran Tenaga Mahir (*Fast Track*) Negeri Selangor

Tabung ini menyediakan kemudahan pinjaman pelajaran kepada pelajar-pelajar yang menuntut di IPTS bagi kursus-kursus yang berkaitan dengan bidang teknikal dan kemahiran di peringkat Sijil.

Pinjaman Pelajaran di bawah TKWBNS menjadi pilihan kebanyakan penuntut IPT kerana pinjaman berkenaan menawarkan **skim pinjaman tanpa faedah** bertujuan membantu pelajar-pelajar kelahiran Negeri Selangor yang melanjutkan pengajian di IPT dalam negara. Pinjaman pelajaran tersebut merupakan mekanisme Kerajaan Negeri dalam memenuhi tanggungjawab sosial, terutamanya bagi meningkatkan tahap pendidikan rakyat.

Selain itu, melalui pinjaman pelajaran yang disediakan TKWBNS turut menawarkan kemudahan **Pinjaman Pelajaran Boleh Ubah** kepada pelajar-pelajar yang telah **menamatkan pengajian** dengan **pencapaian cemerlang** di IPTA/ IPTS dalam negara. Buktinya, sejak dasar tersebut dikuatkuasakan bermula pada 1 Januari 2003 sehingga 31 Disember 2009, seramai **428 peminjam telah pun mendapat kelulusan** LTKWBNS untuk ditawarkan kemudahan Pinjaman Pelajaran Boleh Ubah dengan melibatkan pelupusan pinjaman **secara biasiswa** berjumlah **RM2,944,540.14**.

Bagi memastikan maklumat berkaitan kemudahan skim pembiayaan pinjaman pelajaran ini diketahui oleh rakyat, Urus setia LTKWBNS telah melaksanakan **proses hebahan/ makluman** apabila tawaran mula dibuka sebanyak **dua (2) kali setahun** melalui kaedah seperti berikut:

- (i) menyiarkan **iklan tawaran** Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor melalui **akhbar-akhbar utama tempatan** berbahasa Melayu, Cina dan Tamil;
- (ii) menyiarkan **iklan tawaran** Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor melalui **laman web rasmi** Kerajaan Negeri Selangor, iaitu: [www.selangor.gov.my](http://www.selangor.gov.my);
- (iii) mengemukakan surat hebahan/ makluman kepada IPT, sama ada IPTA atau IPTS melalui pihak **Hal Ehwal Pelajar** masing-masing; dan
- (iv) mengemukakan surat hebahan/ makluman kepada **Jabatan/ Agensi** di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor serta semua Pusat Khidmat Masyarakat/ Pusat Khidmat DUN.

b & c) Jumlah pelajar yang telah menerima kemudahan pembiayaan daripada TKWBNS setakat **31 Disember 2009** adalah seramai **12,800 orang**, melibatkan jumlah pinjaman sebanyak **RM104.2 juta**. Pecahan pinjaman pelajaran yang telah ditawarkan mengikut peringkat pengajian adalah seperti berikut:

(i) Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor

Bil.	Peringkat Pengajian	Bil. Pelajar	Amaun (juta)
1.	Ijazah	3,999	RM54.5
2.	Diploma	4,944	RM33.1
3.	Sijil (IPTA)	889	RM5.1
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>9,832</b>	<b>RM92.7</b>

(ii) Pinjaman Pelajaran Tenaga Mahir (*Fast Track*) Negeri Selangor

Bil.	Peringkat Pengajian	Bil. Pelajar	Amaun (juta)
1.	Sijil (IPTS)	2,968	RM11.5

Bagi pengambilan **Sesi Pertama Tahun 2010** pula, TKWBNS telah menawarkan pinjaman pelajaran kepada seramai **470 orang pelajar** bagi pengajian di peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah dalam pelbagai bidang melibatkan kos pembiayaan berjumlah **RM2.7 juta**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE YING HA  
(TERATAI)**

**TAJUK : PROJEK INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM**

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah projek infrastruktur dan kemudahan awam yang telah dijalankan oleh kerajaan Negeri Selangor sejak tahun 2008? Sila senaraikan dengan kos dan status kerja.

**JAWAPAN :**

- a) Sejak tahun 2008, fokus pemerintahan Kerajaan Pakatan Rakyat adalah kepada program-program yang lebih berorientasikan rakyat. Oleh itu, projek-projek pembangunan tidak lagi menjadi prioriti. Namun begitu, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah bajet RM 2008 dan RM 2009 untuk projek infrastruktur dan Kemudahan Awam. Antara projek-projek yang dilaksanakan adalah :-

TARIKH	BUTIR-BUTIR PROJEK	PENERIMA	PERBELANJAN
	<b><u>Infrastruktur Asas Majlis Daerah(2008)</u></b>		
16.01.08	Permohonan kelulusan direct grant bagi pemasangan lampu jalan 6 hingga 7 Bagan Sungai Besar	MDSB	25,000.00
28.01.08	Permohonan bayaran ke Bahagian Kewangan		
21.01.08	Permohonan kelulusan direct grant bagi cadangan membina longkang konkrit pembuang utama dan pagar dawai di Dataran Tanah Lesen Pekan Parit Baru	MDSB	38,000.00
31.01.08	Permohonan bayaran ke bahagian Kewangan		
12.02.08	Permohonan kelulusan bagi kerja menaiktaraf sistem lampu jalan sg. Besar	MDSB	56,540.00
10.04.08	Permohonan ke bahagian Kewangan		
18.02.08	Mempremix tanah jalan tanah merah di Bagan Sg Besar Jalan 2 dan Jalan 6 Bagan Sg Besar	MDSB	54,660.00
07.03.08	Cek kepada MBSB		
19.03.08	Surat tiada halangan pertukaran tajuk kepada menaiktaraf jalan di lorong 2 dan 7 bagan sg besar dan menurap semula jalan lorong tengah parit 7 ½ hingga parit 9 gambut sg pjg pada had kelulusan asal	MDSB	
19.02.08	10 Projek pembangunan daerah Pengubahsuaian gerai takeaway Jalan Bunga Matahari Sungai Besar	MDSB	

	Membina pagar penghadang belakang gerai makan Tonggak 10 Sungai Besar		109,229.00
	Membaiki tangki air bocor di pasar awam Sabak Bernam		
	Membaiki semula longkang serta kerja berkaitan di dewan, gerai makan dan tandas awam Pekan Simpang Lima		
	Membaikpulih Gerai no 12, Kedai MDSB Jalan Panchang Bedena, Sg Besar		
	Kerja-kerja baikpulih sistem paip dalaman untuk bangunan Pasar Awam Sungai Besar		
	Kerja membaikpulih sistem paip luar dan dalaman tandas awam di kawasan Stesen Bas Sungai Besar serta membersihkan dan mencuci tangki takungan air sedia ada di tandas awam hadapan Padang Tonggak 10 Sungai Besar		
	Membina pondok bas di Tali Air 8, Sekinchan		
07.03.08	Cek kepada MDSB		
22.02.08	Permohonan kelulusan DG bagi cadangan pembangunan kedai di Pekan Sg Nibong, Sekinchan	MDSB	800,000.00
13.03.08	Permohonan ke bah. Kewangan		
10.04.08	Cek dikemukakan		
25.02.08	Membaikpulih jalan peket 100	JKR	220,590.00
	Bilik kebal Pejabat Daerah	JKR	494.90
03.03.08	Membaiki tebing Sg Long, Hulu Langat	JPS	573,285.21
14.02.08	Seminat Bajet 2008	Gabungan Persatuan Perniagaan Cina	10,000.00
03.03.08	Rumah pam no 1 dan 2 pembentungan Shah ALAM	JKR	1,989.70
03.03.08	Membina culvert serta kerja berkaitan di jalan depan sekolah kebangsaan seri utama, sg besar Mengecat pagar dewan simpang 5 sungai besar Permohonan ke bahagian kewangan Cek dikeluarkan	MDSB	25,000.00
17.03.08	Permohonan dg ke bahagian kewangan bagi cadangan pemasangan lampu awam di SM Yoke		
03.04.08	Kuan Sekinchan		
17.03.08	Cek dikeluarkan		20,000.00

03.04.08	Permohonan kelulusan dg bagi kerja membina dan memasang penutup konkrit untuk longkang besar dari tasik lombong pjs 3 ke dg kelang, pj	MDSB	
19.03.08	Permohonan ke bah. Kewangan Cek dikemukakan	MBPJ	420,000.00
04.04.08	Permohonan kelulusan dg bagi pembinaan 4 unit kiosk di kampung batu 4, jalan kapar, klang		
10.04.08	Permohonan ke Bah. Kewangan		
21.03.08	Permohonan kelulusan dg bagi kerja membaiki dan memasang kabel serta lampu awam di jalan persekutuan sg besar BIL 1	MPK	150,000.00
19.03.08	Cek dikemukakan		
10.04.08	Permohonan kelulusan dg bagi kerja membaiki dan memasang kabel serta lampu awam di jalan persekutuan sg besar (depan syabas)	MDSB	7,250.00
21.03.08	BIL 2 Permohonan ke bah. Kewangan  Cek dikemukakan	MDSB	2,000.00
04.04.08	Permohonan kelulusan dg bagi cadangan membina pondok bas di tali air 8 sekinchan		
10.04.08	Permohonan ke bah. Kewangan		
21.03.08	Permohonan waran m/m bilik kebal PD Hulu Langat	MDSB	
04.04.08	Permohonan kelulusan dg bagi kerja kecemasan membina tanah yang runtuh di lorong belakang jalan jasmin 10, taman jasmin kajang		15,000.00
26.03.08	Permohonan ke bah. Kewangan	JKR	5,200.00
08.04.08	Permohonan waran kerja mekanikal dan elektrik rumah pam no 1 dan no 2 projek pembetulan utama -Minconsult Sdn Bhd tuntutan perjalanan	MPKj	200,000.00
15.04.08	Kerja-kerja M&E pam no 1 dan no 2 Shah Alam		
15.04.08	M/M satu unit bilik kebal di PD Hulu Langat N Nur Enterprise (Interim 6)	JKR	126.40
18.04.08	PERMOHONAN WARAN kerja mekanikal rumah pam no1 dan 2 minconsult	JKR	69,071.89
23.07.08	Permohonan kelulusan DG PROJEK kecil luar bandar Surat ke bah. Kewangan	JKR	21,900.00

14.11.08	Mohon kelulusan dg bagi kerja ukur tapak tanah perkuburan islam	JKR	17,649.11
25.11.08		MDSB	
12.12.08			92,680.00
	<b><u>Kemudahan Awam(2008)</u></b>		
10.12.08	Permohonan waran projek JKR	MPK	15,000.00
	i)Kerja membaiki bangunan surau Mujahidin di Sg. Tengar, Sabak Bernam ii)Cadangan pembangunan sebuah kompleks sukan daerah Kuala Selangor		
29.01.07	Penyelenggaraan Sekolah Kafa al Hilala Simpang 3 Ijok	JKR Paku Cerbon(bavaran inden) Majulia Sdn Bhd(bayaran muktamad)	34,979.00
	Membaiki mendapan tanah dan runtuh lereng dewan jubli perak bangunan ssaas linterim no 1		
12.02.08	STARs	JKR	139,496.40
	Permohonan waran kerja mekanikal dan elektrik rumah pam no 1 dn no 2 projek pembedungan utama		
04.03.08		JKR	137,500.00
	Permohonan waran bagi membaik pulih kerosakan jentera pengangkat lif di Kompleks Belia dan Kebudayaan Selangor Seksyen 7, Shah Alam		
04.03.08			523,499.63
11.03.08	Permohonan kelulusan dg bagi cadangan pembaikan gerai MDSB Merbau Berdarah Sg Panjang	JKR	90,000.00
19.03.08	Surat ke bah. Kewangan	JKR	1,146,297.63
	M/M DOR Ulu Chucoh Sepang ME Group Conculatancy (reimbursable)		
16.04.08	Permohonan kelulusan PWN Cadangan kerja baikpulih cerun batuan di mutiara court, taman bukit permai	MDSB	8,000.00
03.06.08	Surat ke bah. Kewangan		
28.05.04	M/M satu unit bilik kebal di PD Hulu Langat N Nur Enterprise (perakuan muktamad)	JKR	1,139.00
20.06.08	Dg mdsb bagi kerosakan dalam kawasan MDSB	MPAJ	600,000.00
	Surat ke bah. Kewangan		
07.08.08	Permohonan kelulusan dg bagi pembangunan taman tasik seksyen 7	JKR	96,113.50
	Surat ke bah. Kewangan	MDSB	

29.08.08	Permohonan kelulusan dg bagi membaiki kawasan mdsb Surat ke bah. Kewangan		38,000.00
11.09.08			
04.09.08	Permohonan kelulusan dg bagi membina pondok bas di jalan masuk pdkl Surat ke bah. Kewangan	MBSA	370,000.00
22.09.08			
11.09.08	Permohonan kelulusan dg bagi membaiki dewan sri sekinchan, sabak bernam Permohonan ke bah. Kewangan	MDSB	20,000.00
22.09.08			
15.09.08	Permohonan kelulusan pwn dg bagi kerja membina kemudahan asas dan chalet hutan lipur sungai congkak, hulu langat	MDKL	42,673.00
29.09.08	Surat ke bah. Kewangan		
29.09.08		MDSB	19,000.00
15.09.08			
08.09.08		MPKj	
			200,000.00
29.09.08			

TARIKH	BUTIR-BUTIR PROJEK	PENERIMA (RM)	PERBELANJAN (RM)
	<b><u>Infrastruktur Asas Majlis Daerah(2009)</u></b>		
19.02.09	Permohonan kelulusan DG bagi pembinaan jalan di Persiaran Atmosfera dan Persiaran Cakerawala di Subang Bestari, Seksyen U5, Shah Alam	Worldwide Holdings Berhad	265,000.00
17.03.09	Surat ke Bah. Kewangan		
10.04.09	Surat cek		
17.03.09	Permohonan kelulusan DG bagi penyediaan laporan PBT tahun 2006	MDKS	45,000.00
14.04.09	Surat ke Bah. Kewangan		
11.05.09	Surat cek		
10.04.09	Permohonan kelulusan DG bagi membina semula longkang dan kerja berkaitan di hadapan kedai Jalan Syed Hashim, Pekan Sabak	MDSB	35,000.00
29.04.09	Surat ke Bah. Kewangan		
20.05.09	Surat cek		
14.04.09	Permohonan waran Kerja-kerja m&e rumah pam 1&2 untuk projek pementungan utama shah alam	JKR	52.50
15.04.09	Permohonan kelulusan DG bagi projek perparitan dan jalan I. Membina dan menyiapkan jalan laluan masuk ke gerai MDKL, Taman Perwira, Telok Panglima Garang II. Membina dan menyiapkan dataran kejut di gerai MDKL, Taman Seri Medan, TPG III. Membina dan menyiapkan dataran kejut di gerai MDKL, Jalan Sekolah, Jenjarom IV. Membina dan menyiapkan dataran kejut di gerai MDKL, Jalan Sultan Sulaiman, Jugra, Banting, KL.		299,140.00
12.05.09	Surat ke Bah. Kewangan		
28.08.09	Bayaran penyelenggaraan tapak pelupusan sisa pepejal	SPBT	350,000.00
08.10.09	Surat ke bah kewangan og bagi menambah tempat letak kereta kenderaan untuk masjid assaidiah, pekan pasir panjang	MDSB	19,311.80
10.11.09	Permohonan kelulusan dg bagi membina jalan baru, tembok penahan konkrit serta longkang dan kerja lain yang bersangkutan di antara jalan 6 dan persimpangan subang 2 di kampung Melayu subang tambahan	MBSA	
02.12.09	Surat ke bah. Kewangan		
	Surat ke bah kewangan bagi penyelenggaraan		16,000.00

17.12.09	jalan dan papan tanda kawasan majlis	MDKS	
30.11.09	Projek baikpulih balai masyarakat kg menteram, klang kepada perpustakaan komuniti		30,356.81
	WARAN PPD	PDK	
31.12.09	Kerja tambahan pangsapuri sri nuang	JKR	66,477.88
05.01.10	speks	JKR	30,431.60
19.01.10			253,939.13
	<b><u>KEMUDAHAN AWAM(2009)</u></b>		
	Permohonan pembayaran penyelenggaraan tapak pelupusan sisa pepejal kubang badak		
13.01.09	Pindah peruntukan dari 05008 Pindah peruntukan dari 05001	Worldwide Holdings Berhad	600,000.00
26.02.09	Tanggung Pembinaan pasar baru di Batu 7		
Mac 09	Surat ke PWN Surat ke Bah. Kewangan		
01.12.09	Og bagi pemasangan 2 unit visual baru DYMM	PDKL	1,200,000.00
02.12.09	Sultan Selangor		
22.12.09		MDSB	16,000.00
<b>TARIKH</b>	<b>BUTIR-BUTIR PROJEK</b>	<b>PENERIMA (RM)</b>	<b>PERBELANJAN (RM)</b>
	<b><u>Infrastruktur Asas Majlis Daerah(2010)</u></b>		
19.02.10	Pengeluaran Direct Grant kpd MDHS bagi pembiayaan 6 unit gerai di Rizab Jalan Semarak, Bkt Beruntung, Hulu Selangor	MDHS (SPBT mohon kelulusan PWN)	100,000.00
28.06.10	SPEKS		7,485.50
	<b><u>Kemudahan Awam(2010)</u></b>		
04.03.10	Permohonan kelulusan PWN pembangunan tanah perkuburan islam Kg. Delek, Klang	MPK	800,000.00
24.03.10	Surat Kepada Kewangan SUK Pembangunan Tanah Perkuburan Islam, Kg. Delek, Klang		
01.04.10	Surat Kepada MPK cek RM800,000 Bagi Pembangunan Tanah Perkuburan Islam Kampung Delek, Klang		

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
LEMBAH JAYA**

**TAJUK : PEMBANGUNAN LERENG BUKIT**

7. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-
- a) Pembangunan lereng bukit yang berlaku tanah runtuh dan sebagainya khususnya dalam tadbiran MPAJ masih pesat.....bagaimanakah ianya masih berjalan.....?

**JAWAPAN :**

- a) Sejak tahun 2008, MPAJ tidak meluluskan projek pembangunan lereng-lereng bukit kelas 3 dan 4 selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri berkaitan dengan pembangunan lereng bukit dan setiap PBT adalah tertakluk kepada dasar tersebut. Buat masa ini, Kerajaan membenarkan hanya pembangunan kelas 3 dengan syarat-syarat ketat perlu dipatuhi oleh pemaju, di mana perlu mendapatkan kelulusan JKSAS (Jawatankuasa Kawasan Sensitif Alam Sekitar) yang meliputi aspek teknikal. Antara agensi yang terlibat adalah JMG, IKRAM, JAS, MPAJ, dan lain-lain. Bagi pembangunan kelas 4 masih lagi tidak dibenarkan sebarang pembangunan dibuat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK: SAMBUTAN PROGRAM PEMUTIHAN KILANG DI MERU**

8. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- a) Bagaimana sambutan program pemutihan kilang haram di Meru setakat ini?
  - b) Apa yang harus dilakukan untuk melicinkan lagi proses ini?

**JAWAPAN :**

- a) Jumlah kilang haram yang telah dibanci oleh MPK dan Pejabat Tanah bagi DUN Meru ialah 35 buah sahaja. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 15 kilang yang telah memohon permit khas bagi kilang haram. Bagi permohonan tukar syarat tanah, sebanyak 3 kilang daripada 35 buah tersebut yang telah memohon untuk tukar syarat tanah dan satu daripadanya ditolak memandangkan industri yang dijalankan tidak sesuai dan terletak bersebelahan dengan kawasan perumahan.
- b) untuk melicinkan lagi proses ini, tindakan penguatkuasaan perlulah diambil terhadap kilang-kilang haram tersebut. Namun, tarikh akhir bagi permit khas ialah pada 31 Disember 2010. Jadi, tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan Notis 7A mengikut Seksyen 425 Kanun Tanah Negara hanya boleh dikeluarkan selepas tarikh tersebut di mana tindakan mengenakan denda dan perampasan tanah boleh diambil sekiranya tanah tersebut tidak dipulihkan kepada keadaan asal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LEE KIM SIN  
(KAJANG)**

**TAJUK : PERINDUTRIAN**

9. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- a) Senaraikan pelabur asing dan jenis industri yang melabur di negeri Selangor pada tahun 2009?
  - b) Apakah unjuran pelaburan asing dalam tahun 2010 dan apakah pencapaian dalam 6 bulan pertama?
  - c) Senaraikan jumlah pelaburan tempatan dalam SMI(industri kecil dan sederhana)dalam tempoh 2008-2009

**JAWAPAN :**

- a) Senarai projek perkilangan yang diluluskan mengikut industri yang melibatkan penglibatan pelabur asing di negeri Selangor bagi tahun 2009 adalah seperti berikut;-

Industri	Bil Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Asing (RM)
Food Manufacturing	24	1,915	526,633,377
Textiles & Textiles Product	4	164	2,109,780
Wood & Wood Products	10	497	19,880,000
Furniture & Fixtures	12	1,236	32,135,424
Paper, Printing & Publishing	6	512	288,012,492
Chemicals & Chemicals Products	21	836	386,366,632
Petroleum Products (Inc. Petrochemicals)	3	89	5,250,000
Rubber Products	13	982	76,576,444
Plastic Products	14	1,081	175,548,598
Non-Metallic Mineral Products	5	308	2,692,456
Basic Metal Products	15	709	75,335,149
Fabricated Metal Products	38	1,753	232,476,500
Machinery & Equipment	45	3,613	509,384,479
Electronics & Electrical Products	31	5,202	1,149,558,702
Transport Equipment	24	1,260	422,560,823
Scientific & Measuring Equipment	9	485	68,248,825
Miscellaneous	3	105	34,294,500
<b>Jumlah</b>	<b>278</b>	<b>20,753</b>	<b>4,007,064,181</b>

Sumber : MIDA

- b) Bagi tahun 2010, Kerajaan Negeri mensasarkan jumlah pelaburan sebanyak RM 8 bilion dan mengunjurkan pelaburan asing sebanyak RM 5.6 bilion (70%)

Bagi tempoh Januari hingga Mac 2010, sebanyak 63 projek perkilangan telah diluluskan di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM 1,501,269,642. Daripada jumlah ini sebanyak RM 716,482,946 atau (48%) adalah melibatkan pelaburan asing.

- c) Jumlah pelaburan tempatan dalam SMI (Industri Kecil dan Sederhana) bagi tahun 2008 – 2009 adalah seperti berikut;-

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : JUMLAH ADUAN**

10. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan jumlah aduan yang diterima bagi setiap PBT sepanjang dua tahun lepas melibatkan prestasi perkhidmatan PBT

**JAWAPAN :**

- a) Sepanjang tempoh 2008 hingga 2009, sebanyak 148,374 aduan yang melibatkan prestasi perkhidmatan telah diterima oleh semua PBT di Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 143,964 aduan telah diselesaikan. Sebanyak 4410 aduan masih lagi di dalam tindakan PBT. Aduan-aduan ini meliputi aduan berhubung sampah, longkang, jalan, kacau ganggu, infrastruktur dan lain-lain. Berikut adalah jumlah aduan yang melibatkan prestasi perkhidmatan PBT sepanjang tahun 2008 hingga 2009.

PBT	2008		2009	
	Aduan Terima	Aduan Selesai	Aduan Terima	Aduan Selesai
<b>MBSA</b>	10,477	10,445	10,859	10,767
<b>MBPJ</b>	6688	6011	9560	8950
<b>MPK</b>	8,213	8,213	13,427	13,377
<b>MPSJ</b>	18,029	17,870	19,503	19,394
<b>MPS</b>	8,964	8,929	8,358	7,483
<b>MPAJ</b>	1336	1336	1790	1790
<b>MPKj</b>	7424	6919	9489	8341
<b>MPSp</b>	1428	1428	1603	1601
<b>MDKL</b>	1591	1591	1625	1625
<b>MDKS</b>	1138	1138	850	850
<b>MDHS</b>	2058	2058	2945	2942
<b>MDSB</b>	556	551	463	355
<b>JUMLAH</b>	67,902	66,489	80,472	77,475

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : KEMISKINAN**

11. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan bersepadu kerajaan negeri bagi mengurangkan perbezaan pendapatan antara golongan miskin dan kaya?
- b) Senaraikan kadar kemiskinan mengikut pecahan daerah daripada tahun 2006-2010.

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri telah mewujudkan beberapa program bersepadu untuk membasmi kemiskinan yang berteraskan kepada empat strategi iaitu perumahan, pekerjaan, pendidikan dan kesihatan. Program-program Pembasmian Kemiskinan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:-
  - i) Program Kerajaan Prihatin;
  - ii) Program Bantuan Kesihatan (katarak mata, Dialisis buah pinggang dan pembedahan Kecil);
  - iii) Program Bantuan Peralatan Perniagaan "Blueprint"; dan
  - iv) Program Kemahiran Teknikal di Kolej Antarabangsa INPENS.

Program ini berlandaskan kepada objektif untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup rakyat miskin di mana aspek-aspek sosial dan keperluan fizikal golongan miskin di ambil berat oleh Kerajaan Negeri.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut memberi fokus kepada pelaksanaan Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) di mana Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) menitikberatkan hal kebajikan rakyat Negeri Selangor tanpa mengira kaum, agama, usia dan fahaman politik. Program serampang dua mata ini merupakan satu harapan baru kepada seluruh rakyat Selangor dalam membantu untuk meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat akibat daripada peningkatan kos sara hidup.

Selain program-program yang dinyatakan tersebut, Kerajaan Negeri juga sedang menubuhkan Sekretariat bagi Program Mikro Kredit. Program ini dijangka akan mula dilaksanakan pada akhir Julai 2010 dan ia secara langsung akan banyak membantu golongan miskin dan memerlukan untuk mendapatkan modal untuk menjana pendapatan.

- b) Kadar Kemiskinan mengikut pecahan daerah daripada tahun 2006 hingga 2008 adalah seperti berikut:-

<b>Bil</b>	<b>Daerah</b>	<b>KIR Miskin</b>	<b>KIR Miskin Tegar</b>	<b>Jumlah KIR Miskin</b>
1.	Gombak	1282	837	2119
2.	Klang	472	504	976
3.	Kuala Langat	1709	250	1959
4.	Kuala Selangor	183	155	338
5.	Petaling	369	146	515
6.	Sabak Bernam	466	387	853
7.	Sepang	141	467	608
8.	Hulu Langat	770	887	1657
9.	Hulu Selangor	732	147	879
	<b>JUMLAH</b>	6124 (0.56%)	3780 (0.34%)	9904 (0.9%)

Sumber:UPEN/Pejabat Daerah

\* Data ini adalah setakat 4 Mac 2008 dan dibentangkan di dalam Mesyuarat Poverty Mapping Negeri-Negeri bersama Ketua Setiausaha Negara (KSN).

Kadar kemiskinan yang dipaparkan adalah berdasarkan kepada Pendapatan Garis Kemiskinan sebanyak RM731 bagi miskin dan RM419 bagi miskin tegar dengan ahli isirumah seramai 4.6 orang.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan Negeri sedang mengemas kini data bagi tahun 2010 berdasarkan kepada Pendapatan Garis Kemiskinan baru iaitu RM1500.00 bagi ahli isirumah seramai 5 orang. Di mana kajian perintis dimulakan dengan Daerah Klang dan dijangka siap pada akhir Julai 2010.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB TUAN YAP LUM CHIN  
(BALAKONG)**

**TAJUK: PERKHIDMATAN PERCUMA**

12. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- a) Berapakah kawasan atau daerah yang telah mendapat wi-fi percuma Kerajaan Negeri Selangor?
  - b) Adakah kerajaan negeri mempunyai rancangan untuk memperluaskan lagi wi-fi percuma ke daerah Cheras/Balakong?
  - c) Apakah masalah yang dihadapi dan rancangan bagi mengatasi masalah ini?

**JAWAPAN:**

- a) Pada masa ini, terdapat 7 (tujuh) lokasi yang telah disediakan kemudahan wifi percuma oleh Kerajaan Negeri Selangor iaitu di :

<b>Pelaksanaan di Kawasan Kepadatan Penduduk Tinggi</b>	<b>Pelaksanaan di Kawasan kepadatan Penduduk Sederhana / Rendah</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>i. Dataran Shah Alam (Sekitar Menara Jam)</li><li>ii. Kompleks PKNS Shah Alam (berhadapan restoran KFC dan Tasik Shah Alam)</li><li>iii. Medan Selera Prima 2, Seksyen 2, Shah Alam</li><li>iv. Seksyen 3 (sekitar kawasan Restoran Khalifah, Syed dan Sekolah Kebangsaan Raja Muda Seksyen 4, Shah Alam)</li><li>v. Seksyen 9 (Sekitar kawasan Oasis)</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Kuala Kubu Baharu, Hulu Selangor (sekitar kawasan Restoran Fazillah Maju)</li><li>ii. Medan Selera Majlis Daerah Hulu Selangor, Batang Kali</li></ul>

- b) Kerajaan sememangnya mempunyai rancangan untuk memperluaskan lagi perkhidmatan Wifi percuma ini kepada masyarakat di Negeri Selangor secara berperingkat. Ini termasuk di kawasan Cheras/Balakong. Walau bagaimanapun dari sudut keseluruhan model pelaksanaannya, ia masih dalam peringkat kajian yang mendalam dari sudut pelan perniagaan atau terma-termannya bagi memberikan keuntungan kepada semua pihak yang terlibat (Kerajaan, masyarakat dan penyedia perkhidmatan (ISP)).

- c) Beberapa masalah yang dikenal pasti serta cadangan penyelesaian bagi mengatasinya adalah seperti berikut :-

<b>Bil</b>	<b>Masalah</b>	<b>Cadangan Penyelesaian</b>
1	Penawaran perkhidmatan Wifi yang memenuhi keperluan pengguna serta kerajaan.	<p>i. Peluang capaian sama rata di mana setiap pengguna mempunyai kelajuan 384 mbps untuk muat turun maksimum dan session selama 30 minit. Ini bagi membenarkan lebih ramai orang berpeluang menggunakannya pada satu-satu masa.</p> <p>ii. menggalakkan pengguna untuk menggunakan aplikasi-aplikasi Kerajaan elektronik di mana semua pengguna akan menerima landing pagi (website kerajaan negeri) di awal capaian.</p>
2	Rangkaian perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Kerajaan Negeri bercadang bagi fasa pertama penubuhannya (tahun pertama), kerajaan akan menanggung kos tersebut. Tetapi bai tahun-tahun berikutnya PBT yang berkenaan akan diminta untuk mencari alternatif bagi membiayai kos tersebut sebagai satu lagi cabang perkhidmatan di bawah PBT.
3	Tapak pemasangan peralatan Wifi	Setakat ini, pendekatan yang diambil adalah menggunakan premis atau infrastruktur sedia ada PBT bagi memudahkan pengurusan utiliti dan aktiviti penyelenggaraan.
4	Penglibatan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (GLC)	Menggalakkan setiap GLC menyediakan perkhidmatan Wifi percuma kepada masyarakat di sekitar premis atau territory.
5	Penglibatan pihak industri	Menggalakkan pihak industri untuk sama terlibat dengan usaha penyediaan wifi percuma ini sebagai salah satu Corporate Social Responsibility (CSR) mereka kepada masyarakat.
6	Promosi dan Publisiti	Menggunakan semua medium perantaraan maklumat seperti billboard, laman web dan sebagainya untuk membuat hebahan kepada masyarakat mengenai perkhidmatan wifi ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
LEMBAH JAYA**

**TAJUK : PEMBEKUAN LESEN SIBER**

13. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Walaupun pembekuan lesen-lesen siber masih berkuat kuasa, kenapakah dilihat kini banyak kafe siber baru tumbuh seperti cendawan?

**JAWAPAN :**

- a) Pembekuan lesen pusat siber masih lagi berkuat kuasa. Walau bagaimanapun oleh kerana wujud kehendak pasaran maka pengusaha telah mengambil jalan pintas dengan membuka premis – premis tanpa lesen. PBT secara terus-menerus menjalankan operasi bagi membanteras aktiviti ini. Di samping itu juga Kerajaan Negeri sedang dalam proses menyediakan satu cadangan reka bentuk yang seragam untuk semua Pusat Siber/ Kafe Siber bagi memudahkan pemantauan dan penguatkuasaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING  
(DENGKIL)**

**TAJUK : KELULUSAN PINDAH MILIK HARTA ORANG MELAYU**

14. Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

- a) Berapa banyak yang telah diluluskan pindah milik harta orang Melayu kepada bukan Melayu di DUN Dengkil sepanjang 2 tahun terakhir?

**JAWAPAN :**

- a) Pindah milik harta Orang Melayu kepada Bukan Melayu di DUN Dengkil yang telah diluluskan sepanjang 2 tahun terakhir adalah seperti berikut :-

<b>Bil.</b>	<b>Tahun</b>	<b>Jumlah</b>
1.	2008	70
2.	2009	51

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : ALAM SEKITAR**

15. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- a) Sila senaraikan sungai-sungai utama yang terdapat di Negeri Selangor yang telah menghadapi masalah pencemaran.
  - b) Sila nyatakan tahap pencemaran yang dialami oleh sungai-sungai utama yang terdapat di Negeri Selangor.
  - c) Apakah langkah jangka pendek dan pandangan untuk mengatasi pencemaran tersebut ?

**JAWAPAN :**

Soalan a) dan b) dijawab bersekali.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor menjalankan program pengawasan kualiti air sungai di 82 stesen ke atas tiga lembangan sungai utama di Negeri Selangor yang meliputi 7 sub-lembangan seperti berikut:-

- (i) Sub-Lembangan Sungai Bernam
- (ii) Sub-Lembangan Sungai Tenggi
- (iii) Sub-Lembangan Sungai Selangor
- (iv) Sub-Lembangan Sungai Langat
- (v) Sub-Lembangan Sungai Sepang
- (vi) Sub-Lembangan Sungai Buloh; dan
- (vii) Sub-Lembangan Sungai Klang

Berdasarkan Indeks Kualiti Air Negara pada tahun 2009, status keseluruhan satu (1) sub-lembangan sungai, iaitu Sungai Bernam dikategorikan **bersih**. Manakala lima (5) sub-lembangan, iaitu Sg. Selangor, Sg. Tenggi, Sg. Langat, Sg. Sepang dan Sg. Klang sebagai **sederhana tercemar** dan satu (1) lagi sub-lembangan, iaitu Sg. Buloh didapati **tercemar**.

Pada tahun 2009, paras kepekatan pencemar bagi parameter pepejal terampai (SS) di semua sungai di Negeri Selangor didapati meningkat. Peningkatan tersebut berpunca daripada hakisan tebing sungai dan pengorekan pasir. Sementara itu, paras kepekatan pencemar bagi parameter amoniakal nitrogen (NH<sub>3</sub>-N) di Sg. Klang, Sg. Tenggi, Sg. Sepang, Sg. Langat dan Sg. Buloh didapati meningkat yang mana berpunca daripada pelepasan air kumbahan tanpa rawatan atau separa terawat dan juga aktiviti pertanian. Bagi parameter Keperluan Oksigen Biokimia (BOD<sub>5</sub>) menunjukkan peningkatan di Sg. Sepang, Sg. Tenggi, Sg. Selangor, Sg. Bernam dan Sg. Buloh manakala di Sg. Langat dan Sg. Klang didapati paras BOD<sub>5</sub> menurun. Paras Keperluan Oksigen Kimia (COD) direkodkan meningkat di Sg. Buloh, Sg. Tenggi dan Sg. Selangor pada tahun 2009 manakala penurunan paras COD dikesan di Sg. Langat, Sg. Klang dan Sg. Sepang.

- c) Bagi mengatasi masalah pencemaran tersebut pihak Kerajaan telah mengambil pendekatan-pendekatan seperti berikut:
- i. Mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada oleh pelbagai agensi dalam mengawal pencemaran seperti Jabatan Alam Sekitar, Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah dan Galian, Jabatan Veterinar, Jabatan Pertanian, Jabatan Perhutanan, Lembaga Urus Air Selangor dan lain-lain agensi yang berkaitan;
  - ii. Pihak industri digalakkan mengguna pakai teknologi bersih bagi mengurangkan tahap pencemaran air dan digalakkan mengamalkan konsep 3R (reduce, reuse and recycle). Sebagai usaha-usaha pencegahan, Jabatan Alam Sekitar juga akan terus bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan berhubung dengan penempatan industri bagi memastikan industri-industri yang menghasilkan beban pencemaran air yang tinggi tidak ditempatkan di atas takat pengambilan air minuman; dan
  - iii. Mempertingkatkan program pendidikan dan kesedaran alam sekitar terutama kepada sektor industri, golongan pelajar dan orang awam bagi memastikan semua pihak terlibat mengambil bahagian dalam menjayakan usaha-usaha penjagaan alam sekitar.
  - iv. Kerajaan Negeri Selangor juga sedang melaksanakan program pembersihan dan pemuliharaan Sungai Klang yang antara lainnya bertujuan untuk meningkatkan kualiti air Sungai Klang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR  
(PAYA JARAS)**

**TAJUK : CERAMAH POLITIK DI MASJID DAN SURAU**

16. Walaupun Ke Bawah DYMM Tuanku Sultan telah berkali-kali menegaskan supaya masjid dan surau bebas dari sebarang kegiatan politik, masih terdapat ceramah-ceramah yang dijalankan lebih banyak menyentuh isu-isu politik daripada memberikan pengisian agama.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapakah keadaan ini terus dibiarkan berlaku tanpa ada sebarang halangan daripada pihak yang bertanggungjawab

**JAWAPAN :**

- a) Jabatan ini tidak pernah membiarkan perkara ini berlaku, bahkan pemantauan-pemantauan sentiasa dilakukan setiap masa. Seramai 17 orang Nazir telah pun diberi surat tunjuk sebab kerana memanggil penceramah-penceramah tanpa tauliah. Di antara tindakan yang telah diambil oleh JAIS adalah memberi amaran dan nasihat kepada Nazir-nazir yang terlibat. Tindakan tegas termasuk memecat nazir terlibat jika mereka mengulangi perbuatan yang sama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM  
(BATANG KALI)**

**TAJUK : PERUNTUKAN DUN**

17. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Mohon senaraikan perincian pemberian peruntukan bagi N7 Batang Kali tahun 2009 ?

**JAWAPAN :**

- a) Pada tahun 2009, prestasi perbelanjaan peruntukan Ahli Dewan Negeri (Batang Kali) adalah 99.9 % dengan baki peruntukan berjumlah RM12.52 sahaja, Perincian perbelanjaan adalah seperti di Lampiran A.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK: TUISYEN RAKYAT**

18. Kerajaan Negeri menggerakkan program tuisyen rakyat untuk membantu pelajar-pelajar menghadapi peperiksaan dengan menetapkan kriteria-kriteria tertentu untuk menyertainya.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah pusat tuisyen dan berapakah jumlah pelajar yang menyertai Tuisyen Rakyat anjuran kerajaan negeri ?
- b) Mohon senaraikan pusat dan tenaga pengajar tuisyen rakyat yang diwujudkan di setiap DUN?

**JAWAPAN:**

- a) Sebanyak 140 pusat tuisyen di Seluruh Negeri Selangor beroperasi sebagai kelas Tuisyen Rakyat pada waktu-waktu tertentu.

Jumlah keseluruhan pelajar yang mengikuti Program Tuisyen Rakyat di Negeri Selangor sehingga 4 Julai 2010 adalah 4408 orang.

- b) Sila rujuk Lampiran

BIL	NAMA DUN	BIL PELAJAR	
		2009	2010
		1	N01 SG AIR TAWAR
2	N02 SABAK	70	100
3	N03 SUNGAI PANJANG	40	100
4	N04 SEKINCHAN	79	85
5	N08 SUNGAI BURONG	100	100
6	N09 PERMATANG	48	45
7	N10 BUKIT MELAWATI	100	100
8	N11 IJOK	100	100
9	N12 JERAM	100	100
10	N13 KUANG	93	80
11	N31 SUBANG JAYA	12	22
12	N32 SERI SETIA	57	90
13	N33 TAMAN MEDAN	95	100
14	N34 BUKIT GASING	8	20
15	N35 KAMPUNG TUNKU	X	X
16	N38 PAYA JARAS	X	45
17	N39 KOTA DAMANSARA	60	35
18	N40 KOTA ANGGERIK	70	100
19	N41 BATU TIGA	100	100
20	N42 MERU	100	100
21	N43 SEMENTA	100	100
22	N44 SUNGAI PINANG	100	50
23	N45 SELAT KLANG	91	100
24	N46 PELABUHAN KLANG	X	55
25	N47 PANDAMARAN	51	45
26	N48 KOTA ALAM SHAH	57	81
27	N49 SERI ANDALAS	74	57
28	N50 SRI MUDA	91	100
	<b>JUMLAH</b>	<b>1836</b>	<b>2110</b>

BIL	NAMA DUN	BIL GURU	BIL PUSAT TUISYEN	LOKASI
1	N01 SABAK	8	4	PASTI Parit Baru, Sungai Air Tawar
2	N02 SG AIR TAWAR	9	2	1. Balairaya Sg Lias 2. Markaz PAS Batu 1 Tebuk Pulai
3	N03 SUNGAI PANJANG	12	4	1. Dewan Kuliah, Masjid As Saidiah Pasir Panjang 2. Sekolah Agama Pasir Panjang (2 kelas) 3. Pekan Sungai Besar
4	N03 SEKINCHAN	10	1	SRA Tali Air 7
5	N08 SUNGAI BURONG	8	1	Sekolah Menengah Agama Tanjong Karang
6	N09 PERMATANG	4	2	1. Dewan Mini Kg Permatang 2. Balai JKKK Kampung Parit Serong
7	N10 BUKIT MELAWATI	11	4	Bandar Baru Malawati (2), Kg Kuantan, Pasir Tuntung
8	N11 IJOK	12	4	1. Pejabat Kerja MB Ijok 1 2. SMK Rantau Panjang 3. Pusat Belia, Bkt Badong 4. Tmn Sri Indah, Btg Berjuntai
9	N12 JERAM	12	4	1. Pejabat JKKK Pekan Jeram 2. Dewan Belia Kg Bukit Kerayong 3. Pejabat JKKK Kg Bukit Kuching Hilir 4. PASTI Ar-Raudah, Fasa 3 Punchak Alam
10	N13 KUANG	9	1	Dewan JKKK Kg Idaman, Kuang
11	N31 SUBANG JAYA	3	1	Sek Agama KAFA, Masjid Darul Ehsan, Subang Jaya
12	N32 SERI SETIA	16	3	Desa Mentari Blok 8, Sek KAFA Kg Lindungan, Sek KAFA Lembah Subang,
13	N33 TAMAN MEDAN	5	1	SRA Tmn Datuk Harun
14	N34 BUKIT GASING	4	1	Pejabat ADUN Bukit Gasing
15	N35 KAMPUNG TUNKU	X	X	Kelas tidak dijalankan
16	N38 PAYA JARAS	8	2	SAM Paya Jaras, Masjid Seri Al Huda
17	N39 KOTA DAMANSARA	4	1	
18	N40 KOTA ANGGERIK	9	2	1. SAMT Tengku Ampuan Jemaah, Shah Alam (2 kelas) 2. Masjid Azariah, Seksyen 18 Shah Alam (2 kelas)
19	N41 BATU TIGA	7	4	1. Dewan JKKK Kg Kuantan, Klang 2. Dewan JKKK Padang Jawa, Klang. 3. Seksyen 17, Shah Alam 4. Seksyen 20, Shah Alam
20	N42 MERU	9	1	SRA Pekan Meru
21	N43 SEMENTA	6	1	SRA Kg Sementa
22	N44 SUNGAI PINANG	3	1	Dewan Taman Berkeley, Klang, Selangor
23	N45 SELAT KLANG	7	1	Sek Islam Al-Farabi, Kg Delek
24	N46 PELABUHAN KLANG	8	1	SRA Pandamaran Jaya
25	N47 PANDAMARAN	4	1	Pejabat ADUN Pandamaran
26	N48 KOTA ALAM SHAH	4	1	Auditorium MPK Klang.
27	N49 SERI ANDALAS	4	3	1. Kg Jawa (2), Taman Sentosa

28	N50 SRI MUDA	4	3	1. Pusat Khidmat Rakyat Sri Muda (2)
				2. Dewan MBSA Alam Megah
				3. Dewan Masjid Jalan Kebun
	JUMLAH	200	55	

BIL	NAMA DUN	BILANGAN GURU		BILANGAN PELAJAR	
		2009	2010	2009	2010
1	Hulu Bernam	4	12	100	104
2	Kuala Kubu Baru	8	4	100	65
3	Rawang	5	8	100	100
4	Batang Kali	4	2	80	50
5	Taman Templer	5	5	100	90
6	Batu Caves	6	8	85	65
7	Bukit Antarabangsa	5	5	100	100
8	Gombak Setia	6	7	85	88
9	Hulu Klang	4	5	75	45
10	Lembah Jaya	6	5	89	75
11	Kajang	6	6	100	70
12	Cempaka	5	3	68	53
13	Semenyih	10	10	95	160
14	Teratai	2	3	85	35
15	Dusun Tua	7	5	95	130
16	Dengkil	8	6	35	100
17	Balakong	4	7	100	90
18	Bangi	4	6	100	95
19	Sri Kembangan	2	4	75	65
20	Sri Serdang	9	5	100	65
21	Kinrara	4	5	80	60
22	Damansara Utama	6	3	100	89
23	Bukit Lanjan	7	X	50	X
24	Tg Sepat	8	16	100	100
25	Sijangkang	9	8	100	100
26	Telok Datok	4	9	100	104
27	Morib	10	9	100	100
28	Sungai Pelek	7	9	100	100
	<b>JUMLAH</b>	<b>165</b>	<b>175</b>	<b>2497</b>	<b>2298</b>

BIL	NAMA DUN	BILANGAN GURU	BILANGAN PUSAT TUISYEN	LOKASI
1	Hulu Bernam	12	4	1- PKM DUN HULU BERNAM, JLN BESAR HULU BERNAM 2- BALAI RAYA JKKK HULU BERNAM SELATAN, KG BARU A, HULU BERNAM 3- SEK. AGAMA MEN. SG SELISEK HULU SELANGOR 4- BALAI RAY KG MASJID, SG SELISIK, HULU SELANGOR
2	Kuala Kubu Baru	4	2	1-MASJID JAMEK AR-RAHMAH, KUALA KUBU BAHARU, 47000 KKB (NAZIR NASARUDIN BIN MOHAMAD ARIF, 019-2795576)-2
3	Rawang	8	4	1-SEK. REN. AGAMA IBNU KHALDUN, JLN TERATAI, KG KENANGA, 48000 RAWANG -2 2-SAR KAFA INTEGRASI AL FURQAN, JLN DESA 4/1 BANDAR COUNTRY HOME, 48000 RAWANG -2
4	Batang Kali	2	2	AKADEMI MINDA, M-45, JLN ORKED 2A, BANDAR BUKIT SENTOSA, 43500 RAWANG, SELANGOR
5	Taman Templer	5	4	1-SRA NURUL IMAN MASJID AT-TAQWA, JLN 11C SELAYANG BARU (USTAZ SURATMAN, 019-2239026) 2- PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT, DUN TAMAN TEMPLER, NO 71-1 JLN 2/16, BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES
6	Batu Caves	8	2	SAR KAFA INTEGRASI AL-HUMAIRA, MASJID JAMEK KG NAKHODA, JLN NAKHODA KANAN, KG NAKHODA, 68100 BATU CAVES, SELANGOR (2)
7	Bukit Antarabangsa	5	4	SRA KG MELAYU AMPANG, JLN BUKIT BELACAN, 68000 AMPANG. (4 BUAH KELAS)

8	Gombak Setia	7	4	KELAS FARDHU AIN, MASJID AS-SYARIF, KG SIMPANG 3, JLN GOMBAK, 53100 GOMBAK. (S/U MASJID – 012-3159561) (4)
9	Hulu Klang	5	2	1-DEWAN ORANG RAMAI KERAMAT PANGSA AU2, KL (KAK KIAH, 012-3714777) 2-KG PASIR (SURAU AL FALAHYAH JLN DATO' ABU SAMAT, KG PASIR)
10	Lembah Jaya	5	3	DEWAN ORANG RAMAI, BLOK C, FLAT TAMAN KOSAS, AMPANG (3)
11	Kajang	6	3	1-DEWAN ORANG RAMAI, BATU 13 KAJANG (KETUA KG, 019-3038908) 2-DEWAN ORG RAMAI SG SEKAMAT (ABG NAZRI, 017-3187911) 3-DEWAN ORG RAMAI QUEPACS (HJ DAHALAN, 012-3632312)
12	Cempaka	3	2	1- DEWAN ORANG RAMAI TMN MAJU JAYA, PANDAN INDAH, 55100 KUALA LUMPUR 2- DEWAN KAFA, JLN CAHAYA 7, TMN CAHAYA 55100 KL
13	Semenyih	10	4	1- SEK REN AGAMA PEKAN RAKYAT SEMENYIH 2- SEK REN ANNAJAH, RINCING TENGAH 3- SEK AGAMA INTEGRASI BERANANG (2)
14	Teratai	3	1	1- PEJABAT ADUN TERATAI, NO 48-1, JLN BUNGA TANJONG 10, TMAN MUDA, 68000 AMPANG, SELANGOR
15	Dusun Tua	5	4	1- SRA PEKAN HULU LANGAT, BT 14 HULU LANGAT (4)

16	Dengkil	6	4	<p>1-DEWAN ORANG RAMAI TMN DESA PUTRA, JLN ABD HALIM, KG DESA PUTRA, 43000 KAJANG (EN JEMALI, 019-2365106)</p> <p>2-SMK BUKIT CHANGGANG, 42700 BANTING (CIKGU MAIMUN, 013-3800890)</p> <p>3-DEWAN ORANG RAMAI, TMN DENGKIL JAYA, 43800 DENGKIL (EN AZLAN, 019-6696693)</p> <p>4- DEWAN ORANG RAMAI PUTRA PERDANA</p>
17	Balakong	7	4	<p>1-PEJABAT PUSAT PERKHIDMATAN DUN BALAKONG, TMN INDAH, NO 7, TKT 2, JLN INDAH 2/7, TMN INDAH, 43200 BATU 11, CHERAS, KAJANG (YB TUAN YAP LUM CHIN, 016-3595293)</p> <p>2-BALAIRAYA TMN TUN PERAK, 43200 BATU 9 CHERAS (JKP TMN TUN PERAK, EN HALIM, 012-3007517)</p> <p>3-BALAIRAYA KG SG BALAK, BATU 13 CHERAS, 4300 KAJANG (HJ TAHIR, 016-6154008)</p> <p>4-KAFA INTEGRASI TAMAN TAMING JAYA, JLN TAMING KIRI 1, TMN TAMING JAYA, 43300 SRI KEMBANGAN (EN KHAIRI, 012-3986156)</p>
18	Bangi	6	4	<p>1- KAFA AL-HIDAYAH, WEST COUNTRY, SEKSYEN 5 (2)</p> <p>2- SRA SG RAMAL DALAM, BANGI (2)</p>
19	Sri Kembangan	4	2	<p>PUSAT TUISYEN DIDIK INOVATIF, 11A &amp; 15A JLN PERUSAHAAN 2, OFF JLN KOLEJ, 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR.</p>
20	Sri Serdang	5	2	<p>1- BALAIRAYA SERDANG JAYA, JLN 5/6, SERDANG JAYA</p> <p>2- BALAI MASYARAKAT PUCHONG INDAH, JLN INDAH SEKSYEN 3/8 TAMAN PUCHONG INDAH</p>
21	Kinrara	5	2	<p>1- BALAI MASYARAKAT TMN KINRARA SEK. 5</p> <p>2- BALAI MASYARAKAT JLN 25, TMN BUKIT KUCHAI</p>

22	Damansara Utama	3	2	1-DEWAN PANGSAPURI BISTARI SEK 19. 2-BALAI RAYA MBPJ PJU ¼ KG CEMPAKA, DAMANSARA UTAMA.
23	Bukit Lanjan			
24	Tg Sepat	16	4	1- SEK MEN SG RAWANG BANGKONG, ULU TERES 2- PERSATUAN PELAJAR-PELAJAR CINA TG SEPAT 3-PUSAT KHIDMAT RAKYAT BATU LAUT 4- MAAHAD TAHFIZ SG KELAMBU
25	Sijangkang	8	4	1- SRA KG MEDAN (4)
26	Telok Datok	9	4	1- PKM ADUN TELOK DATOK, B-01-14, JLN BUNGA PEKEAN, 42700 BANTING (2) 2- KEDAI NO. 14, JLN INTAN 2, TMN YAYASAN, 42600 JENJAROM (TINGKAT ATAS) (2)
27	Morib	9	4	1- KAFA INTEGRASI TMN KEMUNING (2) 2. MAJID AT TAQWA (2)
28	Sungai Pelek	9	4	1- BILIK KULIAH HISAMUDDIN, BANDAR BARU SALAK TINGGI, SEPANG (2) 2- PEJABAT PUSAT KHIDMAT DUN SG PELEK, SEPANG (2)
	<b>JUMLAH</b>	<b>175</b>	<b>85</b>	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB TUAN YAP EE WAH  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: KEGIATAN PENCURIAN PASIR**

19. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar
- a) Apakah tindakan kerajaan negeri terhadap kegiatan pencurian pasir yang berleluasa demi meningkatkan pendapatan negeri?

**JAWAPAN:**

- a) Tindakan kerajaan negeri terhadap kegiatan pencurian pasir yang berleluasa demi meningkatkan pendapatan negeri adalah seperti berikut:
- (i) Mengadakan operasi statik di lokasi yang disyaki berlakunya kecurian pasir;
  - (ii) Mengadakan rondaan / pemantauan secara berkala di kawasan yang disyaki berlakunya aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah; dan
  - (iii) Mengeluarkan satu notis atas Borang 7A (pelanggaran syarat tanah) ke atas mana-mana tanah yang didapati mengeluarkan pasir tanpa permit yang sah di mana notis ini memerlukan tuan tanah untuk meremedi tanah kepada keadaan asal. Sekiranya tuan tanah tidak mematuhi arahan meremedi tanah tersebut, Pentadbir Tanah hendaklah mengeluarkan Borang 7B dan sekiranya aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah masih dijalankan setelah siasatan dilaksanakan, Pentadbir Tanah hendaklah menyiarkan di dalam Warta Notis mengenai penyitaan atas Borang 8A.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN WONG KOON MUN  
( KUALA KUBU BHARU )**

**TAJUK : ORANG ASLI**

20. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan statistik jumlah orang Asli dengan pecahan mengikut daerah dan suku di Selangor?
- b) Nyatakan statistik anak-anak orang Asli yang telah berjaya dalam bidang pendidikan?

**JAWAPAN :**

- a) Masyarakat Orang Asli yang terdapat di Negeri Selangor adalah seramai 15,616 orang setakat Disember 2007. Suku Kaum Orang Asli yang terdapat di Negeri Selangor adalah dari Suku Kaum Temuan. Jumlah pecahan bagi daerah dan suku kaum Orang Asli Negeri Selangor adalah seperti di bawah:-

**Masyarakat Orang Asli di Negeri Selangor**

- Penduduk Orang Asli di Selangor mengikut bancian tahun 2007 adalah seramai 15,616 orang, 3257 KIR dan 12,359 AIR.
- 74 buah kampung.
- Terdapat di semua iaitu 5 daerah
- Batin adalah seramai 54 orang
- Penduduk mengikut daerah teramai di Negeri Selangor : -
  - i) Daerah Hulu Selangor = 3939 orang
  - ii) Daerah Sepang = 3273 orang
  - iii) Daerah Kuala Langat & Klang = 4876 orang
  - iv) Daerah Gombak / Petaling = 1666 orang
  - v) Daerah Hulu Langat = 1862 orang

15,616 orang

**Rumusan:**

- i. Suku Kaum Mahmeri = 1,967 orang
  - ii. suku Kaum Temuan = 13,435 orang
  - iii. suku Kaum Semai = 214 orang
- = 15,616 orang

b)

BIL	IPTA	TAHUN			
		2007	2008	2009	2010
1	UM	3	-	-	-
2	UKM	-	2	-	-
3	USM	-	1	-	-
4	UIAM	-	-	-	-
5	UUM	1	1	-	-
6	UTM	1	-	-	-
7	UPM	1	-	-	-
8	UiTM	15	14	8	10
9	POLITEKNIK	3	2	-	7
10	UTHM	-	-	-	-
11	UNIMAS	-	-	-	-
12	UMS	-	-	-	-
13	UPSI	1	1	-	-
14	K.KOMUNITI	2	2	-	4
15	UMT	-	-	-	-
16	UTeMM	-	-	-	-
17	UMP	-	1	-	-
18	UMK	-	1	-	-
19	INSTITUT PERGURUAN	-	-	-	-
20	UDM	-	-	1	1
21	MATRIKULASI	-	1	-	2
22	LUAR NEGARA	-	-	-	-
23	KOLEJ ADAM	-	-	-	1
24	USIM	-	-	1	-
<b>JUMLAH</b>		<b>27</b>	<b>26</b>	<b>10</b>	<b>25</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK : DASAR MERAKYATKAN MAKLUMAT**

21. Kerajaan negeri ada memperkenalkan dasar untuk merakyatkan maklumat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar.

- a) Apakah kerajaan negeri serius memperkenalkan Enakmen Kebebasan Maklumat sebagai tanda menjayakan agenda ini?
- b) Apakah Strategi dan program khusus bagi melaksanakan agenda ini bagi tahun 2010?
- c) Berapakah peruntukan yang disalurkan untuk menjayakan dasar ini?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS  
(KUANG)**

**TAJUK : ISU PENYELENGGARAAN JALAN**

22. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah usaha kerajaan negeri terhadap jalan – jalan utama di Bandaraya Shah Alam yang berlubang dan tidak rata?
- b) Adakah kerajaan negeri berhasrat untuk memulihkan sepenuhnya jalan – jalan yang berlubang, rosak dan tidak rata di sekitar Shah Alam setanding dengan kualiti Shah Alam sebagai sebuah bandar raya?

**JAWAPAN :**

- a) Tahap jangka hayat jalan bergantung pada jumlah bebanan kenderaan, reka bentuk asas / permukaan jalan, cara pembinaan dan cuaca / alam sekitar. Jumlah panjang jalan di MBSA adalah 1604 km. Senarai keutamaan jalan adalah bermula daripada jalan-jalan protokol / utama (primary), jalan utama kawasan (secondary) dan jalan hadapan rumah (tertiary). Dalam menyelenggara jalan, pihak MBSA memberi keutamaan kepada jalan-jalan utama / protokol. Turapan semula dibuat apabila jumlah kerosakan di jalan tersebut melebihi 40 % daripada jumlah keseluruhan permukaan, sementara penampalan lubang dibuat sekiranya kurang 40% daripada jumlah keseluruhan permukaan. Untuk tahun 2010, jumlah kerja-kerja pembaikan jalan adalah seperti berikut :

Peruntukan MBSA	:	RM1,400,000.00
Peruntukan MARRIS	:	RM4,500,000.00 (jalan) RM1,000,000.00 (saliran)

Pihak MBSA dalam peringkat menjalankan kerja-kerja (peruntukan MBSA) dan peringkat mengeluarkan sebut harga (peruntukan MARRIS).

- b) Dengan jumlah panjang jalan yang sangat tinggi (1604km), pihak MBSA bercadang membuat pembaikan mengikut senarai keutamaan yang dimulai dengan jalan-jalan utama / protokol (primary).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH  
(PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : BANJIR**

23. Kehadiran hujan boleh mengakibatkan banjir di sesetengah kawasan rendah di Selangor dan secara tidak langsung akan mengakibatkan kerosakan, kemusnahan harta benda serta kerugian kepada mangsa banjir.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah langkah-langkah awal serta drastik dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menangani dan mengatasi masalah banjir yang kerap berlaku di sesetengah kawasan rendah bila tiba musim hujan?
- b) Adakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang dari Kerajaan Negeri?
- c) Adakah bantuan khas bagi keluarga mangsa banjir? Jika ada, sila nyatakan bentuk bantuan serta bagaimana bantuan tersebut diurus dan disalurkan kepada mangsa yang berhak menerimanya?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KG. TUNKU)**

**TAJUK : PROJEK-PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI**

24. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah pencapaian kerajaan yang terkini dalam usaha memulihkan projek-projek perumahan yang terbengkalai dengan memberi perangkaan-perangkaan terkini.

**JAWAPAN :**

- a) Sehingga kini, Kerajaan Negeri telah berjaya menyelesaikan sebanyak 20 projek perumahan terbengkalai yang melibatkan 7,779 unit dari Mac 2008 sehingga 31 Mei 2010 dan senarai projek tersebut seperti berikut :

<b>BIL</b>	<b>PROJEK</b>	<b>NAMA PEMAJU</b>	<b>UNIT</b>
1	Cadangan Pembinaan Pangsapuri Kos Sederhana Tinggi	Sama Pesona Sdn Bhd	600 Unit
2	1 Blok Hotel 18, Persiaran Raja Muda Musa, Pelabuhan Klang.	Transhabour Sdn Bhd	258 Unit
3	Membina 28 Unit Rumah Berkembar di atas Lot 1344, Jalan Sri Banang 14, Taman Sri Andalas, Mukim Klang	URC Housing Sdn Bhd	28 Unit
4	Taman Bunga Ros, Mukim Klang, Klang	Tetuan Ram Developer Sdn. Bhd & Tetuan Willow Construction Sdn. Bhd	30 unit
5	Projek Perumahan Taman Pinggiran Batu Caves, Daerah Gombak	Tetuan Bee Teck Trading Corporation Sdn. Bhd.	196 Unit
6	Taman Prima Selayang Di Atas Lot 8213, 6017 Sebahagian Lot 4487, 5510 & Tanah Kerajaan Mukim Batu, Gombak	Kansas Corporation Sdn Bhd	220 Unit
7	Rumah Teres 2 Tingkat, HS ( D) 56918, PT 31343, Gombak	Tetuan Hartawan Pasifik Sdn. Bhd	387 Unit

8	Taman Hulu Langat Jaya	Spring Courts Sdn Bhd	36 Unit
9	Tmn Wawasan, Mukim Tanjung Karang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Radiant Hart Construction Sdn. Bhd	33 Unit
10	Tmn Yayasan, Mukim Kuala Selangor	Tetuan Pramax Sdn. Bhd. JV Tetuan Yayasan Selangor	77 Unit
11	Cadangan Pembinaan Bercampur Pusat Komersial, Seksyen 7, Bandar Shah Alam	Tetuan PCM Bina Sdn. Bhd	1,514 Unit
12	Pangsapuri Seri Nipah, Taman Pinggiran USJ, Shah Alam	Tetuan LBS Bina Group Berhad	30 unit
13	Bandar Pinggiran Subang, Shah Alam. (Pangsapuri Okid)	SPNB /Unique Creation	580 Unit
14	Cadangan Membina Rumah/Kedai 4 Tingkat Taman Serdang Perdana, Seksyen 5, Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan Green Crescent Sdn. Bhd.	512 Unit
15	Cadangan Pembinaan Pusat Perniagaan Pangsapuri Perkhidmatan, UEP Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling	Tetuan Sanjung Utama Sdn. Bhd.	1,316 Unit
16	Projek Taman Puncak Jalil, Fasa 9 B, 9 C, 9F, 12, 19 dan 21	Talam Corporation Bhd.	1,447 Unit
17	Cadangan Rumah Berkembar 21 Unit 2 Tingkat dan 47 Unit rumah Teres 2 1/2 Tingkat, Taman Kosas, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat (MPAJ)	Tetuan Koperasi Serbaguna Anak-Anak Selangor Berhad	203 Unit
18	Projek Pembesaran Kampung Gesir Tengah, Daerah Hulu Selangor	HRK Holdings Sdn. Bhd.	128 Unit
19	KOMPLEKS KOTA KAJANG, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Windhill Development & Construction Sdn. Bhd.	100 Unit

20	Taman Nilam, Mukim Ujung Permatang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Richmall Sdn. Bhd.	84 unit
<b>Jumlah Pembeli/Unit</b>		<b>7,779 unit</b>	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : PUSAT KEBUDAYAAN**

25. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan perkembangan terkini proses pembinaan Pusat Kebudayaan Cina seperti yang dicadangkan sebelum ini ?
- b) Sila nyatakan di manakah lokasi sebenar yang dikenal pasti untuk pembinaan Pusat Kebudayaan Cina tersebut dan bilakah kerja-kerja pembinaan akan dimulakan ?
- c) Sila nyatakan apakah sebenar kekangan yang dihadapi oleh pihak Kerajaan dan seterusnya menyebabkan cadangan pembinaan Pusat tersebut tergendala sehingga kini ?

**JAWAPAN:**

- a) Setakat ini, pembangunan Pusat Kebudayaan Cina telah berada di peringkat pembentangan Kertas Konsep dan telah pun dipersetujui dan diluluskan oleh YAB Menteri Besar. Beberapa mesyuarat penyelarasan telah diadakan dan secara dasarnya ia telah dipersetujui dengan pembangunan Pusat Kebudayaan Cina akan dibangunkan terlebih dahulu sebelum membuka ruang kepada pembangunan Pusat Kebudayaan Melayu dan India. Dijangka pada bulan Ogos akan datang, Mesyuarat Penyelarasan Pusat Kebudayaan Semua Kaum akan diadakan sekali lagi bagi memperincikan dan menyelaraskan pembangunan pusat kebudayaan berkenaan.
- b) Lokasi sebenar yang telah dikenal pasti untuk pembinaan Pusat Kebudayaan Cina ialah di tanah / tapak hak milik Yayasan Selangor di pesisir Sungai Klang. Pemilihan lokasi ini juga selaras dengan langkah Kerajaan Negeri dalam rangka rancangan Pemulihan Sungai Klang yang akan menjadi rancangan terbesar dan berpotensi menjadi daya tarikan baru di negeri ini. Tidak hanya Pusat Kebudayaan Cina sahaja, bahkan Pusat Kebudayaan Melayu dan India juga telah dirancang akan dibangunkan di kawasan yang sama. Kerja-kerja pembinaan Pusat Kebudayaan Cina dijangka akan hanya bermula setelah semua proses berkaitan status tapak sedia ada selesai dibuat.
- c) Kekangan yang dihadapi oleh pihak Kerajaan Negeri ketika ini ialah berkaitan status tapak / tanah bagi cadangan pembangunan Pusat Kebudayaan Cina tersebut. Tapak / tanah yang dipilih merupakan hak milik Yayasan Selangor. Ini berkemungkinan besar akan melibatkan proses pengambilan balik tanah mengikut prosedur di bawah Kanun Tanah Negeri. Namun begitu, Kerajaan Negeri akan mengadakan perbincangan lanjut bersama-sama pihak Yayasan Selangor, Pejabat Tanah Daerah Klang dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) untuk melihat dan memperincikan tentang status tanah tersebut dan proses-proses selanjutnya yang boleh diambil.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : GAJI, ELAUN DAN TUNTUTAN EXCO KERAJAAN NEGERI**

26. Bagi tahun 2009 untuk setiap ahli EXCO, setiap bulan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa gaji asas dan elaun EXCO?
- b) Berapakah tuntutan dalam dan luar negara EXCO?
- c) Berapakah elaun dan tuntutan EXCO daripada anak-anak syarikat atas nama ahli Lembaga Pengarah anak-anak syarikat tersebut (jika ada)?

**JAWAPAN :**

- a) Gaji dan elaun AMMKN adalah sebanyak RM 23,222.08 sebulan (seperti di lampiran 'D')
- b) Tuntutan dalam dan luar negara bagi AMMKN tahun 2009 adalah RM 159,471.50 telah dibelanjakan.
- c) Jumlah elaun YAB Dato' Menteri Besar adalah sebagai Pengerusi KDEB adalah :-

Yuran Pengarah setiap tahun	RM100,000.00
Elaun Mesyuarat Lembaga Pengarah	RM5,000.00
Elaun bulanan sebagai Pengerusi	RM10,000.00
"Leave Passage"	RM100,000.00 (Yang masih belum dituntut)

## GAJI, ELAUN DAN TUNTUTAN EXCO KERAJAAN NEGERI TAHUN 2009

Bil	Gaji & Elaun	Elaun (RM)	Jumlah Sebulan (RM) (Elaun x Bil. ADUN)	Jumlah Setahun (RM) (Elaun x 12 bulan)	Amaun Besar
1	Gaji Ahli MMK Dewan	6,109.29	6109.29x10=61,092.90	61,092.90x12=733,114.80	733,114.80
2	Elaun Ahli Dewan	4,112.79	4112.79x10=41,127.90	41,127.90x12=493,534.80	493,534.80
3	Elaun Keraian ADUN	1,500.00	1500.00x10=15,000.00	15,000.00x12=180,000.00	180,000.00
4	Elaun Khas ADUN	1,500.00	1500.00x10=15,000.00	15,000.00x12=180,000.00	180,000.00
5	Bayaran Balik Bil Telefon	2,500.00	2500.00x10=25,000.00	25,000.00x12=300,000.00	300,000.00
6	Perbelanjaan Pejabat	3,000.00	3000.00x10=30,000.00	30,000.00x12=360,000.00	360,000.00
7	Elaun Pengerusi J/kuasa Tetap	2,500.00	2500.00x10=25,000.00	25,000.00x12=300,000.00	300,000.00
8	Elaun Kediaman Rasmi	2,000.00	2000.00x10=20,000.00	20,000.00x12=240,000.00	240,000.00
		23,222.08	232,220.80	2,786,649.60	2,786,649.60

\*Perbelanjaan Pejabat

Amaun berbeza mengikut bil kawasan DUN Angkat Yang ditadbir oleh AMMKN Masing-masing

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : SUKAN UNTUK KANAK-KANAK**

27. Kerajaan Negeri mempunyai pelbagai program sukan untuk para belia dan remaja.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimana pula dengan sukan untuk kanak-kanak yang berumur di bawah 12 tahun ?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mengadakan program sukan untuk kanak-kanak di bawah umur 12 tahun ?

**JAWAPAN :**

- a) Program Pembangunan Sukan di bawah umur 12 tahun adalah di bawah kendalian Jabatan Pelajaran iaitu Majlis Sukan Sekolah-sekolah Negeri Selangor (MSSNS). Majlis sentiasa bekerjasama dengan pihak MSSS dalam program-program yang dijalankan. Peruntukan kewangan juga disediakan kepada MSSS dalam membantu program yang dijalankan.
- b) Selain dari itu, Majlis Sukan Negeri Selangor melalui Persatuan Sukan Negeri Selangor masih menjalankan program-program pembangunan sukan diperingkat akar umbi sepanjang masa dengan mengadakan Program TID iaitu sebuah program mengenal pasti bakat baru. Ini disebabkan adanya sukan-sukan yang memerlukan latihan seawal umur 6 tahun seperti sukan Gimnastik Artistik dan Gimrama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK : KEMPEN TIDAK MENGGUNAKAN BEG PELASTIK**

28. Sejak tahun lepas kempen tidak menggunakan beg plastik dilancarkan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah matlamat kempen ini dilancarkan?
- b) Adakah kempen ini mencapai objektif yang dihasratkan?
- c) Mengapa tidak dilarang saja kilang-kilang mengeluarkan beg plastik?

**JAWAPAN :**

- a) Kempen Hari Tanpa Beg Plastik ini dilaksanakan khusus bagi mengurangkan penggunaan beg plastik di Negeri Selangor dan juga mengubah pemikiran masyarakat bahawa beg plastik adalah bukan sumber percuma tetapi sumber asasnya adalah daripada petroleum. Oleh itu, penggunaan beg plastik yang lebih efisien adalah wajar bagi menjamin kemapanan alam sekitar.

Matlamat utama kempen ini adalah untuk mengurangkan peratus penggunaan beg plastik sebanyak 20% bagi tahun 2010. Kerajaan Negeri juga mensasarkan lebih ramai peruncit/pasar raya yang menyertai Kempen Hari Tanpa Beg Plastik ini dan penglibatan orang awam bagi menjayakan kempen ini adalah penting bagi memastikan keberkesanan pengurangan penggunaan beg plastik di Negeri Selangor dan seterusnya menjadi contoh ikutan bagi negeri-negeri yang lain.

- b) Setakat bulan Mei 2010, sebanyak 5 juta beg plastik berjaya dikurangkan hasil daripada kempen ini dan sebanyak 72 pasar raya / peruncit dengan lebih kurang 755 premis di seluruh Selangor telah menandatangani deklarasi bagi menyertai kempen ini.

Berdasarkan pemantauan kempen ini setiap hari Sabtu, pengguna secara beransur-ansur mula membawa beg sendiri daripada rumah bagi mengelak dikenakan caj RM0.20 tersebut. Ini menunjukkan masyarakat mula menerima dan menyokong kempen ini demi menjamin kepentingan alam sekitar yang berterusan.

- c) Kerajaan Negeri tidak melarang pengeluaran beg plastik oleh kilang-kilang kerana penggunaan beg plastik dalam industri masih diperlukan dan permintaan yang masih tinggi kerana kemudahan penggunaannya. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri amat menggalakkan penggunaan beg berkualiti tinggi dan boleh diguna semula.

Kempen-kempen kesedaran alam sekitar masih lagi diperlukan untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada orang awam mengenai kesan penggunaan beg plastik di mana jika penggunaannya semakin meningkat, ia boleh menimbulkan pelbagai masalah termasuk pencemaran alam sekitar.

**Senarai pasaraya/peruncit yang terlibat dalam Kempen Hari Tanpa Beg Plastik setiap hari Sabtu di Negeri Selangor.**

- 39 Memory Lane (M) Sdn Bhd (Sg Chua, Kajang)
- 40 Pasaraya Badurun
- 41 Baby Villa Sdn Bhd
- 42 Baby Cottage Sdn Bhd (Subang Parade)
- 43 Warta Superstore (Batu Caves) Sdn Bhd
- 44 EK HARDWARE DIY (M) SDN. BHD
- 45 SACC Mall
- 46 Rampai Niaga Sdn Bhd - The Body Shop
- 47 **Pets More Sdn Bhd**
- 48 Kat-lye Boutique Sdn Bhd (Subang Parade)
- 49 **KK Group - KK Supermart**
- 50 HiTS Collection (SACC)
- 51 Nando's (SACC)
- 52 Turkuaz Sdn Bhd (SACC)
- 53 Qamilla Collection (SACC)
- 54 **Sunway Giza- Kota Damansara**
- 55 **MPH Bookstores Sdn Bhd**
- 56 Green Life Organic Enterprise
- 57 Sinma Jewellery Centre Sdn Bhd (Klang Parade)
- 58 Cziplee Books & Stationery (Kajang) Sdn Bhd
- 59 Speedy Video Distributors Sdn Bhd (Klang Parade)
- 60 Rumix Station (Klang Parade)
- 61 RenRen Bookshop Sdn Bhd (Klang Parade)
- 62 Big Bookshop Sdn Bhd – beginning 29<sup>th</sup> June
- 63 Pizza Pah Foods Sdn Bhd (PKNS Bangi)
- 64 Ikatan Ria Enterprise (PKNS Bangi)
- 65 Nur Nilam Sari Centre (PKNS Bangi)
- 66 Speedy Video HQ
- 67 Seloka Sukma Sdn Bhd
- 68 BMS Organics
- 69 Syarikat Elektrik Tong Seng Sdn Bhd
- 70 Transmark Sdn Bhd
- 71 Wings Leather Enterprise (Subang Parade)
- 72 ~H2O - Luxor YRM Sdn Bhd

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE YING HA  
(TERATAI)**

**TAJUK : STATUS SURAT KHABAR SELANGORKINI**

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Siapakah pemilik Selangorkini.
- b) Berapakah peruntukkan yang digunakan untuk menerbitkan Selangorkini dalam satu tahun. Sila jelaskan belanjawan secara terperinci

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN  
(SUBANG JAYA)**

**TAJUK : TANAH BANGLO DI USJ 3B DAN 3D**

30. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- a) Sila berikan latar belakang dan kronologi pemberian tanah-tanah banglo di kawasan perumahan USJ 3B dan USJ 3D ( seperti butir-butir kegunaan asal, tarikh permohonan, kelulusan, bayaran dan sebagainya).
  - b) Sila senaraikan nama pemilik, jumlah premium tanah yang telah dibayar dan cara penjualan tanah-tanah banglo ini (sama ada melalui rundingan terus, iklan atau sebagainya).
  - c) Mengapakah soalan ini tidak dijawab semasa ditanya pada tahun 2008?


**JAWAPAN :**

- a) Mesyuarat EXCO MTES Bi 6/2001 yang telah diadakan pada 20 Februari 2001 telah menimbang dan bersetuju meluluskan pemberimilikan tanah di Mukim Sempadan Ladang Ibor, Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling kepada 100 pemohon seluas kira-kira 5132 kaki persegi hingga 6546 kaki persegi tiap-tiap plot untuk tujuan tapak rumah kediaman. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang diadakan pada 21 Februari 2001 MMK ke 5/2001 telah menimbang dan bersetuju keputusan EXCO MTES meluluskan pemberimilikan tanah di Mukim Sempadan Ladang Ibor, Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling. Permohonan telah dikemukakan pada tahun 2000 dan premium yang dikenakan RM2.00 sekaki persegi (kadar berpandukan kebanyakan pemohon adalah pemegang Lesen Menduduki Sementara dan jenis tanah adalah tanah desa).
- b) Senarai seperti di lampiran A.
- c) Tidak dapat maklumat soalan ini sama ada dikemukakan sebagai soalan pertanyaan mulut atau dibahaskan dalam dewan.

Lampiran A

**SENARAI NAMA PEMEGANG LESEN MENDUDUKI SEMENTARA DI SEMPADAN  
LADANG IBOR UNTUK TUJUAN TAPAK RUMAH KEDIAMAN**

Bil.	Nama	No. K/P;	Luas	No. Plot
1	Raja Sharifuddin B. Raja Ahmad	3960989	6546 k.p.	1
2	Zainun Bt Sitam	568940	5062 k.p.	2
3	Mohd. Faizal B. Muhammad	A2231332	5404 k.p.	3
4	Zaiemar Binti Mohtar	491106-10-5572	5404 k.p.	4
5	Mohamed B. Abd. Ghani	460731-01-5183	5405 k.p.	5
6	Ahmad B. Mohd Arif	5083971	5406 k.p.	6
7	Tham Tick Yee	491220-08-5683	5407 k.p.	7
8	Lua Kun Eng	8204814	5407 k.p.	8
9	Wong Yoong Kong	491209-08-5009	5408 k.p.	9
10	Bong Nam Long Tay Siew Joo	571025-02-6063 610622-01-5206	5409 k.p.	10
11	Lim Chee Min	570113-03-5205	5410 k.p.	11
12	Gideon Tan	A0055554	5410 k.p.	12
13	Mohamed Yusof B. Abdul Halim,	570507-04-5027	5411 k.p.	13
14	Lim Kok Sai	590519-07-5395	5412 k.p.	14



*Setiausaha*  
**EXCO Majlis Tindakan Ekonomi  
Selangor**

Bil.	Nama	No. K/P;	Luas	No. Plot
15	Chin Soong Siong	451020-10-5313	5412 k.p.	15
16	Rasimah Bt Deraman.,	571011-03-5196	5412 k.p.	16
17	Seripah Noli Bt Syed Hussin,	5277351	5413 k.p.	17
18	Syed Hanafi B Syed Abd Rahman	1214137	5414 k.p.	18
19	Fatima @ Fatimah Bt Apan,	2980086	5415 k.p.	19
20	Fatimah Bte Abu Bakar,	3057343	5415 k.p.	20
21	Lim Ewe Beng,	4630152	5416 k.p.	21
22	Daniel Ho Whai Ann	511026-71-5085	5417 k.p.	22
23	Ong Siew Chin	6130015	5418 k.p.	23
24	Lim Poh Hooi	8228355	5418 k.p.	24
25	Tee Tuan Chok,	560717-05-5347	5419 k.p.	25
26	Yang Chiew Bi,	5887005	5419 k.p.	26
27	Ng Kien Lock,	6386019	5419 k.p.	27
28	Shahriah bte Md. Khalid	570427-01-6322	5420 k.p.	28
29	Khadijah Bte A.R. Shahrudin	510628-08-5688	5420 k.p.	29
30	Norhuda Bt Muhamad Noh,	A 3237819	5420 k.p.	30

*[Handwritten Signature]*



*[Handwritten Signature]*  
 Setiausaha  
 EXCO Majlis Tindakan Ekonomi  
 Selangor

Bil.	Nama	No. K/P;	Luas	No. Plot
31	Abu shafian B Abd Hamid	500131-05-5281	5421 k.p.	31
32	Chan Foong Lin	510124-10-5876	5421 k.p.	32
33	Norlehayati Bt Hashim	4684126	5421 k.p.	33
34	Jaafar B. Saad,	3947898	5422 k.p.	34
35	Chua Mooi Hua,	671008-08-5422	5704 k.p.	35
36	Loo Ah Moy,	3608-08-5186	6382 k.p.	36
37	Poh Jui Cheh	641107-04-5517	5226 k.p.	37
38	Siow Mee Fong,	731124-05-5046	5226 k.p.	38
39	Lee You Hin	7267631	5226 k.p.	39
40	Chan Yoke Yin	520507-10-5610	5226 k.p.	40
41	John Mohd B. Abdul Rahim	4026059	5227 k.p.	41
42	Johar Mohd Che Din	6544751	5227 k.p.	42
43	Pesah Bt Ahmad	6276038	5227 k.p.	43
44	Kamarudin B Chon	610703-10-6089	5228 k.p.	44
45	Latifah Bte Abdul Rahman	580814-71-5202	5228 k.p.	45
46	Johar Bin Mohamad	470501-04-5239	5228 k.p.	46

*[Handwritten Signature]*




*[Handwritten Signature]*  
 Setiausaha  
 EXCO Majlis Tindakan Ekonomi  
 Selangor


Bil.	Nama	No. K/P;	Luas	No. Plot
47	Roslan Bin Omar.	7349491	5228 k.p.	47
48	Zulkifli B. Fadzil	6544751	5228 k.p.	48
49	Wong Fok Sev	394780	5228 k.p.	49
50	Ng Kim Moy @ Mike Ng.	550402-10-5953	5229 k.p.	50
51	Wong Seow Khuang,	501128-08-5986	5229 k.p.	51
52	Ang Muai @ Won Ai Chin	440429-11-5038	6553 k.p.	52
53	Ngeow Yeok Meng,	690803-10-5502	5141 k.p.	53
54	Kamalam a/p Gopal,	520804-10-5422	5141 k.p.	54
55	Ishah Bt Mahmud	4288421	5136 k.p.	55
56	Abas B. Abdullah	1788816	5132 k.p.	56
57	Mohd Shafiee B. Md. Ali	A 0374363	5132 k.p.	57
58	Samsudin Bin Uting	2529994	5132 k.p.	58
59	Othman B Abd Razak	1775644	5132 k.p.	59
60	Dr. Yati Hewett @ Hariaty Bte Mohd. Nor	511029-05-5078	5133 k.p.	60
61	Ahmad Zikri . Hj Omar	5108260-01-5621	5133 k.p.	61
62	Ahmad Zikri . Hj Omar	5108260-01-5621	5133 k.p.	62
63	Abdullah B Mohd. Salleh	461228-10-5485	5133 k.p.	63



  
 Setiausaha  
 EXCO Majlis Tindakan Ekonomi  
 Selangor

Bil.		Bil.	Nama	No. K/P;	Luas	No. Plot
		64	Mohammad Adnan B. Zainuddin	4836354	5134	64
81	Mat	65	Ramli B. Hj. Ahmad,	370630-05-5179	5134 k.p	65
82	Loo	66	Megat Najmudin B Haji Megat Khas	441021-08-5175	5134 k.p	66
83	Ham	67	Md Mukhtar Boerhannoedin	4221481	5134 k.p	67
84	Wan	68	Zarina Bt Minuary	A 0300745	5135 k.p.	68
85	Hasr	69	Mohd. Kamal B. Yusof	A0645864	5135 k.p.	69
86	Suzi	70	Azmi B. Ismail	601220-11-5015	5135 k.p.	70
87	Zain	71	Palandram A/I Mutusamy,	2151207	5136 k.p.	71
88	Yasr	72	P. Thasan	A 0446414	5136 k.p.	72
89	Suria	73	Zaharah Bt Ismail	2017795	5136 k.p.	73
90	Noor	74	Nor Faizah Bt Kacong	690217-10-5016	5136 k.p.	74
91	Marli	75	P. Kasthoori,	3850195	5137 k.p.	75
92	Leov	76	Abu Bakar B Hamzah	520120-05-5241	5137 k.p.	76
93	Chea	77	Shahrin B Hj Ahmad	5066583	5137 k.p.	77
94	Char	78	Noraini Bt Mohd Tahir	4502479	5137 k.p.	78
95	Chin	79	Jamilah Bt Mohamad Noor	5738428	5138 k.p.	79
96	Lee	80	Mohd Mokhtar B. Hj Mohamed	3735965	5138 k.p.	80



  
 Setiausaha  
 EXCO Menteri Tindakan Ekonomi  
 Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK: PROGRAM MENAMBAHKAN PENDAPATAN ISU RUMAH TERUTAMA  
IBU TUNGGAL DAN MISKIN**

31. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah bentuk program yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan negeri kepada golongan ibu tunggal dan miskin untuk menambahkan pendapatan isirumah?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan negeri amat prihatin terhadap golongan ibu tunggal dan miskin dalam membantu mereka untuk meningkatkan pendapatan isi rumah bagi menampung keperluan hidup yang semakin mendesak pada masa kini. Kerajaan negeri bukan ingin sekadar untuk memberi bantuan bulanan secara berterusan tetapi ingin membantu para ibu tunggal agar lebih berdikari dalam meningkatkan taraf hidup masing. Usaha-usaha yang berterusan oleh kerajaan negeri amat penting bagi memastikan setiap ibu tunggal yang dibantu dapat berdikari sepenuhnya agar mereka lebih bermotivasi dalam melakukan aktiviti yang menambah pendapatan mereka. Terdapat pelbagai usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri dalam membantu ibu-ibu tunggal di Selangor bagi tahun 2010: Antaranya seperti berikut:

- i) Bantuan Kerajaan Prihatin – membaiki dan membina rumah baru bagi pemohon yang layak ( 49 orang wanita telah diluluskan permohonan mereka)
- ii) Bantuan Blueprint Kemiskinan – Bantuan kepada mereka yang miskin dan ingin memulakan perniagaan sendiri secara kecil-kecilan (107 orang wanita telah diluluskan permohonan mereka)
- iii) Dana usahawan IKS – Dana bagi mereka yang ingin mengembangkan perniagaan sendiri ( 69 orang wanita telah diluluskan permohonan mereka)

Selain itu, Kerajaan Negeri juga turut menganjurkan kursus kemahiran jangka pendek untuk wanita suri rumah dan ibu tunggal dengan kerjasama pejabat daerah. Antaranya seperti berikut:

- i) Kursus Sulaman manik (Daerah Klang) – 30 peserta
- ii) Kursus Bunga Stokin ( Daerah Kuala Selangor) – 30 peserta
- iii) Kursus Sulaman reben (Daerah Petaling) – 30 peserta

Kerajaan negeri turut mewujudkan sebuah portal khas yang dinamakan 'Portal E-Bu" di mana ia merupakan sebuah pangkalan maklumat ibu tunggal seluruh Selangor. Ibu-ibu tunggal digalakkan untuk berdaftar dengan portal ini agar kerajaan negeri dapat merancang pelbagai program yang bermanfaat berdasarkan maklumat yang terdapat dalam portal tersebut.

Sehubungan itu, setiap ibu tunggal yang berminat mereka boleh memohon untuk mendapatkan bantuan-bantuan yang dinyatakan di atas sebagai usaha untuk memajukan diri mereka. Bantuan yang diberikan secara adil dan telus di mana hanya mereka yang benar-benar layak akan menerima bantuan tersebut. Bantuan yang diberikan seharusnya dimanfaatkan sepenuhnya oleh penerima kerana terdapat ramai yang memohon tidak dapat diluluskan kerana mereka tidak dapat menunjukkan kesungguhan mereka dalam meningkatkan taraf hidup mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LEE KIM SIN  
(KAJANG)**

**TAJUK : KUARI**

32. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah hasil daripada perlombongan kuari dan pasir dalam tahun 2008-2009?
- b) Apakah permintaan dan unjurannya dalam tahun 2008-2015?
- c) Apakah sistem pemantauan yang sedia ada dan tindakan selanjutnya untuk mengelakkan ketirisan dan perlombongan tanpa kebenaran?

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : PELABURAN**

33. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan jumlah pelaburan yang diterima oleh Kerajaan Negeri menerusi Taman Sains, Kota Damansara sepanjang lima tahun yang lepas

**JAWAPAN :**

- a) Jumlah pelaburan yang diterima oleh Kerajaan Negeri menerusi Taman Sains Kota Damansara sepanjang lima tahun yang lepas adalah sebanyak **RM 860 juta** melibatkan projek-projek seperti berikut;-

Bil.	Jenis pelaburan	Jumlah Lot
i.	Pusat Industri – Hi-Tech	29 lot
ii.	Pusat Industri Sokongan	17 lot
iii.	Pusat Pendidikan	7 lot
iv.	Kompleks Gudang	6 lot
v.	<b>Jumlah</b>	<b>59 lot</b>

*Sumber : Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK :      TABUNG ANAK WARISAN SELANGOR (TAWAS)**

34. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- a) Senaraikan jumlah bayi sasaran dan juga jumlah bayi yang berjaya didaftarkan di bawah Tabung Anak Warisan Selangor daripada tahun 2008-2010 ?
  - b) Senaraikan jumlah peruntukan kerajaan negeri yang digunakan untuk skim TAWAS daripada tahun 2008-2010.
  - c) Senaraikan aktiviti yang telah dan akan dijalankan untuk bayi yang berjaya didaftarkan daripada tahun 2008-2010 mengikut pecahan daerah.

**JAWAPAN    :**

- a) Untuk makluman pihak Y.B., sehingga kini YAWAS tidak mempunyai sebarang jumlah bayi sasaran. Ini kerana jumlah statistik kelahiran yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Negeri Selangor adalah menyeluruh di mana ia turut merangkumi kelahiran yang tidak menepati syarat TAWAS iaitu anak bukan warganegara dan juga anak yang lahir di Selangor tetapi ibu bapa bukan kelahiran Selangor yang menetap kurang daripada 5 tahun di Selangor.

Untuk makluman, sehingga 6 Julai 2010 jumlah bayi yang telah berjaya didaftarkan adalah sebanyak 26,137 orang.

- b) Untuk makluman Y.B. kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM 8,500,000 untuk Skim TAWAS bermula dari 2008 hingga kini. Sebanyak RM 1,342,400 telah dibayar dan dimasukkan ke akaun ahli di AmBank (M) Berhad sehingga 30 Jun 2010.

- c) Aktiviti yang telah dan akan dijalankan untuk bayi yang berjaya didaftarkan daripada tahun 2008-2010 adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Aktiviti</b>	<b>Bandar</b>
2008	Sambutan Malam Kemerdekaan dan Pelancaran TAWAS	- Shah Alam
2009	Majlis Penyerahan Sijil Simpanan Tetap TAWAS-AmBank dan Kad SiManja	- Rumah Menteri Besar Selangor - Banting
	Majlis Sambutan Hari Lahir	- Hulu Selangor - Hulu Langat - Tanjung Karang - Taman Medan - Shah Alam
2010	Majlis Sambutan Hari Lahir	- Taman Medan - Batang Kali
	Program Pemeriksaan Kesihatan Bersama BP Healthcare	- Sabak Bernam
	Program Menjana Pendapatan Kelab Parent's	- Shah Alam
	Program Ceramah Kewangan yang Bijak & Penyerahan Sijil TAWAS-AmBank	- Klang - Ampang - Batang Berjuntai
Akan Datang	Majlis Sambutan Hari Lahir	- Batu Tiga (3), Klang
	Program Ceramah Kewangan yang Bijak & Penyerahan Sijil Tetap Simpanan TAWAS AmBank	- Sepang - Banting

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB TUAN YAP LUM CHIN  
(BALAKONG)**

**TAJUK: BANTUAN BIASISWA PELAJAR**

35. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- a) Berapakah jumlah biasiswa kerajaan negeri yang dikeluarkan kepada pelajar cemerlang pada dua tahun lepas?
  - b) Berapakah jumlah peruntukan biasiswa kepada pelajar bukan bumiputera?
  - c) Apakah rancangan kerajaan supaya biasiswa ini ditingkatkan? Sila jelaskan.

**JAWAPAN:**

- a) **Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (TKWBNS)** mempunyai **dua (2) jenis tabung** yang memberi kemudahan pinjaman pelajaran kepada anak-anak Negeri Selangor dan mereka yang layak setelah dipertimbangkan oleh Lembaga Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (LTKWBNS). Bentuk tabung pinjaman yang disediakan adalah seperti berikut:
- (i) Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor  
Tabung ini menyediakan kemudahan pinjaman pelajaran untuk pelajar-pelajar yang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam negara, sama ada IPT Awam/ IPT Swasta (IPTA/ IPTS) bagi pengajian di peringkat Sijil/ Diploma/ Ijazah.
  - (ii) Pinjaman Pelajaran Tenaga Mahir (*Fast Track*) Negeri Selangor  
Tabung ini menyediakan kemudahan pinjaman pelajaran kepada pelajar-pelajar yang menuntut di IPTS bagi kursus-kursus yang berkaitan dengan bidang teknikal dan kemahiran di peringkat Sijil.

Bagi tempoh **dua (2) tahun** lepas, TKWBNS telah menawarkan pinjaman pelajaran mengikut pecahan seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan Pelajar Ditawarkan</b>	<b>Bilangan Pelajar Terima Tawaran</b>	<b>Kos Pembiayaan</b>
<b>2008</b>	1,056	693	RM3.98 juta
<b>2009</b>	1,077	742	RM4.26 juta
<b>JUMLAH</b>	<b>2,133</b>	<b>1,435</b>	<b>RM8.24 juta</b>

Seterusnya, melalui pinjaman pelajaran yang disediakan, TKWBNS turut menawarkan kemudahan **Pinjaman Pelajaran Boleh Ubah** kepada pelajar-pelajar yang telah **menamatkan pengajian** dengan **penapaian cemerlang** di IPTA/ IPTS dalam negara.

Sejak dasar tersebut dikuatkuasakan bermula pada 1 Januari 2003 sehingga 31 Disember 2009, seramai **428 peminjam telahpun mendapat kelulusan** LTKWBNS untuk ditawarkan kemudahan Pinjaman Pelajaran Boleh Ubah dengan melibatkan pelupusan pinjaman **secara biasiswa** berjumlah **RM2,944,540.14**.

Bagi tempoh **dua (2) tahun** lepas, TKWBNS telah meluluskan **Pinjaman Pelajaran Boleh Ubah** kepada pelajar-pelajar cemerlang mengikut pecahan seperti berikut:

Tahun	Bilangan Pelajar Diluluskan	Jumlah Pelupusan Pinjaman
2008	94	RM699,699.00
2009	92	RM741,329.00
<b>JUMLAH</b>	186	RM1,441,028.14

- b) Bilangan pelajar **bukan Bumiputera** yang telah ditawarkan pinjaman pelajaran TKWBNS bagi tempoh **lima (5) tahun** adalah seperti berikut:

Tahun	Kaum		Jumlah Keseluruhan
	Cina	India	
2005	7	13	20
2006	38	34	72
2007	20	22	42
2008	15	24	39
2009	27	73	100
<b>JUMLAH</b>	107	166	273

- c) Pinjaman Pelajaran di bawah TKWBNS merupakan **pinjaman tanpa faedah** bertujuan membantu pelajar-pelajar kelahiran Negeri Selangor, khususnya yang melanjutkan pengajian di IPT dalam negara. Pinjaman pelajaran tersebut merupakan mekanisme Kerajaan Negeri dalam memenuhi tanggungjawab sosial, terutamanya bagi meningkatkan tahap pendidikan rakyat.

Sejak tahun 1988, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak **RM82.8 juta** untuk membiayai TKWBNS, di mana sebanyak RM9 juta daripadanya merupakan caruman kepada tabung Pinjaman Pelajaran Tenaga Mahir (*Fast Track*) Negeri Selangor yang ditubuhkan semenjak tahun 1994. Bagi **tahun 2010** pula, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah **RM8.1 juta** bagi aktiviti biasiswa dan pinjaman pelajaran di bawah TKWBNS.

Jumlah pelajar yang telah menerima kemudahan pembiayaan daripada TKWBNS setakat **31 Disember 2009** adalah seramai **12,800 orang**, melibatkan jumlah pinjaman sebanyak **RM104.2 juta**. Pecahan pinjaman pelajaran yang telah ditawarkan mengikut peringkat pengajian adalah seperti berikut:

(i) Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor

Bil.	Peringkat Pengajian	Bil. Pelajar	Amaun (juta)
1.	Ijazah	3,999	RM54.5
2.	Diploma	4,944	RM33.1
3.	Sijil (IPTA)	889	RM5.1
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>9,832</b>	<b>RM92.7</b>

(ii) Pinjaman Pelajaran Tenaga Mahir (*Fast Track*) Negeri Selangor

Bil.	Peringkat Pengajian	Bil. Pelajar	Amaun (juta)
1.	Sijil (IPTS)	2,968	RM11.5

Bagi pengambilan **Sesi Pertama Tahun 2010** pula, TKWBNS telah menawarkan pinjaman pelajaran kepada seramai **470 orang pelajar** bagi pengajian di peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah dalam pelbagai bidang melibatkan kos pembiayaan berjumlah **RM2.7 juta**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
LEMBAH JAYA**

**TAJUK : KEDAI JUDI**

36. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Kedai judi Magnum, Sports Toto dll dikunjungi oleh orang Islam di kawasan kepadatan orang-orang Melayu kenapa tiada tindakan langsung dari Majlis Agama Islam terhadap mereka-mereka ini.

**JAWAPAN :**

- a) Bahagian Penguatkuasaan turut memfokuskan tindakan pencegahan dan pemantauan ke atas premis dan kedai-kedai judi di seluruh Negeri Selangor termasuk cyber café' yang memberi perkhidmatan pertaruhan berunsur judi dan apa-apa unsur perjudian lain seperti sabung ayam. Bahagian ini merancang dan melaksanakan operasi judi pada setiap bulan di peringkat daerah dan negeri. Berikut di senaraikan tindakan yang telah di ambil dan dilaksanakan di sepanjang bulan Jun 2010:-

- 1) 18 Jun 2010 : Ops Judi Mesin bersama Majlis Daerah Hulu Selangor
- 2) 23 Jun 2010 : Ops Judi Nombor Ekor di Batang Kali
- 3) 9 Jun 2010 : Ops Judi Nombor Ekor di Shah Alam, Petaling Jaya dan Klang
- 4) 23 Jun 2010 : Ops Judi Nombor Ekor di Sepang
- 5) 29 Jun 2010 : Ops Judi Mesin di Sungai Buloh bersama Polis dan MBSA

Selain itu JAIS turut menyarankan agar satu papan tanda peringatan yang lebih besar dibuat oleh PBT di semua premis judi dan dipamerkan di pintu masuk tempat atau rumah judi serta mendesak agar pemilik atau pengusaha rumah judi mengambil berat perkara ini dan tidak membenarkan orang Islam berjudi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PREMIS-PREMIS PERJUDIAN DALAM KAWASAN PBT**

37. Premis-Premis Perjudian dalam Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sila senaraikan bilangan premis-premis perjudian dalam kawasan PBT-PBT di Negeri Selangor yang telah diluluskan premisnya untuk tahun 2008 dan 2009.
- b) Berapakah bilangan premis-premis perjudian diluluskan dalam kawasan PBT-PBT sehingga bulan April tahun 2010?

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR  
(PAYA JARAS)**

**TAJUK : MODEL BARU EKONOMI**

38. Kerajaan Persekutuan mengumumkan Model Baru Ekonomi (MBE) yang berteraskan kreativiti, inovasi dan nilai tinggi untuk memacu ekonomi Malaysia

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kerajaan negeri bersetuju dengan model ini turut diterapkan dalam pembangunan ekonomi negeri?
- b) Apakah strategi kerajaan negeri untuk menyediakan rakyat Selangor dengan model baru ini?
- c) Berdasarkan sumber manusia dan sumber alam yang ada di Selangor, bagaimanakah ia dapat dimanfaatkan selaras dengan model ini?

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB TUAN YAP EE WAH  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: INDUSTRI PEMELIHARAAN BURUNG WALIT**

39. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar

a) Apakah perkembangan Industri Pemeliharaan Burung Walit di Negeri Selangor ?

**JAWAPAN:**

a) Sehingga setakat ini, Industri Pemeliharaan Burung Walet di Negeri Selangor masih berjalan seperti biasa memandangkan Kerajaan Negeri masih menunggu keputusan daripada Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan ke-63 (MNKT) mengenai Garis Panduan Pembangunan Industri Burung Walet yang dijangka akan diadakan sebelum akhir bulan Ogos 2010 walaupun Kerajaan Negeri sendiri telah mengambil inisiatif mewujudkan UUK Pelesenan Burung Walet dan prosedur pengurusan pemutihan serta pembangunan perusahaan burung walet agar ia selari.

Penambahbaikan ke atas UUK dan prosedur berkenaan akan di tambah baik dari semasa ke semasa mengikut keperluan agar industri pemeliharaan Burung Walet di Negeri Selangor dapat berkembang dengan lebih baik di samping penekanan ke atas kawalan penguatkuasaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN WONG KOON MUN  
( KUALA KUBU BHARU )**

**TAJUK : KECURIAN PASIR**

40. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan statistik jumlah dan keluasan lombong pasir yang berdaftar serta jumlah aduan kecurian atau perlombongan pasir haram dengan pecahan mengikut daerah.

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS  
(KUANG)**

**TAJUK : ISU I-CITY**

41. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bayaran masuk ke I-City telah dikenakan kepada pelawat sebanyak RM1. Mengapakah kerajaan negeri tidak mengekalkan lawatan percuma kepada pelawat selaras dengan slogan kerajaan negeri sebagai negeri berkebajikan?
- b) Parkir kereta pelawat di bahu – bahu jalan ke I-City menyebabkan masalah trafik yang teruk. Apakah tindakan kerajaan negeri untuk mengatasi masalah ini di samping mengelakkan kemalangan antara pelawat – pelawat?

**JAWAPAN :**

- a) Setelah disemak, didapati bayaran RM1 tersebut adalah merujuk kepada bayaran untuk meletak kenderaan di kawasan letak kereta jenis persendirian dan bukan kawasan letak kereta awam pada hari Isnin hingga Jumaat. Pada hari Sabtu dan Ahad, bayarannya adalah RM2. Keputusan untuk mengenakan bayaran meletakkan kenderaan di kawasan letak kenderaan persendirian adalah hak pihak pengurusan I-City dengan syarat memperoleh lesen daripada Majlis terlebih dahulu mengikut Undang-undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (MBSA) 2005.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH  
(PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : BANGUNAN LAMA**

42. Di sesetengah kawasan terutamanya di Pelabuhan Klang, mempunyai bangunan-bangunan lama yang telah usang. Ini mencatitkan mata yang memandang oleh kerana Pelabuhan Klang adalah pintu masuk utama kemasukan kapal-kapal dagang dari Negara luar. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Tiadakah perancangan jangka pendek dari PBT atau Kerajaan Negeri bagi membaik pulih semula bangunan-bangunan lama yang telah usang ini? Ini kerana bangunan-bangunan lama tersebut mempunyai nilai-nilai sejarah tersendiri bagi Pelabuhan Klang.
- b) Apakah langkah-langkah dan perancangan Kerajaan Negeri bagi pemuliharaan semula bangunan-bangunan lama yang terdapat di Negeri Selangor khususnya di Pelabuhan Klang?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri telah membuat perancangan bagi kawasan Bandar Pelabuhan Klang dengan menyediakan Kajian Rancangan Kawasan Khas (RKK) Bandar Pelabuhan Klang 2015. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 9 pada 10 Mac 2010 telah meluluskan RKK Bandar Pelabuhan Klang 2015 untuk pewartaan dan telah diwartakan dalam Warta Kerajaan Negeri Selangor pada 27 Mei 2010 dengan No Warta 1567.

Rancangan Kawasan Khas merupakan satu Pelan Tindakan Pembangunan yang disediakan dalam masa singkat untuk tujuan pelaksanaan bagi Majlis Perbandaran Klang dan agensi-agensi yang berkaitan. RKK Bandar Pelabuhan Klang 2015 mengandungi pelan induk yang menunjukkan cadangan pembangunan secara keseluruhan, cadangan-cadangan projek, pelan susun atur, kawalan pembangunan dan pelan pelaksanaan yang melibatkan cadangan fasa dan anggaran kos pelaksanaan.

RKK Bandar Pelabuhan Klang 2015 ini mengandungi cadangan-cadangan pembangunan yang melibatkan guna tanah, imej dan reka bentuk bandar, pengangkutan dan lalu lintas serta pengairan dan saliran. Pelan Tindakan Pembangunan ini sememangnya bertujuan ke arah meningkatkan serta membaik pulih bangunan-bangunan lama yang bernilai sejarah di kawasan Bandar Pelabuhan Klang. Majlis Perbandaran Klang akan menjalinkan kerjasama dengan syarikat-syarikat cat untuk menjalankan kajian cat bagi bangunan-bangunan lama yang mempunyai nilai sejarah.

Bandar Pelabuhan Klang termasuk di dalam Projek Pemuliharaan dan Pembangunan Sungai Klang Fasa 1 di kawasan Majlis Perbandaran Klang sepanjang 21 km. Projek ini boleh membantu meningkatkan imej Bandar Klang dan Pelabuhan Klang serta dapat menjana ekonomi kawasan tersebut.

- b) Kerajaan Negeri sangat komited membuat perancangan bagi pemuliharaan semula bangunan-bangunan lama yang terdapat di Negeri Selangor dengan menyediakan Rancangan-Rancangan Tempatan dan Rancangan-Rancangan Kawasan Khas di semua 12 PBT di Negeri Selangor. Sebagai contoh, Rancangan Kawasan Khas Bandar Kuala Kubu Bharu 2015 sebagai Bandar Warisan Sejarah telah diwartakan pada 27 Mei 2010 No Warta 1568.

Bagi RKK Bandar Pelabuhan Klang 2015, matlamat adalah “Merancang dan menguruskan pembangunan Bandar Pelabuhan Klang ke arah pencapaian persekitaran yang bersih, indah dan mampan serta berimejkan Bandar Pelabuhan”. Antara objektif RKK ini ialah:

- i. Menghasilkan susun atur perancangan kawasan RKK yang lengkap sebagai panduan pembangunan untuk meningkatkan imej dan karakter Bandar Pelabuhan Klang sebagai Bandar Perkhidmatan Pelabuhan.
- ii. Mewujudkan persekitaran kehidupan yang sejahtera berasaskan keperluan dan kehendak penduduk dengan menyediakan kemudahan infrastruktur, kemudahan sosial dan utiliti yang mencukupi dan bersesuaian.
- iii. Meningkatkan potensi dan daya tarikan industri pelancongan.

Konsep dan Strategi Pembangunan bagi pemuliharaan bangunan-bangunan lama bernilai sejarah yang telah dicadangkan di dalam RKK Bandar Pelabuhan Klang 2015 seperti berikut:

- i. Peningkatan imej bandar dan kualiti persekitaran dengan menjadikan kawasan ini “ Mesra Pengguna” dengan aktiviti yang menarik serta mengoptimumkan keunikan dengan warisan sejarah.
- ii. Skala pembangunan yang bersesuaian dengan kawalan kepadatan dan ketinggian bangunan.
- iii. Pemeliharaan bangunan warisan yang mempunyai reka bentuk yang beridentiti sebagai tarikan pelancong ke kawasan ini.
- iv. Pengindahan dan peningkatan ciri-ciri kawasan dengan menyediakan laluan pejalan kaki yang mesra pengguna dengan elemen landskap yang mempunyai nilai estetik.

Walau bagaimanapun, Pelan Tindakan Pembangunan di dalam RKK Bandar Pelabuhan Klang 2015 ini perlu komitmen pelbagai pihak secara bersama dari Agensi Persekutuan, Negeri, Tempatan dan pihak swasta untuk pelaksanaannya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KG. TUNKU)**

**TAJUK : KOS PENYELENGGARAAN KERETA RASMI**

43. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- a) Senaraikan kos penyelenggaraan kereta rasmi Toyota Camry untuk anggota-anggota MMKN kerajaan negeri sejak penggunaannya pada tahun 2009.

**JAWAPAN :**

- a) Kos penyelenggaraan kereta rasmi Toyota Camry untuk Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (AMMKN) sejak penggunaannya pada tahun 2009 adalah RM 106,029.79

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : PROGRAM TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR (TAWAS)**

44. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;
- a) Sila kemukakan butiran terperinci sehingga setakat ini, bagaimanakah sambutan rakyat Negeri Selangor terhadap Program Tawas tersebut ?
  - b) Sila berikan butiran terperinci mengenai jumlah pendaftaran ahli Tawas sehingga kini mengikut pecahan daerah ?
  - c) Terdapat banyak aduan tentang kelewatan memperoleh kad keahlian Tawas sehingga lebih dari setahun. Sila nyatakan apakah punca sebenar permasalahan tersebut dan cara-cara mengatasinya ?

**JAWAPAN:**

- a) Secara keseluruhannya, sambutan rakyat Negeri Selangor terhadap program TAWAS adalah menggalakkan. Di awal penubuhan TAWAS, sambutan yang diterima agak lembap di mana ramai yang kurang tahu mengenai Skim TAWAS ini. Walaubagaimanapun, jumlahnya permohonan yang kami terima untuk setiap bulan telah meningkat dari semasa ke semasa di mana secara puratanya permohonan yang diterima pada tahun 2008 adalah sebanyak 446 sebulan, 2009 adalah sebanyak 1370 sebulan dan 2010 adalah sebanyak 1467 sebulan.

Berikut merupakan rekod jumlah permohonan yang diterima mengikut tahun dari 2008 hingga 2010:

<b>Tahun</b>	<b>PURATA PENERIMAAN BORANG SEBULAN</b>	<b>Jumlah</b>
November - Disember 2008	446	892
Januari - Disember 2009	1370	16441
Januari- Jun 2010	1467	8804
	<b>Jumlah</b>	<b>26137</b>

- b) Untuk makluman Y.B. buat masa ini laporan pendaftaran ahli TAWAS adalah dalam bentuk mengikut pecahan parlimen dan sehingga kini jumlah pendaftaran ahli TAWAS yang telah direkod mengikut daerah adalah sebanyak 23,015 orang dan laporannya adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>NAMA DAERAH</b>	<b>JUMLAH</b>
1	SABAK BERNAM	1438
2	HULU SELANGOR	1,247
3	KUALA SELANGOR	1860
4	GOMBAK	1616
5	HULU LANGAT	2025
6	PETALING	5321
7	KLANG	5,731
8	KUALA LANGAT	2,452
9	SEPANG	881
10	KUALA LUMPUR	407
11	LAIN-LAIN	37
	<b>JUMLAH</b>	<b>23015</b>

- c) Punca sebenar permasalahan tersebut ialah kebanyakan kad keahlian TAWAS yang telah di pos tidak sampai dan ia telah dikembalikan semula kepada kami kerana pemohon telah berpindah atau alamat tidak lengkap. Walaubagaimanapun, kami telah mengambil tindakan dengan menghubungi semula ibu bapa berkenaan untuk mengesahkan alamat. Namun begitu ada juga ibu bapa pemohon tidak dapat dihubungi disebabkan oleh pertukaran no. telefon tanpa memaklumpkannya kepada kami.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : GAJI, ELAUN DAN TUNTUTAN EX-OFFICIO EXCO KERAJAAN NEGERI**

45. Bagi tahun 2009 untuk setiap Ex-Officio, setiap bulan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa gaji asas dan elaun atas nama jawatan yang disandang?
- b) Berapakah tuntutan dalam dan luar negara atas nama jawatan yang disandang?
- c) Berapakah elaun dan tuntutan daripada anak-anak syarikat atas nama ahli Lembaga Pengarah anak-anak syarikat tersebut (jika ada)?

**JAWAPAN :**

- a) Bilangan Ex-Officio yang dilantik adalah 3 orang iaitu Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Y.B. Datin Paduka Penasihat Undang-undang Negeri Selangor dan Y.B. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Selangor. Gaji elaun Y.B. Datin Paduka Penasihat Undang-undang dibayar oleh kerajaan persekutuan manakala dua Ex-Officio yang lain dibayar oleh Pejabat masing-masing. Pejabat Dewan Negeri hanya membayar elaun tertentu kepada Y.B. Penasihat Undang-undang seperti di lampiran 'E'.
- b) Pejabat Dewan Negeri Selangor hanya membayar tuntutan utiliti kepada Y.B. Datin Paduka Penasihat Undang-undang, manakala bagi Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan Y.B. Dato' Pegawai Kewangan Negeri tuntutan tersebut dibayar oleh jabatan masing-masing. Tiada bayaran utiliti yang dibuat kepada Y.B. Datin Paduka Penasihat Undang-undang pada tahun 2009 yang lalu.
- c) **Peringkat KDEB**

Ahli Lembaga Pengarah KDEB yang dianggotai oleh Ex-Officio Kerajaan Negeri adalah

:-

- Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Jumlah elaun kedua-dua Ex-Officio pada tahun 2009 sebagai ahli Lembaga Pengarah KDEB adalah :-

<b>EX-OFFICIO</b>	<b>Yuran Pengarah (Tahunan)</b>	<b>Elaun Mesyuarat</b>	<b>“Leave Passage” (Tahunan)</b>
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	RM70,000	RM6,000	RM70,000
Pegawai Kewangan Negeri Selangor	RM70,000	RM9,000	RM70,000

**Peringkat Central Spectrum (M) Sdn. Bhd (CSSB)**

Ahli Lembaga Pengarah CSSB yang dianggotai oleh Ex-Officio Kerajaan Negeri Selangor adalah :-

- Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Jumlah elaun Ex-Officio pada tahun 2009 sebagai ahli Lembaga Pengarah CSSB adalah :

<b>EX-OFFICIO</b>	<b>Yuran Pengarah (Tahunan)</b>	<b>Elaun Mesyuarat</b>	<b>‘Leave Passage’ (Tahunan)</b>
Pegawai Kewangan Negeri Selangor	RM25,000	RM1,500	RM30,000

**ELAUN DAN TUNTUAN AHLI LEMBAGA PENGARAH PNSB BAGI TAHUN 2009**  
**ELAUN**

<b>NAMA</b>	<b>ELAUN</b>	
	<b>TAHUNAN</b>	<b>MESYUARAT</b>
YB Dato’ Mohd Arif bin Ab Rahman		
<b>JUMLAH</b>	<b>40,000.00</b>	<b>2,000.00</b>

**TUNTUTAN**

Tiada sebarang tuntutan perubatan dan tuntutan faedah percutian yang dibuat bagi tahun 2009

## Lampiran 'E'

## GAJI, ELAUN DAN TUNTUTAN EX-OFFICIO KERAJAAN NEGERI TAHUN 2009

Bil	Nama	Elaun Rasmi MMKN (Elaun Mesyuarat)	Elaun Khas / Ikhtisas	Elaun Kakitangan (Isi Rumah)	Bil Telefon Bimbit	Jumlah Elaun	Jumlah Sebulan (Elaun x Bil Kakitangan)	Jumlah Setahun (Elaun x 12 bulan)	Jumlah Besar
1.	Y.B. Datin Paduka Zauyah Be Bt T.Loht Khan	1,500.00	2,500.00	500.00	1,000.00	5,500.00	5,500.00x1=5,500.00	5,500.00x12=66,000.00	66,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI, TAMAN SRI RAYA, CHERAS**

46. Rumah Kos Rendah Taman Sri Raya, Bt. 9, Cheras yang telah meterai satu Perjanjian Jual Beli (Sales and Purchase Agreement) telah pada pertengahan tahun 1989 dengan pemaju Kausar Corporation Sdn. Bhd. Kini sudah 20 tahun, rumah berkenaan masih tidak dibina. Pada hujung tahun 2008, Kerajaan Negeri memutuskan bahawa pembeli akan ditawarkan rumah alternatif dan akan memastikan pemaju membayar pampasan setimpal akibat projek terbengkalai ini.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perkembangan terkini dan tindakan Kerajaan Negeri menyelesaikan kes tersebut?
- b) Pemaju KAUSAR Corporation Sdn Bhd menunjukkan rekod buruk dalam menyelesaikan projek perumahan untuk rakyat miskin. Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk menyenarai hitamkan pemaju tersebut bersama dengan ahli lembaga pengarahnya?

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK : PENGAGIHAN ZAKAT**

47. Menjelang Ramadhan setiap tahun peruntukan zakat dikeluarkan oleh JAIS kepada fakir dan miskin.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah dijangka jumlah pendapatan zakat pada tahun ini?
- b) Berapa jumlah dijangkakan bagi pengagihan zakat terhadap orang fakir dan Miskin?
- c) Berapakah jumlah mereka yang menerima faedah dari pengagihan zakat berkenaan?

**JAWAPAN :**

- a) Bagi tahun 2010, pihak Pengurusan Lembaga Zakat Selangor (MAIS) telah mensasarkan kutipan Zakat berjumlah RM300 juta di mana RM15 juta disumbang dari Zakat Fitrah dan RM285 juta disumbang oleh Zakat Harta. Bagi bilangan pembayar pula, pihak pengurusan mensasarkan bilangan pembayar seramai 170,000.
- b) Agihan zakat asnaf dan fakir miskin dijangkakan sebanyak RM100 juta dan agihan pada bulan Ramadan adalah RM19 juta.
- c) Asnaf fakir dan miskin sahaja dianggarkan melebihi 20 ribu keluarga dan asnaf lain lebih ramai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE YING HA  
(TERATAI)**

**TAJUK : STATUS PENTENAKAN BABI MODERN DI SELANGOR**

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status penternakan babi moden di Selangor?
- b) Pihak manakah dan siapakah EXCO yang menjalankan projek ini.

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri telah mengeluarkan surat tawaran kepada Syarikat PPAD Intergrated ( M ) Sdn. Bhd. bagi menjalankan kajian kemungkinan mewujudkan "Pig Farming Area" di Ladang Tumbuk, Kuala Langat. Kajian tersebut akan disiapkan pada bulan Oktober 2010.
- b) Task Force Pig Farming Area diPengerusikan oleh YB Tuan Dr. Xavier Jayakumar dan ahli-ahlinya adalah seperti berikut:-
  - i. YB Puan Wong Keat Ping @ Elizabeth Wong
  - ii. YB Puan Teresa Kok Suh Sim
  - iii. YB Tuan Ean Yong Hian Wah
  - iv. YB Tuan Haji Yaakob bin Sapari
  - v. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri
  - vi. Lembaga Urus Air Selangor ( LUAS )
  - vii. Jabatan Pengairan dan Saliran ( JPS )
  - viii. Pejabat Tanah Daerah Kuala Langat
  - ix. Majlis Daerah Kuala Langat

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK: SENARAI PERBELANJAAN PERUNTUKAN AHLI MAJLIS MPK**

49. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah peruntukan yang telah dikeluarkan pada tahun 2009 oleh MPK kepada semua Ahli Majlis MPK dan senaraikan setiap program yang telah dijalankan melalui peruntukan yang dikeluarkan mengikut setiap ahli majlis.

**JAWAPAN :**

a)

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>JUMLAH</b>	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>
1	Utiliti Jan – Jun 2009	RM340,878.40	RM687,998.25
	Utiliti Jul – Dis 2009	RM347,119.85	
2.	Mesra Rakyat Jan – Jun 2009	RM123,944.00	RM196,294.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>RM884,292.25</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LEE KIM SIN  
(KAJANG)**

**TAJUK : SUMBER MANUSIA /MODAL INSAN**

50. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- a) Berapakah peratusan sumber manusia di Selangor yang berpendidikan tinggi bagi tahun 2005-2009?
  - b) Berapakah peratusan keperluan sumber manusia berbentuk buruh dalam sektor pembinaan dan industri pengeluaran bagi tahun 2005-2009?
  - c) Berapakah peratusan sumber manusia mengikut pecahan sektor yang terdiri daripada pekerja asing bagi tahun 2005-2009?

**JAWAPAN :**

- a) Jumlah peratusan sumber manusia di Selangor yang berpendidikan tinggi pada tahun 2005 – 2009, menurut sumber dari Penyiasatan Tenaga Buruh Jabatan Perangkaan Malaysia (Selangor) adalah seperti berikut :

<b>Bil.</b>	<b>Tahun</b>	<b>Jumlah</b>
1	2005	610,000
2	2006	624,300
3	2007	646,000
4	2008	627,400
5	2009	738,100

Jumlah ini adalah di dalam **kategori tertier** yang ditakrifkan sebagai golongan yang mencapai pendidikan tertinggi selepas tingkatan 5. Menurut Jabatan Perangkaan mulai tahun 2008 klasifikasi ini adalah mengikut konsep International Standard Classification Education (ISCED).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : UNTUNG RUGI SYARIKAT MILIK KERAJAAN NEGERI**

51. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sila senaraikan untung rugi kesemua syarikat-syarikat milik Kerajaan Negeri sepanjang lima tahun yang lepas

**JAWAPAN :**

- a) Seperti di lampiran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : UNTUNG RUGI SYARIKAT MILIK KERAJAAN NEGERI**

**Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-**

- a) Sila senaraikan untung rugi kesemua syarikat-syarikat milik Kerajaan Negeri sepanjang lima tahun yang lepas?

**JAWAPAN: (KDEB)**

Prestasi untung rugi KDEB dan anak-anak syarikat bagi lima tahun berakhir 31 Disember (2005-2009) seperti berikut:-

<b>SYARIKAT : KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD</b>					
<b>PERKARA : SENARAI UNTUNG RUGI BAGI LIMA TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER</b>					
	<b>2005</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM '000</b>	<b>RM '000</b>	<b>RM '000</b>	<b>RM'000</b>
<b><u>KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD</u></b>					
<b><u>(PERINGKAT KUMPULAN)</u></b>					
Perolehan	314,259	382,834	474,222	399,433	426,048
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai	(41,854)	69,221	(39,964)	(112,576)	(11,865)
Keuntungan/(kerugian) selepas cukai	(50,424)	57,684	(62,663)	(122,488)	(5,013)
<b><u>KUMPULAN PERANGSANG SELANGOR</u></b>					
<b><u>BERHAD (PERINGKAT KUMPULAN)</u></b>					
Perolehan	308,887	378,649	425,602	305,827	345,069
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai	(123,802)	28,295	56,853	(4,147)	116,810
Keuntungan/(kerugian) selepas cukai	(123,175)	17,157	32,721	(14,444)	127,955
<b><u>KUMPULAN HARTANAH SELANGOR</u></b>					
<b><u>BERHAD (PERINGKAT KUMPULAN)</u></b>					
Perolehan	211,454	251,430	219,116	92,358	125,123
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai	(197,894)	12,469	41,061	(35,383)	19,057
Keuntungan/(kerugian) selepas cukai	(187,014)	7,070	26,720	(35,321)	27,110

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : UNTUNG RUGI SYARIKAT MILIK KERAJAAN NEGERI**

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila senaraikan untung rugi kesemua syarikat-syarikat milik Kerajaan Negeri sepanjang lima tahun yang lepas

**JAWAPAN :**

- a) Senarai untung rugi Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) sepanjang 5 tahun lepas (Tahun 2005 hingga Tahun 2009) adalah seperti di Lampiran 1.

Lampiran 1

**UNTUNG RUGI PNSB SEPANJANG 5 TAHUN LEPAS**

TAHUN	PERKARA	SEBELUM CUKAI (RM)	SELEPAS CUKAI (RM)
2005	Keuntungan / (Kerugian)	1,564,613.00	(639,618.00)
2006	Keuntungan / (Kerugian)	7,032,212.00	4,231,552.00
2007	Keuntungan / (Kerugian)	295,516.00	(2,280,494.00)
2008	Keuntungan / (Kerugian) - 'Unaudited'	22,774,951.00	18,774,951.00
2009	Keuntungan / (Kerugian) - 'Unaudited'	22,812,003.00	18,812,003.00


**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI**

- a) Penyata Akaun Untung Rugi SSIC Berhad dari Tahun 2005 hingga Tahun 2009

TAHUN	PENDAPATAN	PERBELANJAAN	UNTUNG / RUGI
2009	RM 4,761,737.00	RM 4,221,037.00	RM 540,700.00
2008	RM 5,425,644.00	RM 4,379,160.00	RM 1,046,484.00
2007	RM 5,003,316.00	RM 4,330,258.00	RM 673,058.00
2006	RM 2,753,819.00	RM 3,679,222.00	( RM 925,403.00)
2005	RM 3,859,799.00	RM 3,733,954.00	RM 125,845.00

**YB TUAN HAJI SAARI SUNGIB**

- a) **TIADA** elaun atau tuntutan dibuat oleh setiap Ahli Lembaga Pengarah SSIC Berhad selain dari elaun kehadiran mesyuarat dan yuran tahunan 2009.



**MSNS HOLDINGS SDN BHD (No. Syarikat : 226512-T)**

(Syarikat Milik Menteri Besar Incorporated)

Aras 3, Carlton Holiday Hotel & Suites

No. 1, Persiaran Akuatik, Seksyen 13, 40000 Shah Alam

Tel : 03-5519 6380      03-5510 1377

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA**

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI**

**(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : UNTUNG RUGI SYARIKAT MILIK KERAJAAN NEGERI**

**SENARAI UNTUNG RUGI SEPANJANG LIMA TAHUN YANG LEPAS**

TAHUN	KUMPULAN SYARIKAT	MSNS HOLDINGS SDN BHD
	KEUNTUNGAN / (KERUGIAN)	
2009	948,719.65 (draft audit)	960,089.88 (draft audit)
2008	(26,071.00)	6,991.00
2007	(159,986.00)	(152,088.00)
2006	(208,165.00)	(180,249.00)
2005	169,019.00	282,283.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS  
DARIPADA Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : UNTUNG RUGI SYARIKAT MILIK KERAJAAN NEGERI**


Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sila senaraikan untung rugi kesemua syarikat-syarikat milik Kerajaan Negeri sepanjang lima tahun yang lepas.

<b>JAWAPAN</b>	<b>:</b>	<b>Tahun</b>	<b><u>Untung/(Rugi)</u></b>	<b><u>Remarks</u></b>
		2007	(RM782,358.55)	Management Account
		2008	(RM957,697.06)	Management Account
		2009	(RM966,640.02)	Management Account

Syarikat : Bukit Beruntung Golf & Country Resort Bhd

Tandatangan :


Tarikh : 29 Jun 2010

COMMUNICATIONS CORPORATION SDN BHD  
(CCSB)

---

JAWAPAN KEPADA PERTANYAAN MULUT DARIPADA AHLI YANG BERHORMAT PERSIDANGAN DEWAN  
NEGERI SELANGOR YANG BERKAITAN DENGAN CCSB

2. YB TUAN MOHAMED AZMIN ALI (BUKIT ANTARABANGSA)

- a) Senaraikan untung rugi syarikat Kerajaan Negeri Selangor sepanjang 5 tahun lepas.

Jawapan CCSB:-

Rugi sebanyak RM723,628 bagi tahun kewangan pertama berakhir 31 December 2009.

## KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

JAWAPAN KEPADA SOALAN-SOALAN DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR

Persidangan Penggal Ketiga DUN 12 Tahun 2010 (Julai 2010)

YB Tuan Mohamed Azmin Ali (Bukit Antarabangsa)	Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor;  b. Sila senaraikan untung-rugi kesemua syarikat-syarikat milik Kerajaan Negeri sepanjang 5 tahun yang lepas.	b. Keuntungan KSSB semenjak penubuhan pada Jun 2008 (untung sebelum cukai);  2008 – RM1.2 juta (telah diaudit) 2009 – RM8.4 juta (draft audit) 2010 – RM8.6 juta (akaun pengurusan Mei 2010)
---------------------------------------------------	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**


**TAJUK : UNTUNG RUGI SYARIKAT MILIK KERAJAAN NEGERI**

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- ✓ a) Sila senaraikan untung rugi kesemua syarikat-syarikat milik Kerajaan Negeri sepanjang lima tahun yang lepas

JAWAPAN :

- ① TAWAS ditubuh 5/2/2009
- ② Tanggungjawab
- ① Mengendalikan sebelum TAWAS menyeduh
- ② Mengendalikan sistem perkhidmatan dan pembayaran SME
- ③ Syarikat 'Limited by guarantee'
- ④ Syarikat mengendalikan kerja kerja kebajikan dan tidak berifat membuat keuntungan dalam operasi.



HJ. MOHD NOR MOHD ZIN  
Pengurus Besar  
Operasi & Pengurusan Data  
Yayasan Warisan Anak Selangor

TAJUK : UNTUNG RUGI SYARIKAT MILIK KERAJAAN NEGERI

Soalan :

- a) Sila senaraikan untung rugi kesemua syarikat-syarikat milik Kerajaan Negeri sepanjang lima tahun yang lepas.

Jawapan :

- a) Untung rugi TSSB sepanjang lima tahun yang lepas

2005	(910,436)
2006	(337,936)
2007	61,316
2008	(430,023)
2009	(183,173)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : UNTUNG RUGI SYARIKAT MILIK KERAJAAN NEGERI**

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sila senaraikan untung rugi kesemua syarikat-syarikat milik Kerajaan Negeri sepanjang lima tahun yang lepas.

**JAWAPAN :**

- a) Untung rugi bagi **Pendidikan Industri YS Sdn Bhd** bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>UNTUNG / (RUGI) RM</b>
2005	<b>(5,098,764)</b>
2006	<b>(10,206,338)</b>
2007	<b>6,016,962</b>
2008	<b>6,100,239</b>
2009	<b>(19,963,290)</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : TAHUN MELAWAT SELANGOR 2011**

52. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah program yang akan dilancarkan di bawah Kempen Tahun Melawat Selangor 2011 dan apakah tema utama yang digunakan?
- b) Senaraikan jumlah pelancong tempatan serta pelancong asing ke negeri Selangor daripada tahun 2005-2010.
- c) Apakah badan pelaksana yang ditubuhkan bagi menyelaraskan kempen pelancongan antara kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan ?

**JAWAPAN :**

- a) Kempen Selangor Shines yang bertemakan Selangor Has More..... telah dilancarkan oleh YB Elizabeth Wong, Exco Pelancongan Negeri Selangor pada 21 Disember 2009. Program promosi dan acara akan dijalankan secara berterusan seperti yang dijadualkan sepanjang tahun 2010 yang dapat menarik ramai pelancong ke Negeri Selangor.

“Selangor Shines” atau Selangor Bersinar ini bukanlah program “Tahun Melawat Negeri Selangor 2011” tetapi merupakan satu kempen bagi menggalakkan lebih ramai pelancong ke Negeri Selangor secara berterusan dan tidak ada jangka masa yang disasarkan seperti Tahun Melawat yang biasa dijalankan selama setahun.

- b) Jumlah pelancong tempatan serta pelancong asing ke Negeri Selangor daripada tahun 2005 – 2010 adalah seperti berikut :

<b>TAHUN</b>	<b>PELANCONG TEMPATAN</b>	<b>PELANCONG ASING</b>	<b>JUMLAH</b>
2005	2,372,027	1,586,772	3,958,799
2006	2,926,445	2,000,462	4,926,907
2007	3,060,651	2,254,679	5,315,330
2008	3,075,889	2,601,332	5,677,221
2009	3,248,961	2,398,680	5,647,641
2010 (Jan – Mei)	1,466,976	1,055,536	2,522,512
<b>JUMLAH (2005 – MEI 2010)</b>	<b>16,150,949</b>	<b>11,897,461</b>	<b>28,048,410</b>

- c) Tourism Malaysia dan Tourism Selangor bekerjasama bagi mempromosikan Selangor sebagai destinasi pelancongan di Malaysia. Tourism Malaysia juga memberi banyak peluang kepada Tourism Selangor menyertai promosi-promosi pelancongan di luar Negara tanpa caj bayaran tapak pameran.

Selain itu juga, Tourism Malaysia memberi kerjasama dalam beberapa acara yang dijalankan oleh Tourism Selangor dengan menghantar penyertaan peserta dan mempromosikan pakej pelancongan yang telah disediakan oleh Tourism Selangor untuk kempen ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB TUAN YAP LUM CHIN  
(BALAKONG)**

**TAJUK: SETINGGAN SIFAR**

53. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah taburan kedudukan setinggan di negeri Selangor?
- b) Adakah kajian telah dibuat sama ada rancangan setinggan sifar telah berjaya?
- c) Apakah rancangan kerajaan negeri untuk membantu para setinggan?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan laporan bancian yang dibuat oleh setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masih terdapat seramai 4,073 keluarga setinggan di Negeri Selangor yang belum dipindahkan ke penempatan baru atau diselesaikan. Majlis Perbandaran Klang (MPK) mencatat bilangan setinggan paling tinggi di atas tapak iaitu seramai 1,318 keluarga, diikuti Majlis Perbandaran Selayang (MPS) 1,075 keluarga, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) 348 keluarga, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) 337 keluarga, Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) 331 keluarga dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) 256 keluarga. PBT-PBT seperti Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Majlis Perbandaran Sepang (MPSp), Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) dan Majlis Daerah Hulu Selangor mencatat bilangan setinggan yang agak kecil berbanding dengan PBT-PBT yang berada dalam kawasan Lembah Klang. Tiada lagi penempatan setinggan di kawasan Majlis Bandar raya Petaling Jaya (MBPJ) dan kini sedang menumpukan program pemindahan semula bekas setinggan yang menghuni di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang dan PPR Kota Damansara ke projek rumah kos rendah.

Jadual di bawah menunjukkan pecahan atau taburan setinggan mengikut PBT di Negeri Selangor.

Statistik Pecahan Bilangan Setinggal Mengikut Pihak Berkuasa Tempatan Di Negeri Selangor Sehingga 30 Jun 2010

<b>Bil.</b>	<b>Nama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)</b>	<b>Bilangan Setinggal</b>
1	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	-
2	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	112
3	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	348
4	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	337
5	Majlis Perbandaran Klang (MPK)	1,318
6	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	256
7	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	1,075
8	Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)	103
9	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	12
10	Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)	8
11	Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)	331
12	Majlis Daerah Kuala Langat (MDKLgt)	173
<b>JUMLAH</b>		<b>4,073</b>

- b) Kerajaan Negeri tidak perlu membuat kajian untuk menentukan rancangan setinggal sifar belum atau telah berjaya dilaksanakan. Ini disebabkan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) tidak menetapkan sasaran setinggal sifar seperti yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri terdahulu. Pemindahan setinggal tidak akan lagi dilakukan secara paksaan tetapi akan dilaksanakan secara situasi “menang-menang”. Perobohan penempatan setinggal hanya akan dibuat selepas perbincangan dibuat dan persetujuan bersama dicapai di antara pihak setinggal dan Kerajaan Negeri.
- c) Kerajaan Negeri akan terus komited untuk membantu setinggal agar mereka turut dapat menikmati kemudahan perumahan yang mempunyai infrastruktur dan prasarana yang selesa. Langkah memastikan bancian setinggal tidak dipertikaikan pada masa akan datang di samping semua setinggal menikmati kemudahan yang ditawarkan maka Kerajaan Negeri telah mewujudkan Manual Prosedur Bancian yang seragam untuk diguna pakai oleh semua PBT di Negeri Selangor. Selain itu, setinggal yang dibanci akan dipastikan mempunyai peluang yang sama rata untuk ditawarkan rumah kos rendah.

Perbincangan bersama bank-bank juga sedang dijalankan bagi mendapatkan penyelesaian dalam membantu setinggal-setinggal yang gagal membuat pinjaman perumahan kerana pendapatan yang tidak mencukupi atau di senarai hitamkan oleh bank. Kajian membina lebih banyak “council home” di Negeri Selangor sedang dibuat oleh Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) dalam usaha menempatkan setinggal yang dikategorikan miskin tegar atau mereka yang tidak mempunyai rumah setelah rumah kos rendah yang dibeli semasa program setinggal sifar lalu telah dilelong oleh bank.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
LEMBAH JAYA**

**TAJUK : MAAHAD TAHFIZ INTEGRASI SAINS**

54. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa banyak kah maahad tahfiz integrasi sains akan di bina di negeri Selangor ini?

**JAWAPAN :**

- a) Setakat ini terdapat 2 buah Maahad Tahfiz yang diurus oleh JAIS iaitu satu di Kuala langat dan sebuah lagi Klang. Kerajaan juga sedang membena sebuah lagi Kampus Maahad Tahfiz di Alam Impian Seksyen 25 Shah Alam bagi menampung sekitar 600 pelajar. Keperluan untuk membena maahad Tahfiz berikutnya akan ditimbang dari masa ke semasa berdasarkan kemampuan kerajaan.

Kerajaan negeri melalui Jawatankuasa tahfiz dibawah Majlis Agama Islam Selangor juga sedang menyelaras dan bekerjasama dengan Sekolah-sekolah Tahfiz persendirian dan swasta seluruh Selangor yang bilangan melebihi 100 buah. Permuafakatan ini diharapkan dapat menjadikan pendidikan Tahfiz di Selangor sebagai sistem Pendidikan yang utama dan terbaik menghasilkan modal insan yang diredhai Allah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : RIZAB HUTAN**

55. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah keluasan tanah-tanah rezab Hutan yang telah di teroka secara haram ?
- b) Apakah tindakan tegas yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membanteras pencerobohan tanah-tanah rezab hutan?
- c) Sila senaraikan kewangan-kewangan rezab hutan yang telah di teroka secara haram mengikut daerah-daerah di Negeri Selangor.

**JAWAPAN :**

- a) Keluasan tanah-tanah rizab hutan mengikut sehingga Disember 2009 ialah seluas ± 2800 hektar.
- b) Kerajaan Negeri telah mengarahkan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor mengambil tindakan tegas Kawasan yang baru diteroka atau dikesan perlu dimusnahkan segera termasuk merobohkan binaan dan memusnahkan tanaman serta diambil tindakan menurut Akta Perhutanan Negara 1984.
  - i) Kawasan bekas teroka /ceroboh dikehendaki dipulihkan dengan pokok tanaman spesies hutan atau tanaman yang bersesuaian.
  - ii) Kawasan penerokaan lama bertapak yang pernah diberi Permit penggunaan dalam hutan simpan adalah dibatalkan.
  - iii) Kawasan ceroboh yang melibatkan pembinaan kuil atau tokong hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelaras Rumah Ibadat Bukan Islam Negeri Selangor sebelum tindakan meroboh binaan dilaksanakan.
  - iv) Seterusnya mengambil tindakan penguatkuasaan undang-undang secara bersepadu dengan agensi berkaitan dalam menjalankan operasi memusnahkan tanaman dan meroboh pondok/binaan setinggalan, kandang ternakan dan lain-lain struktur dalam HSK

c) Senarai kawasan-kawasan yang telah diteroka secara haram adalah seperti berikut:

<b>HUTAN SIMPAN</b>	<b>DAERAH</b>
1. Sungai Karang	Sabak Bernam
2. Kuala Langat Utara	Kuala Langat
3. Kuala Langat Selatan	Kuala Langat/ Sepang
4. Kapar	Kuala Selangor/Klang
5. Teluk Gadong	Klang
6. Bukit Lagong	Gombak
7. Hulu Gombak	Gombak
8. Ampang	Gombak
9. Sungai Lalang	Hulu Langat
10. Air Hitam	Petaling
11. Bukit Sungai Puteh	Hulu Langat
12. Raja Musa	Kuala Selangor
13. Bukit Belata Tambahan	Hulu Selangor
14. Bukit Cherakah	Petaling
15. Jugra	Klang
16. Kapar Tambahan	Klang
17. Bukit Belata	Hulu Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR  
(PAYA JARAS)**

**TAJUK : PENGGUNAAN BALAI JKPP UNTUK KEGIATAN PARTI POLITIK**

56. Terdapat Balai JKPP Digunakan Untuk Kegiatan Parti Politik.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Mengapakah keadaan ini terus dibenarkan berlaku?

**JAWAPAN :**

a) Kerajaan Negeri Selangor membenarkan masyarakat kampung menggunakan setiap Balai JKPP yang ada dengan menjalankan program mesra rakyat seperti program gotong royong, program belia dan sosial, sesi dialog bersama penduduk kampung serta lain-lain program kemasyarakatan. Bagi kegiatan politik pula, hanya JKPP sahaja yang tidak dibenarkan menggunakan balai JKPP. Ini kerana JKPP tidak diiktiraf oleh Kerajaan Negeri sama sekali. Kerajaan Negeri juga membenarkan parti politik yang lain menggunakan balai JKPP seperti parti UMNO. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah Daerah sentiasa memantau agar kegiatan politik di balai JKPP yang digunakan untuk tujuan politik berjalan mengikut kesesuaian dan munasabah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB TUAN YAP EE WAH  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: WABAK H1N1 DAN DENGGI DI NEGERI SELANGOR**

57. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar

- a) Apakah perkembangan terkini wabak demam denggi dan H1N1 di Negeri Selangor ?
- b) Apakah langkah pencegahan Kerajaan Selangor dalam menangani kedua-dua wabak ini ?

**JAWAPAN:**

- a) Sehingga 26/6/2010, sejumlah 10,318 kes demam denggi telah di laporkan di negeri Selangor. Situasi denggi perlu diawas dengan rapi kerana kejadian masih tinggi di daerah-daerah seperti Hulu Langat, Petaling dan Gombak.

Bermula dari 10 Mei 2009 sehingga 26 Jun 2010 sebanyak 3,436 kes H1N1 di kesan di Selangor dan telah di sahkan melalui ujian makmal (RT-PCR) yang dijalankan di hospital-hospital (kerajaan dan swasta) serta klinik kesihatan. Majoriti dari kes iaitu 76% telah dimasukkan ke wad isolasi H1N1, manakala 20% dirawat sebagai pesakit luar. Sebanyak 4% dari pesakit telah dimasukkan ke unit rawatan rapi (ICU).

Pada tahun lepas sebanyak 136 kluster H1N1/III telah dilaporkan manakala untuk tahun ini sehingga 26 Jun 2010 sebanyak 83 kluster H1N1/ILI telah dilaporkan menjadikan jumlah kluster sebanyak 220 sepanjang Pandemik H1N1. Sejak pandemic H1N1 bermula sehingga 26 Jun 2010 bilangan kematian yang disebabkan secara langsung oleh Virus H1N1 di Selangor ini adalah 18 orang.

**Langkah kawalan serta merta bagi H1N1 adalah:**

- i. Meningkatkan kesedaran masyarakat umum tentang gelombang ke-2 H1N1
- ii. Meningkatkan kesedaran umum mengenai langkah kawalan seperti:
  - Social distancing
  - Etika batuk yang baik
  - Kebersihan tangan
  - Mendapatkan rawatan awal
- iii. Memastikan kemudahan mencuci tangan / hand sanitizer di sediakan di semua tempat-tempat umum, di sekolah dan sebagainya.

**Untuk langkah pencegahan Wabak Demam Denggi, aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut :**

- i. Aktiviti pendidikan kesihatan masyarakat berterusan untuk mengawal pembiakan nyamuk Aedes contohnya dengan mesej 'Aktiviti pembersihan kawasan rumah & sekeliling/ tempat kerja daripada tempat pembiakan nyamuk Aedes sekurangnya 10 minit setiap minggu'
- ii. Penganjuran aktiviti gotong royong untuk kawasan-kawasan mengalami wabak denggi atau mempunyai pembiakan nyamuk tinggi dengan Persatuan Penduduk bersama Wakil Masyarakat.
- iii. Penubuhan persatuan penduduk seperti COMBI ('Communication for Behavioral Impact') untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti pembersihan berterusan untuk mengurangkan pembiakan nyamuk Aedes di kawasan kediaman mereka.
- iv. Penguatkuasaan undang-undang melalui pengeluaran kompaun dan penutupan ('stop work order') kepada premis-premis/ tempat kerja yang dikesan ada pembiakan nyamuk Aedes.
- v. Memastikan sistem pungutan sampah teratur untuk menghindar pembiakan nyamuk Aedes di kawasan luar rumah.
- vi. Menggiatkan penglibatan pertubuhan NGO dan syarikat swasta dalam pelbagai aktiviti-aktiviti pencegahan denggi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS  
(KUANG)**

**TAJUK : ISU YAYASAN SELANGOR**

58. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah sumbangan dan pencapaian Yayasan Selangor dalam tempoh dua tahun Pakatan Rakyat memerintah ?
- b) Apakah program – program pendidikan terbaru yang dilaksanakan oleh Yayasan Selangor untuk anak – anak Selangor.
- c) Berapakah jumlah pelajar yang ditaja atau diberi pinjaman oleh Yayasan Selangor.

**JAWAPAN :**

- a) Yayasan Selangor sentiasa mendukung dan memberikan sumbangan kepada aktiviti pendidikan Kerajaan Negeri Selangor. Antara sumbangan yang telah diberikan adalah:-
  - (i) Sumbangan pendidikan dan bantuan kewangan untuk anak-anak Selangor dari golongan berpendapatan rendah (Rancangan Khas Pendidikan KPM-YS). Pengambilan seramai 1500 orang pelajar)
  - (ii) Sumbangan ke arah pembentukan sahsiah generasi cemerlang dunia dan akhirat (kerjasama JAIS-YS). Menaja enam buah sekolah Menengah Agama Selangor sebagai projek perintis. Sekolah-sekolah tersebut adalah :
    - SAMT Sultan Abdul Aziz Shah, Sabak Bernam
    - SAMT Sultan Hishamudin, Kota Raja, Klang
    - SAMT Tengku Ampuan Jamaah, Shah Alam
    - SAM Bestari, Subang Jaya
    - SAM Hishamuddin, Jalan Sungai Bertik, Klang
    - SAM Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang
  - (iii) Menaja sekolah-sekolah luar Bandar/pinggir Bandar dalam program Sekolah Sahabat Unisel 2010 (kerjasama UNISEL-JPNSDE) sebanyak RM12,000 untuk 4 buah sekolah SMK Taman Tasik, H. Langat, SMK Sungai Rawang, Sepang, SMK Kalumpang, H. Selangor dan SMK Sg. Kertas, Gombak.  
(Objektif – memotivasikan pelajar-pelajar yang berpotensi cemerlang untuk terus meningkatkan prestasi akademik dan seterusnya meneruskan pengajian ke IPT)

- (iv) Menaja dan menyokong Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi & Pembangunan Insan dalam program:
- Program Generasi Idaman Selangor (GEMS) pada (16-18 Jun 2010)  
Tajaan 100 orang remaja dari Flat Sri Perantau
  - Program SPIES (2- 4 Julai 2010)  
Tajaan 100 orang belia India dari seluruh Selangor  
Tajaan meliputi pengangkutan, makan/minum, penginapan dan kos jurulatih/fasilitator.
  - Menyokong dan menaja Program Hari Ilmu pada 26 Jun 2010. Penyertaan 1310 orang (pengangkutan, makan/minum, t-shirt)
- (v) Dalam tempoh 2 tahun ini Yayasan Selangor juga telah berupaya menyumbang dari segi kewangan bagi program-program di atas sebanyak RM 27,747,424.00
- b) Program Pendidikan yang terbaru adalah menaja enam buah sekolah Menengah Agama Selangor sebagai projek perintis. Sekolah-sekolah tersebut adalah :
- SAMT Sultan Abdul Aziz Shah, Sabak Bernam
  - SAMT Sultan Hishamudin, Kota Raja, Klang
  - SAMT Tengku Ampuan Jamaah, Shah Alam
  - SAM Bestari, Subang Jaya
  - SAM Hishamuddin, Jalan Sungai Bertik, Klang
  - SAM Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang
- Jumlah pelajar seramai 135 orang. Program dimulakan pada Mac 2009.
- c) Seramai 1092 pelajar telah ditaja dan diberi pinjaman pelajaran oleh Yayasan Selangor sepanjang tempoh pengajian mereka. Jumlah kewangan yang terlibat adalah RM9,285,249.00 (sepanjang tempoh pengajian hingga tamat).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH  
(PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : PENDATANG ASING / PATI**

59. Terdapat ramai pendatang asing / PATI yang membanjiri Pekan Pelabuhan Klang khususnya dari Indonesia pada waktu malam. Ini menjadikan Pekan Pelabuhan Klang Klang di gelar sebagai Tanjung Balai ke 2 Indonesia. Di samping itu juga banyak terdapat gerai-gerai haram tumbuh bagai cendawan di hadapan dan di celah-celah bangunan kedai.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah tindakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan yang berkaitan terhadap permasalahan ini?
- b) Bagaimanakah langkah-langkah yang akan di ambil oleh PBT dan Jabatan yang berkaitan bagi membendung, membanteras dan menghapuskan masalah banjiriran pendatang asing dan pertumbuhan gerai-gerai haram ini?
- c) Sila nyatakan statistik penangkapan dan penghantaran balik PATI?

**JAWAPAN :**

- a) Pihak Majlis telah mengambil tindakan terhadap gerai-gerai haram dan penjaja warga asing di sekitar kawasan Pelabuhan Klang. Sebanyak 8 sitaan telah dijalankan terhadap penjaja warga asing di sekitar kawasan Pelabuhan Klang.

Pihak Majlis Perbandaran Klang telah menjalankan beberapa siri operasi bagi membanteras masalah penjaja warga asing dan gerai haram di seluruh kawasan Majlis. Pada tahun 2009, pihak sitaan telah diambil tindakan terhadap semua penjaja warga asing.

- b) Pihak Majlis Perbandaran Klang akan menjalankan pemantauan dari masa ke semasa dan operasi bersepadu bersama jabatan Imigresen dan Polis bagi membendung masalah ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KG. TUNKU)**

**TAJUK : TOURISM SELANGOR**

60. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan segala usaha promosi pelancongan yang diadakan oleh Tourism Selangor sepanjang tahun 2009 dan berikan perbelanjaan setiap satu acara promosi ini.

**JAWAPAN :**

- a) Senarai Program Promosi Pelancongan Luar Negara Yang Disertai Oleh Tourism Selangor Sdn Bhd Bagi Tahun 2009

<b>BIL</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>TARIKH</b>	<b>PERBELANJAAN (RM)</b>
1	Promosi Ke Medan	21 – 24 Jan 2009	4,978.45
2	ITB Berlin, German	15 18 Mac 2009	70,019.78
3	Media Fam Trip, Phuket	1 – 4 May 2009	11,360.00
4	Media Fam Trip, Padang	15 – 17 May 2009	8,542.80
5	Fascinating Malaysia Travel Fair (Singapura)	12 – 17 May 2009	44,782.83
6	PATTA Travel Mart, China	22 – 25 Sept 2009	20,673.47,
7	Fascinating Malaysia Travel Fair (Singapura)	13 – 15 Nov 2009	35,098.00
<b>JUMLAH</b>			<b>19,5444.33</b>

Senarai Program Promosi Pelancongan Dalam Negara Yang Disertai Oleh Tourism Selangor Sdn Bhd Bagi Tahun 2009

<b>BIL</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>TARIKH</b>	<b>PERBELANJAAN (RM)</b>
1	MASUM 2009	15 – 17 Jan 2009	21,717.70
2	Karnival Rakyat (Stadium Bukit Malawati)	20 – 21 Mac 2009	400.00
3	Zoom Malaysia, Pulau Pinang	27 Feb – 1 Mac 2009	5,866.10
4	MATTA Fair, KL	13 – 15 Mac 2009	3,574.75
5	Zoom Malaysia, Pahang	21 – 25 May 2009	3,602.70
6	KTM & Anda, Pulau Pinang	29 – 31 May 2009	390.00
7	MDTF Fair Kuala Lumpur	3 – 5 Julai 2009	4,705.20
8	Program Become, K.Lumpur	15 – 19 Julai 2009	550.00
9	MATTA Fair, Melaka	7 – 9 Ogos 2009	3,743.00
10	MATTA Fair, Kuala Lumpur	4 – 6 Sept 2009	3,502.00
11	EAES, Shah Alam	5 – 7 Nov 2009	15,000.00
<b>JUMLAH</b>			<b>19,5444.33</b>



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : MASALAH PADI ANGIN**

61. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;
- a) Sila nyatakan secara spesifik apakah sebenarnya masalah padi angin ?
  - b) Sila nyatakan kenapa sejak kebelakangan ini masalah padi angin semakin berleluasa dan serius ?
  - c) Sila nyatakan apakah kaedah yang paling berkesan untuk mengurangkan dan membendung masalah tersebut ?

**JAWAPAN:**

- a) Padi angin ialah sejenis padi yang tumbuh bersama dengan tanam an padi di mana sifatnya berbeza iaitu mempunyai daya saing pertumbuhan yang tinggi dan menghasilkan buah padi yang lebih awal matang dan bersifat mudah relai dan gugur dahulu sehingga tidak dapat dituai ketika penuaian dijalankan. Biji padi yang relai awal akan tertanam di tanah dan secara evolusi menambahkan bilangan benih dalam tanah (seed bank) dari musim ke semusim dalam keadaan dorman. Apabila musim penanaman bermula benih padi angin ini akan tumbuh bersama dengan benih padi yang ditanam secara tabur terus. Dari hasil kajian mendapati apabila populasi padi angin yang tinggi ianya akan memberi persaingan kepada tanaman padi seperti rumpai dalam mendapatkan makanan, air dan ruang sehingga menjejaskan hasil padi sebagai contoh serangan padi angin 35% (populasi) menyebabkan kehilangan sebanyak 50-60% (MARDI). Dari hasil kerja tinjauan dan pengawasan perosak tanaman padi oleh Jabatan Pertanian Negeri Selangor di kawasan PBL5, terdapat lot kawasan yang telah pun mencapai serangan tinggi «gfrtngff» lebih 30%. Terdapat berbagai jenis dan ciri-ciri padi angin wujud yang tumbuh di satu-satu kawasan dan padi angin jenis tinggi lebih jelas mendominasi serangan. Serangan padi angin yang tinggi juga boleh mendatangkan kesan negatif lain seperti tanaman mudah rebah dan kejadian serangan perosak (sifat tidak rintang dan menjadi perumah).

- b) Tahap serang padi angin meningkat disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya:
1. Pencemaran benih melalui pergerakan jentera pertanian terutama jentuai. Pergerakan dari lain kawasan atau dari lot sawah yang tercemar. Keadaan ini di luar kawalan pe sawah untuk menyekat sumber benih padi angin mansuh mencemari seluruh sawah petani. Penambahan pencemaran berlaku dari musim ke semusim
  2. Amalan menanam padi secara tabur terus agak sukar untuk menangani masalah padi angin. Pada peringkat awalan pertumbuhan sifat pokok padi sebenar dengan padi angin sukar untuk dibezakan dan kerja membuang/menakai padi angin sukar dijalankan. Kegagalan mengawal padi angin secara manual menyebabkan sumber benih (seed bank padi angin) terus meningkat.
  3. Kerja-kerja penyediaan tanah kurang sempurna dilaksanakan seperti tanah tidak rata semasa mula penapakan benih di mana terdapat kawasan yang tidak diliputi air dan ini member ruang benih padi angin mula tumbuh dan bersaing.
- c) Beberapa kaedah telah digunakan untuk mengatasi serangan padi angin. Antaranya;
1. Menanam secara mengubah (Mencedung atau Transplant)  
Anak benih diubah ( umur lebih 11 hari) dengan jentera menanam. Kaedah mengasil tanaman seragam di mana kerja seperti merampai, menakai dapat dilaksanakan lebih sempurna. Pokok tumbuh sekata dan padi angin kurang memberi saingan sepanjang tempoh penanaman.
  2. Tanam serak dalam air.  
Benih padi dirawat dan akan tumbuh dalam keadaan sawah dibanjiri air dari mula benih ditabur. Hanya benih padi dirawat yang tumbuh alam keadaan anerobik (tenggelam) dan benih rumpai termasuk padi angin tidak akan tumbuh atau kurang.
  3. Penyediaan tanah  
Berpandukan manual penanaman padi, semasa tempuh penyediaan tanah perlulah dijalankan amalan yang boleh mengurangkan seed bank benih dan potensi untuk benih rumpai dan padi angin untuk tumbuh, antaranya kerja membakar jerami sebaik sahaja selesai menuai dan menggunakan racun rumpai untuk membunuh anak padi batat di antara bajak pertama dan kedua. Kerataan tanah yang baik diperlukan untuk pertumbuhan benih padi yang baik.
  4. Kerja membuang padi angin  
Kerja menuai perlulah dijalankan berperingkat sepanjang tempuh penanaman.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : GAJI, ELAUN DAN TUNTUTAN TUAN SPEAKER DAN PUAN TIMBALAN  
SPEAKER DEWAN**

62. Bagi tahun 2009, setiap bulan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah gaji asas dan elaun Speaker dan Timbalan Speaker?
- b) Berapakah tuntutan dalam dan luar negara atas nama jawatan-jawatan yang disandang?
- c) Apakah nilai kemudahan-kemudahan yang diperolehi oleh Speaker dan Timbalan Speaker?

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : MASALAH RUMAH KOS RENDAH TELOK GEDONG INDAH, PORT  
KLANG**

63. Seramai 90 keluarga yang menduduki dua buah blok A&B Pangsapuri Telok Gedong Indah, Jalan Sama Gagah 18/DKS Taman Telok Gedong Indah 42000 Pelabuhan Klang merana kerana keretakan rumah yang amat teruk . Kerosakan dan keretakan wujud sejak sebelum mereka menduduki rumah tersebut . Isu mereka telah dibawa ke perhatian Majlis Perbandaran Klang dan Exco Kerajaan Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah para penduduk Rumah Kos Rendah ini ?

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK : KELAS TUISYEN**

64. Kelas tuisyen bagi beberapa mata pelajaran SPM telah ditawarkan kepada pelajar-pelajar miskin di bawah peruntukan negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah pelajar yang mengikuti tuisyen sedemikian seluruh negeri Selangor?
- b) Sejauh manakah prestasi graf pencapaian mereka?
- c) Adakah kelas-kelas tuisyen sedemikian diteruskan?

**JAWAPAN :**

- a) Jumlah pelajar yang mengikuti Program Tuisyen Rakyat di seluruh Negeri Selangor sehingga 4 Julai 2010 adalah seramai 4,408 orang
- b) Prestasi pencapaian pelajar Tuisyen Rakyat adalah merujuk kepada keputusan percubaan SPM dan keputusan sebenar SPM. Pada tahun 2009, iaitu tahun pertama Program Tuisyen Rakyat diadakan, pentadbiran ini berusaha untuk mengumpul keputusan para pelajar bagi membuat analisa prestasi pelajar, namun hasilnya amat mengecewakan kerana hanya 219 orang pelajar sahaja yang memberi respons dengan baik.

Keputusan sepenuhnya harus diperolehi dari Jabatan Pendidikan Negeri kerana tidak semua pelajar ingin memberikan keputusan peperiksaan mereka dan tidak semua boleh dihubungi.

Setakat ini hanya dapat mengumpul 219 keputusan peperiksaan SPM 2009. Pihak Jawatankuasa Tetap Pendidikan akan menilai semula pelaksanaan Program Tuisyen Rakyat bagi penambahbaikan di masa akan datang.

Berikut adalah analisa keputusan SPM 2009 pelajar-pelajar PTRS:

SUBJEK	SKOR	BILANGAN	PERATUS (%)
<b>BM (219 pelajar)</b>	A	101	46.119
	B	60	27.397
	C	34	15.525
	D	15	6.849
	E	6	2.739
	G	3	1.370
<b>BI (219 pelajar)</b>	A	16	7.306
	B	45	20.548
	C	59	26.941
	D	58	26.484
	E	33	15.068
	G	8	3.653
<b>MATEMATIK (219 pelajar)</b>	A	65	29.680
	B	37	16.895
	C	43	19.635
	D	34	15.525
	E	28	12.785
	G	12	5.479
<b>SEJARAH (210 pelajar)</b>	A	30	14.286
	B	45	21.429
	C	61	29.048
	D	35	16.667
	E	19	9.048
	G	20	9.524

- c) Ya. Berdasarkan sambutan baik rakyat terhadap program ini, dan juga pencapaian pelajar-pelajar, pihak jawatankuasa akan meneruskan Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) ini ke tahun-tahun seterusnya bagi memenuhi keperluan rakyat berpendapatan rendah serta mencapai visi Selangor Negeri berkeadilan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE YING HA  
(TERATAI)**

**TAJUK : PERUNTUKKAN AHLI MAJLIS MPAJ TAHUN 2009-2010**

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila senaraikan kegunaan peruntukan Ahli-Ahli Majlis MPAJ sejak dilantik pada tahun 2009 hingga May 2010.
- b) Siapakah atau apakah mekanisme yang ada untuk mengesahkan Ahli Majlis tersebut telah pun menjalankan program tersebut?

**JAWAPAN :**

a) Kegunaan Peruntukan Ahli-Ahli Majlis MPAJ adalah seperti berikut :

i.	Elaun Tetap dan Mesyuarat	: RM 352,300.00
ii.	Peruntukan Tahunan	: RM 1,161,231.45
iii.	Pengurusan Pejabat	: RM 668,550.85
iv.	Pentadbiran JKP	: RM 90,000.00
v.	Panel Klinik	: RM 18,331.75
	<b>JUMLAH</b>	<b>: RM 2,291,414.05</b>

BIL	AHLI MAJLIS	LANTIKAN	
		2009	JAN-MEI 2010
1.	Abdul Wahab Bin Hasan	49,999.07	13,700.00
2.	Jafrien Bin Muhammad	50,000	16,706.40
3.	Razali Bin Ramly	50,000	22,395.30
4.	Azman Shah Bin Mohd Yusof	23,252.27	-
5.	Abdul Latif Bin Shaari	25,000.00	22,130.00
6.	Izzuddin Bin Che Din	49,926.77	18,286.21
7.	Sooria Narayanan A/L Shanmugam @ Shumugam	49,999.54	18,500.00
8.	Hayati Binti Abd Samad	50,000	21,075.00

9.	Tan Hua Meng	49,567.27	24,200.00
10.	Abdul Halim Bin Mohd Yusof	49,959.27	16,475.00
11.	Fazlurahimi Bin Maarop	45,853.27	22,455.00
12.	Abdul Aziz Bin Ahmad	50,000	16,550.00
<b>BIL</b>	<b>AHLI MAJLIS</b>	<b>LANTIKAN</b>	
		<b>2009</b>	<b>JAN-MEI 2010</b>
13.	Wan Hasrina Binti Wan Hassan	50,000	25,000.00
14.	Ali Bin Ismail	48,929.77	21,509.00
15.	Nallan A/L Dhanabalan	25,000.00	23,333.00
16.	Nik Md Zain Bin Nik Mohamad	48,587.27	11,799.00
17.	Meor Rithuan Bin Mohamed Said	49,999.27	22,760.00
18.	Lee Shok Jing	49,988.76	23,150.00
19.	Dr Fam Seng Choy	26,989.20	23,077.10
20.	Abdul Jalil Bin Hasan	49,991.27	23,425.00
21.	Wong Khai Pun	49,967.12	15,493.60
22.	Hj Azhari Bin Ismail	18,317.27	-
23.	Cheong Chye Wah	25,000.00	19,562.50
24.	Tnew Kon Huang	50,000	16,050.00
25.	Supiramany A/L Sinnapayal	50,000	6,495.00
26.	Chan Su San	50,000	14,708.50
		1,351,244.05	458,835.61

b) Pegawai yang bertanggungjawab mengesahkan Ahli Majlis telah menjalankan program ialah Pengarah Jabatan Belia Dan Masyarakat. Mekanisme yang ada untuk mengesahkan Ahli Majlis tersebut telah pun menjalankan program tersebut ialah :

- i) Laporan Program
- ii) Dokumen Sokongan seperti :
  1. Resit Pembayaran
  2. Gambar-gambar

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HANNAH YEOW TSEOW SUAN  
(SUBANG JAYA)**

**TAJUK : LESEN "CYBERCAFE" DAN RUMAH URUT**

66. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah lesen "cybercafe" dan rumah urut/refleksologi yang telah dikeluarkan sejak tahun 2005 sehingga 2010? Sila berikan butir-butir mengikut tahun dan PBT.
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengekalkan kuota sedia ada untuk pengeluaran lesen? Sila nyatakan sebab.

**JAWAPAN :**

- a) Berikut jumlah lesen Siber Kafe dan Rumah Urut Refleksolgi dari tahun 2005 sehingga 2010 :

PBT	Bilangan Lesen Siber Kafe					
	Tahun 2005	Tahun 2006	Tahun 2007	Tahun 2008	Tahun 2009	Tahun 2010
MBSA	17	33	6	30	43	47
MBPJ	0	0	150	236	49	38
MPK	39	55	62	67	69	69
MPAJ	0	0	54	54	53	47
MPSJ	0	0	50	53	55	55
MPS	32	34	36	40	85	40
MPKj	52	63	70	78	78	78
MPSp	1	8	9	12	12	12
MDKS	5	6	14	16	14	9
MDHS	2	10	13	13	13	13
MDKL	4	6	9	14	15	15
MDSB	9	13	14	17	18	18
<b>Jumlah</b>	<b>161</b>	<b>228</b>	<b>487</b>	<b>630</b>	<b>468</b>	<b>398</b>

PBT	Bilangan Lesen Refleksologi					
	Tahun 2005	Tahun 2006	Tahun 2007	Tahun 2008	Tahun 2009	Tahun 2010
MBSA	5	8	4	13	24	5
MBPJ	57	44	47	51	43	57
MPK	19	28	30	30	32	34
MPAJ	0	0	44	28	42	39
MPSJ	0	0	31	53	56	56
MPS	4	37	45	64	36	11
MPKj	8	15	24	57	86	96
MPSp	0	2	4	6	8	8
MDKS	0	0	0	2	4	7
MDHS	1	1	5	6	7	7
MDKL	1	3	5	9	11	11
MDSB	2	4	5	8	10	10
<b>Jumlah</b>	<b>97</b>	<b>142</b>	<b>244</b>	<b>327</b>	<b>359</b>	<b>341</b>

- b) Kerajaan Negeri masih membekukan permohonan lesen baru Siber Kafe di seluruh Negeri Selangor bagi membendung penyalahgunaan fungsi premis tersebut dan menimbulkan pelbagai reaksi dari masyarakat terutama ibu bapa. Pusat Siber Kafe ini juga sering menjadi tempat remaja/ pelajar sekolah ponteng dan terdapat juga pengusaha yang menjalankan operasi perjudian haram.

Lesen baru Rumah Urut juga telah dibekukan berikutan penyalahgunaan premis dengan menawarkan khidmat seks. Namun begitu Kerajaan Negeri masih membenarkan bagi urutan jenis urutan kaki refleksologi dan dalam proses untuk melihat kembali pengusaha yang serius untuk melaksanakan perniagaan mengikut peraturan yang ditetapkan dalam meningkatkan ekonomi setempat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK: PENGURUSAN SRA NEGERI SELANGOR**

67. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perancangan jangka panjang kerajaan bagi memantapkan institusi agama terutama Sekolah Rendah Agama terutama pemantapan modal insan dan kebajikan serta kerjaya kakitangan sekolah?

**JAWAPAN :**

- a)
- Perancangan jangka panjang :
    - 1) Memberi pendidikan asas agama kepada semua murid beragama islam di negeri Selangor
    - 2) Mengkaji dan menyemak kurikulum Pendidikan Islam JAIS setiap lima tahun atau berdasar kepada perkembangan semasa, untuk memastikan ianya sentiasa relevan
    - 3) Menyediakan tempat belajar yang kondusif di semua institusi pendidikan termasuk membina bangunan tambahan, baikpulih dan membina bangunan baru
    - 4) Meningkatkan kemahiran kakitangan, termasuk latihan guru dengan kerjasama KUIS, UNISEL dan Institusi – institusi lain
    - 5) Merancang untuk menubuh Yayasan Pendidikan Islam Selangor. Bagi mengurus pendidikan secara fokus.
  - Pemantapan modal insan, kebajikan dan kerjaya kakitangan :
    - ✓ Kerajaan sedang menstruktur semula perjawatan di Bahagian Pendidikan islam seperti dilampiran 1
    - ✓ Kerajaan telah dan akan menyediakan peluang – peluang menambah ilmu dan kemahiran. Peluang-peluang belajar dan meningkat kemahiran ini termasuk di institusi – institusi dalam dan luar negara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : KEMPEN HARI TANPA BEG PLASTIK**

68. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah kos kempen Hari Tanpa Beg Plastik anjuran Kerajaan Negeri? Sila nyatakan berapakah premis yang terlibat di seluruh negeri.

**JAWAPAN :**

- a) Sebanyak RM198,022.90 telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri bagi menjayakan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik pada setiap Hari Sabtu.

Setakat Jun 2010, sebanyak 72 pasar raya/peruncit yang merangkumi sebanyak 755 premis di seluruh Selangor terlibat dalam kempen ini.

**Senarai pasaraya/peruncit yang terlibat dalam Kempen Hari Tanpa Beg Plastik setiap hari Sabtu di Negeri Selangor.**

- 1 GCH (M) Sdn Bhd - Giant Hypermart
- 2 IKANO Sdn Bhd - IKEA
- 3 Sunway Pyramid Sdn Bhd
- 4 Magnificent Diagraph Sdn Bhd - Carrefour
- 5 99 Speedmart Sdn Bhd
- 6 GCH Retail (M) Sdn Bhd - Guardian Cawangan Selangor
- 7 Econsave Cash & Carry (PD) Sdn Bhd
- 8 Kumpulan Farmasi Vitacare Sdn Bhd
- 9 The Store Corporation Berhad
- 10 Parkson Corporation Sdn Bhd
- 11 7-Eleven Malaysia Sdn Bhd
- 12 Aeon Co (M) Bhd
- 13 Classic Bonita Sdn Bhd - Elianto, Bonita, Tiamo
- 14 1 Utama Shopping Centre
- 15 Watson's Personal Care Stores Sdn Bhd
- 16 Goin' Places Sdn Bhd - Goin Places Winter Apparel
- 17 Hektar Premier Sdn Bhd - Subang Parade
- 18 Able Potential Sdn Bhd (ITMAS) - Aoneplus
- 19 Action IT Solution Sdm Bd (USJ 19) - Aoneplus
- 20 Caring Pharmacy Sdn Bhd
- 21 Tropicana Life Sdn Bhd
- 22 Tesco Stores (M) Sdn Bhd
- 23 Planete Enfants Sdn Bhd
- 24 Mydin Mohamed holdings Berhad
- 25 IT Hyperstore (M) Sdn Bhd - E@Curve
- 26 Tiens Health Development (M) Sdn Bhd
- 27 Golden Screen Cinema Sdn Bhd - 1U, Summit, Tropicana, IOI, Klang Shaw Centre Point
- 28 HSL E&E Corp (M) Sdn Bhd
- 29 Yves Rocher Beauty Institute (Subang Parade)
- 30 Magic Clothing Alterations (Subang Parade)
- 31 BV Eyecare (M) Sdn Bhd - BetterVision (Subang Parade)
- 32 Mirac Jaya Sdn Bhd (Subang Parade)
- 33 Johnson fitness (M) Sdn Bhd (Subang Parade)
- 34 D&J Collection (Subang Parade)
- 35 Bintang Retail Industries Sdn Bhd
- 36 Memory Lane (M) Sdn Bhd (Subang Parade)
- 37 Speedy Video Distributors Sdn Bhd (Subang Parade)
- 38 Kilauan Lestari Sdn Bhd (Subang Parade)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : : LESEN MENDUDUKI SEMENTARA**

69. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh kerajaan negeri bagi mengatasi isu ejen tanah yang mengutip komisen dan memohon tanah secara berkelompok untuk orang lain?
- b) Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mewujudkan sistem pendaftaran dan pemprosesan tanah yang telus bagi mengurangkan kes permohonan yang bertindih?
- c) Adakah tindakan kerajaan bagi memantau dan memastikan bahawa sebidang tanah kerajaan yang diberi milik itu digunakan dengan seoptimumnya?

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB TUAN YAP LUM CHIN  
(BALAKONG)**

**TAJUK: DEWAN ORANG RAMAI DI KAWASAN DUN BALAKONG**

70. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah usaha kerajaan bagi mengadakan dewan orang ramai di kawasan DUN Balakong?
- b) Adakah kerajaan mempunyai peruntukan bagi membangunkan dewan orang ramai ini di negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Bagi pembangunan baru tapak Dewan Orang Ramai atau Pusat Komuniti hendaklah disediakan berdasarkan Garis Panduan Perancangan dan diserahkan kepada kerajaan oleh pemaju. Berdasarkan rekod MPKj terdapat 19 Dewan Orang Ramai dalam DUN Balakong, 8 daripadanya telah dibina bangunan orang ramai.
- b)
  - i. Ada dua kaedah bagi membangunkan bangunan orang ramai di atas rizab yang sedia ada peruntukan sendiri atau peruntukan pembangunan dari Kerajaan Negeri.
  - ii. Dibina dari peruntukan Pembangunan Pejabat Daerah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
LEMBAH JAYA**

**TAJUK : PROSES TARIKH PERMOHONAN**

71. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Berkenaan dengan tauliah mengajar di surau dan masjid seluruh Selangor, berapa lamakah proses untuk memperoleh bermula dari tarikh permohonan ?

**JAWAPAN :**

- a) Sebaik sahaja permohonan tauliah diterima di ibu pejabat, permohonan akan direkodkan untuk sesi temuduga pada bulan berikutnya. Sekiranya pemohon lulus dalam sesi temuduga, beliau akan diberikan kebenaran sementara untuk mengajar / berceramah, dalam tempoh 14 hari daripada tarikh temuduga tersebut. Proses untuk mendapat kebenaran sementara berceramah adalah selama 3 bulan bermula daripada tarikh penerimaan sesuatu permohonan di ibu pejabat.

Keputusan muktamad berhubung dengan pengeluaran kad tauliah pemohon adalah sukar ditetapkan kerana ia tertakluk kepada tapisan keselamatan daripada pihak polis. Walaubagaimanapun sementara menunggu keputusan tapisan keselamatan, pihak pemohon yang melepasi sesi temuduga dibenarkan untuk mengajar / berceramah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : SUKAN**

72. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk menggalakkan golongan belia terlibat dalam kegiatan sukan di Negeri Selangor ?
- b) Berapakah perbelanjaan yang telah diperuntukkan dalam tahun 2010 mengikut daerah-daerah yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi membangunkan aktiviti sukan di Negeri Selangor ?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Sukan Negeri Selangor sentiasa bekerjasama dengan Persatuan-persatuan Sukan Negeri Selangor membuat perancangan untuk menganjurkan kejohanan-kejohanan peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

Penganjuran kejohanan biasanya dibincangkan bersama Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan selain Majlis Sukan Negara. Pihak Majlis Sukan Negeri mahupun Persatuan Sukan Negeri sentiasa bekerjasama dan mencari peluang-peluang bagi penganjuran kejohanan-kejohanan yang difikirkan sesuai dengan bantuan dan peruntukan yang disediakan sama ada oleh Persatuan Sukan Kebangsaan ataupun Majlis Sukan Negara.

Kejohanan-kejohanan peringkat negeri ada dianjurkan oleh persatuan-persatuan negeri dan mendapat bantuan kewangan dari Majlis Sukan Negeri.

Melalui Jawatankuasa Tetap Sukan juga, kerajaan negeri turut menganjurkan sukan massa seperti Kejohanan Futsal Padang Jelajah Selangor yang diadakan di peringkat PBT dan Negeri pada baru-baru ini. Penggerak-penggerak Belia Tempatan di peringkat Zon juga turut menjalankan pelbagai program sukan seperti futsal, badminton, bola sepak 9 sebelah, bola jaring dan lain-lain sukan yang berskala kecil di Zon masing-masing bagi tujuan menggalakkan pembangunan sukan di Selangor.

- b) Memandangkan Majlis Sukan Daerah masih dalam penstrukturan semula, maka Majlis Sukan Negeri Selangor menggunakan perkhidmatan persatuan-persatuan yang berada di bawah pentadbirannya.

Bagi tujuan pembangunan di peringkat Daerah juga, Pihak Berkuasa Tempatan turut membantu Kerajaan Negeri menjalankan kegiatan dan aktiviti sukan di negeri Selangor. Walau bagaimanapun, kegiatan dan aktiviti sukan ini adalah menggunakan peruntukan Pihak Berkuasa Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR  
(PAYA JARAS)**

**TAJUK : INTEGRITY PACT**

73. Kerajaan Negeri turut memperkenalkan Integrity Pact bagi mencegah rasuah dalam kontrak dan tender awam.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah mekanisme pelaksanaan Integrity Pact ini dan siapakah yang akan mengawalinya?
- b) Apakah telah ada wujud model Integrity Pact yang telah diamalkan dan menjadi rujukan (best practice)?
- c) Apakah projek-projek penting kerajaan negeri sekarang yang telah dan akan mengguna pakai Integrity Pact?

**JAWAPAN :**

Perkara ini di bawah tindakan Pegawai Penyelidik Pejabat Menteri Besar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB TUAN YAP EE WAH  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: PENGANGKUTAN AWAM DI TAMAN PERUMAHAN**

74. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar

- a) Terdapat banyak kawasan taman kediaman di Daerah Sepang tidak mempunyai perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas, apakah tindakan pihak PBT untuk mengatasi masalah ini?
  
- b) Berapa banyak kawasan taman kediaman yang mempunyai perkhidmatan ini?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS  
(KUANG)**

**TAJUK : ISU PROGRAM HARI TANPA PLASTIK**

75. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan negeri berhasrat untuk memikirkan inisiatif lain selain mengenakan caj RM0.20 plastik yang digunakan pada hari Program tersebut selain dari menggalakkan pengguna menghayati program tanpa plastik untuk setiap hari Sabtu serta tidak merungut?
- b) Adakah kerajaan negeri memikirkan program lain yang boleh menggalakkan masyarakat menjaga dan menghayati alam sekitar?

**JAWAPAN :**

- a) Tidak dapat dinafikan beberapa rungutan daripada pengguna diterima pada awal kempen ini diperkenalkan. Walau bagaimanapun, tujuan cak RM0.20 bagi penggunaan beg plastik dikenakan adalah untuk mengubah tabiat masyarakat kepada budaya membawa beg sendiri dari rumah dan mengajak para pengguna ke arah perubahan yang baik demi kepentingan alam sekitar.

Antara inisiatif yang diambil oleh pasar raya / peruncit selain mengenakan caj RM0.20 adalah memberikan kotak-kotak terpakai secara percuma untuk mengisi barang-barang yang dibeli bagi menggantikan penggunaan beg plastik.

Selain daripada itu, terdapat beberapa pasar raya yang menawarkan mata ganjaran kepada pelanggan yang membawa beg sendiri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KG. TUNKU)**

**TAJUK : TARAF KEHIDUPAN MASYARAKAT MISKIN INDIA**

76. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan usaha-usaha yang telah dilakukan serta bantuan-bantuan yang diberikan kerajaan Selangor untuk membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat India di Selangor, khususnya mereka yang berpendapatan rendah di kawasan bandar dan estet.

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri sememangnya mengambil berat tentang permasalahan yang dihadapi oleh kaum India yang tinggal di bandar dan di estet. Meningkatkan taraf sosio ekonomi kaum India telah menjadi keutamaan kerajaan negeri dalam memastikan setiap rakyat Selangor dapat menikmati kualiti hidup yang lebih baik. Oleh yang demikian, terdapat pelbagai usaha telah dijalankan oleh kerajaan negeri di mana semua orang layak untuk memohon. Antaranya seperti berikut:
- i. Bantuan Kerajaan Prihatin – membaiki dan membina rumah baru bagi pemohon yang layak.
  - ii. Bantuan Blueprint Kemiskinan – Bantuan kepada mereka yang miskin dan ingin memulakan perniagaan sendiri secara kecil-kecilan.
  - iii. Dana usahawan IKS – Dana bagi mereka yang ingin mengembangkan perniagaan sendiri.

Selain daripada itu, kerajaan negeri mewujudkan peruntukan khas yang dinamakan Tabung Pendidikan Anak Pekerja Ladang. Tujuan tabung ini ditubuhkan untuk membantu para anak pekerja ladang dalam memberi peluang pendidikan yang lengkap. Pada tahun 2010, kerajaan negeri telah membelanjakan sejumlah RM 885,092 yang meliputi bantuan seperti berikut:

- i. Tajaan pelajar ke Kolej INPENS – 61 orang pelajar
- ii. Subsidi tambang bas sekolah – 250 pelajar
- iii. Hadiah kecemerlangan peperiksaan – 200 pelajar
- iv. Bantuan kewangan sekolah ladang – 21 sekolah ( naik taraf infrastruktur dan program sekolah)
- v. Bantuan yuran pengajian ( 2 orang )

Berdasarkan senarai bantuan yang di atas, kaum India sememangnya dialu-alukan untuk memohon mana-mana bantuan yang difikirkan sesuai. Bantuan ini disediakan adalah untuk membantu mereka berusaha dalam meningkatkan pendapatan mereka dan seterusnya menikmati taraf hidup yang lebih berkualiti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : HUTANG TALAM CORPORATION**

77. Bertanya Kepada YAB. Dato Menteri Besar;
- a) Sila huraikan secara detail sehingga setakat ini, berapakah jumlah hutang yang berjaya dikutip daripada syarikat Talam Corporation ?
  - b) Sila nyatakan apakah perancangan susulan Kerajaan Negeri terhadap hutang yang dikutip dan manfaatnya kepada rakyat Negeri Selangor ?
  - c) Sila nyatakan selain hutang syarikat Talam Corporation. Masih adakah terdapat hutang syarikat swasta yang lain bakal dikutip oleh Kerajaan Negeri ?

**JAWAPAN:**

- a) Keseluruhan jumlah hutang yang bernilai RM392.0 Juta telah berjaya dipungut setakat ini dari syarikat Talam Corporation Berhad.  
  
Hutang yang di dalam bentuk tunai akan segera dikutip iaitu sejumlah RM51.12 Juta dan baki hutang dalam bentuk Hartanah berjumlah RM340.90 Juta akan dijual dalam jangka masa sehingga akhir tahun.
- b) Setelah hutang-hutang itu diterima, kegunaannya tertakluk kepada Kerajaan Negeri
- c) Tidak pasti dan tiada berkaitan dengan MBI.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : GAJI, ELAUN DAN TUNTUTAN AHLI DEWAN NEGERI PAKATAN RAKYAT**

78. Bagi tahun 2009 untuk setiap ADUN (selain EXCO), setiap bulan

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berakah gaji asas dan elaun ADUN?
- b) Berapakah tuntutan dalam dan luar negara ADUN?
- c) Berapakah elaun dan tuntutan daripada anak-anak syarikat atas nama ahli Lembaga Pengarah anak-anak syarikat tersebut (jika ada)?

**JAWAPAN :**

- a) Gaji, elaun dan tuntutan ahli Dewan Negeri Pakatan Rakyat (selain EXCO) tahun 2009 adalah berjumlah RM 9,812.79 seperti di lampiran 'B'.
- b) Bagi tahun 2009, jumlah tuntutan dalam dan luar negara Ahli Dewan Negeri Selangor (Pakatan Rakyat) adalah RM 310,450.20 telah dibelanjakan.

## Lampiran 'B'

## GAJI DAN ELAUN TUNTUTAN AHLI DEWAN NEGERI PAKATAN RAKYAT TAHUN 2009 (SELAIN EXCO)

<b>Bi l</b>	<b>Gaji &amp; Elaun</b>	<b>Elaun (RM)</b>	<b>Jumlah Sebulan (RM) Elaun x Bil. ADUN</b>	<b>Jumlah Setahun (RM) Elaun x 12 bulan</b>	<b>Amaun Besar</b>
1	Elaun Ahli Dewan	4,112.79	$4112.79 \times 22 = 90,481.38$	$90,481.38 \times 12 = 1,085,776.56$	1,085,776.56
2	Elaun Khas ADUN	1,500.00	$1500.00 \times 22 = 33,000.00$	$33,000.00 \times 12 = 396,000.00$	396,000.00
3	Elaun Keraian ADUN	500.00	$500.00 \times 22 = 11,000.00$	$11,000.00 \times 12 = 132,000.00$	132,000.00
4	Elaun Perumahan ADUN	700.00	$700.00 \times 22 = 15,400.00$	$15,400.00 \times 12 = 184,800.00$	184,800.00
5	Bayaran Balik Bil Telefon	500.00	$500.00 \times 22 = 11,000.00$	$11,000.00 \times 12 = 132,000.00$	132,000.00
6	Elaun Pemandu	1,500.00	$1500.00 \times 22 = 33,000.00$	$33,000.00 \times 12 = 396,000.00$	396,000.00
7	Perbelanjaan Pejabat	1,000.00	$1000.00 \times 22 = 22,000.00$	$22,000.00 \times 12 = 264,000.00$	264,000.00
		9,812.79	215,881.38	2,590,576.56	2,590,576.56

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : BENCANA ALAM DI KOTA DAMANSARA**

79. Pada bulan April yang lalu seramai 600 keluarga di Kampung Melayu Subang , Kota Damansara telah ditimpa banjir dan juga beberapa kawasan lain juga telah mengalami banjir. Kejadian ini berlaku setiap tahun di kawasan-kawasan yang sama.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan pencegahan proaktif yang diambil untuk memastikan banjir tidak berlaku lagi di Kampung Melayu Subang dan kawasan kritikal yang lain ?

**JAWAPAN :**

- a) Banjir di Kampung Melayu Subang berpunca daripada limpahan Sg. Damansara. Pihak JPS bertanggungjawab memantau penyelenggaraan sungai tersebut. Pihak MBSA berperanan menyelenggara longkang. Antara tindakan pencegahan proaktif yang dilakukan ialah memeriksa semua longkang / 'culvert' lebih awal dan dibaik pulih jika bermasalah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK : RUMAH SUMBANGAN KERAJAAN NEGERI KEPADA RAKYAT MISKIN**

80. Kerajaan negeri mempunyai skim membina atau membaiki rumah-rumah warga emas yang uzur atau yang miskin.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sejak Kerajaan Pakatan memerintah Negeri Selangor berapakah jumlah rumah didirikan bagi golongan miskin?
- b) Berapakah pula jumlah rumah-rumah yang dibaikpulih?
- c) Apakah syarat-syarat yang melayakkan seseorang mendapat rumah atau rumah dibaikpulih?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri telah meluluskan bantuan bina baru rumah Kerajaan Prihatin sebanyak 327 buah sejak tahun 2008 sehingga Jun 2010 dengan kos pembinaan sebanyak RM7,147,222.
- b) Kerajaan Negeri telah meluluskan bantuan baik pulih sebanyak 351 buah rumah di seluruh Negeri Selangor sejak tahun 2008 sehingga Jun 2010 dengan kos baik pulih sebanyak Rm2,816,230.
- c) Syarat-syarat yang melayakkan seseorang mendapat rumah atau rumah dibaik pulih untuk Program Kerajaan Prihatin ialah :
  - i. Pendapatan isi rumah pemohon hendaklah di bawah Rm419.00 sebulan;
  - ii. Umur pemohon adalah di antara 50 tahun hingga 65 tahun sahaja kecuali Orang Kurang Upaya (OKU);
  - iii. Keadaan rumah yang daif dan tidak sesuai untuk diduduki. Kerosakan asas akan dipertimbangkan untuk baik pulih;
  - iv. Tanggungan yang tinggal bersama tidak mempunyai pendapatan;
  - v. Mempunyai tapak untuk membina kediaman baru.

Setiap permohonan akan disiasat oleh pihak UPEN bersama wakil daripada Pejabat Daerah dan akan dibawa ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Rumah Bantuan Kerajaan Prihatin.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE YING HA  
(TERATAI)**

**TAJUK : CUKAI TAKSIRAN**

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah tanah yang belum dibangunkan dihendaki membayar cukai taksiran kepada PBT?
- b) Dalam apakah keadaan cukai tersebut boleh dikecualikan?
- c) Sila senaraikan tanah-tanah milik yang tidak bayar cukai taksiran bawah MPAJ.

**JAWAPAN :**

- a) Ya. Berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976, tanah kosong (belum ada pembangunan), tanah kosong (cadangan pembangunan) dan tanah kosong yang melibatkan pertukaran syarat kategori guna tanah dikenakan cukai taksiran oleh PBT.
- b) Berdasarkan Seksyen 135, Akta Kerajaan Tempatan 1976, pengecualian apabila sesuatu pegangan digunakan semata-mata bagi tujuan rekreasi, sosial atau kebajikan dan bukan untuk mendapat keuntungan.
- c) Tanah-tanah milik yang tidak bayar cukai melibatkan tanah kosong individu (orang perseorangan) dan pihak syarikat (pemaju).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK: KADAR PENEMBUSAN SMUE PADA SETIAP KAUM DI SETIAP DAERAH DI SELANGOR**

82. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah kadar penembusan SMUE mengikut kaum di setiap peringkat Daerah di Selangor dan berapakah bayaran yang telah dibayar kepada pewaris mengikut kaum ?

**JAWAPAN :**


- a) Daripada anggaran 236,000 warga emas di Negeri Selangor, Daerah Sabak Bernam telah berjaya mendaftarkan jumlah tertinggi dengan kadar penembusan sejumlah 70.5% sementara Daerah Petaling adalah yang terendah dengan hanya 39.7% pendaftaran sahaja. Pecahan jumlah pendaftaran mengikut kaum dan daerah serta pecahan jumlah bayaran adalah sebagaimana senarai yang dilampirkan.

1 ARUHI = 236000, wang  
EMOS

**PENDAFTARAN SMUE MENGIKUT BANGSA**

Kaum	Jumlah	%
Melayu	52,803	40.05%
Cina	61,943	46.98%
India	16,203	12.29%
Lain-lain	907	0.69%
Jumlah	131,856	100.00%


Sehingga 31/05/2010



**PEMBAYARAN SMUE MENGIKUT BANGSA**

Kaum	Jumlah	%
Melayu	12,851,500	42.20%
Cina	11,889,000	44.60%
India	4,655,500	12.50%
Lain-lain	284,500	0.70%
Jumlah	29,680,500	100.00%

Sehingga 31/05/2010



jawapan untuk soalan Dewan  
Data sehingga 30/06/2010

Kadar penembusan pendaftaran warga emas mengikut daerah

Pejabat Daerah	Melayu %	Cina %	India %	Jumlah %
Sabak Bernam	72.1%	67.9%	47.7%	70.5%
Kuala Selangor	68.7%	59.5%	53.0%	64.4%
Kuala Langat	68.6%	56.4%	51.8%	62.6%
Gombak	57.9%	69.2%	51.9%	61.3%
Hulu Langat	46.6%	67.3%	69.3%	58.7%
Klang	58.1%	51.4%	64.1%	56.2%
Selangor	56.1%	53.0%	42.3%	52.8%
Hulu Selangor	34.9%	54.2%	28.5%	42.1%
Petaling	35.8%	40.3%	41.0%	39.7%
<b>Jumlah</b>	<b>54.0%</b>	<b>51.8%</b>	<b>51.1%</b>	<b>52.9%</b>

Pembayaran kepada waris mengikut kaum

Kaum	Jumlah RM	Peratus %
Melayu	13,677,000	43.18%
Cina	12,696,000	40.08%
India	5,000,500	15.79%
Lain-lain	303500	0.96%
<b>Jumlah</b>	<b>31,677,000</b>	<b>100.00%</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : JUMLAH EMOLUMEN BAGI KETUA JAIS**

83. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan jumlah emolumen, elaun serta semua kemudahan bagi Ketua Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

**JAWAPAN :**

- a) Jumlah emolumen dan elaun Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor adalah seperti berikut :

Gaji pokok	:	RM 9,480.90
Elaun orang gaji	:	RM 500.00
Imbuan Tetap JUSA	:	RM 1,000.00
Elaun Rai kakitangan	:	RM 2,500.00
Imbuan tetap perumahan	:	RM 1,300.00
Elaun tetap setiausaha MAIS	:	RM 1,000.00
<b>JUMLAH</b>	:	<b><u>RM 15,780.90</u></b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : TUISYEN RAKYAT**

84. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan jumlah pelajar yang mendapatkan tuisyen percuma di bawah program Tuisyen Rakyat mengikut pecahan DUN daripada tahun 2008-2010.
- b) Senaraikan jumlah peruntukan negeri yang digunakan bagi membiayai program tuisyen rakyat ini daripada tahun 2008-2010 termasuk pembayaran kepada konsultan dan pegawai penyelaras.
- c) Apakah perancangan kerajaan negeri bagi memastikan wujudnya kesinambungan terhadap pelajar-pelajar yang telah tamat kelas di bawah Program Tuisyen Rakyat setelah menduduki peperiksaan SPM, baik dalam segi melanjutkan pelajaran ataupun memulakan kerjaya mereka.

**JAWAPAN :**

- a) Sila rujuk Lampiran
- b) Jumlah peruntukan Kerajaan Negeri yang digunakan bagi membiayai Program Tuisyen Rakyat adalah seperti berikut:

BIL	TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN(RM)
1.	2009	3.45 JUTA
2.	2010	3.5 JUTA

BIL	TAHUN	KONSULTAN (RM)	PEGAWAI PENYELARAS (RM)
1.	2009	1,581,300.00	30,600.00
2.	2010	1,620,900.00	33,000.00

- c) Terima kasih kepada YB. yang bertanya dan prihatin terhadap pelajar-pelajar Program Tuisyen Rakyat Selangor. Setakat ini pihak jawatankuasa belum ada perancangan untuk mereka dari segi melanjutkan pelajaran ataupun kerjaya mereka. Namun, sekiranya difikirkan perlu dan mempunyai peruntukan yang mencukupi, pihak jawatankuasa memikir merangka perancangan tersebut sebaik-baiknya.

BIL	NAMA DUN	BIL PELAJAR	
		2009	2010
		1	N01 SG AIR TAWAR
2	N02 SABAK	70	100
3	N03 SUNGAI PANJANG	40	100
4	N04 SEKINCHAN	79	85
5	N08 SUNGAI BURONG	100	100
6	N09 PERMATANG	48	45
7	N10 BUKIT MELAWATI	100	100
8	N11 IJOK	100	100
9	N12 JERAM	100	100
10	N13 KUANG	93	80
11	N31 SUBANG JAYA	12	22
12	N32 SERI SETIA	57	90
13	N33 TAMAN MEDAN	95	100
14	N34 BUKIT GASING	8	20
15	N35 KAMPUNG TUNKU	X	X
16	N38 PAYA JARAS	X	45
17	N39 KOTA DAMANSARA	60	35
18	N40 KOTA ANGGERIK	70	100
19	N41 BATU TIGA	100	100
20	N42 MERU	100	100
21	N43 SEMENTA	100	100
22	N44 SUNGAI PINANG	100	50
23	N45 SELAT KLANG	91	100
24	N46 PELABUHAN KLANG	X	55
25	N47 PANDAMARAN	51	45
26	N48 KOTA ALAM SHAH	57	81
27	N49 SERI ANDALAS	74	57
28	N50 SRI MUDA	91	100
	JUMLAH	1836	2110

**PEGAWAI TADBIR ZON 1 : MOHD DIN CHE RAMLI**

BIL	NAMA DUN	BIL GURU	BIL PUSAT TUISYEN	LOKASI
1	N01 SABAK	8	4	PASTI Parit Baru, Sungai Air Tawar
2	N02 SG AIR TAWAR	9	2	1. Balairaya Sg Lias 2. Markaz PAS Batu 1 Tebuk Pulai
3	N03 SUNGAI PANJANG	12	4	1. Dewan Kuliah, Masjid As Saidiah Pasir Panjang 2. Sekolah Agama Pasir Panjang (2 kelas) 3. Pekan Sungai Besar
4	N03 SEKINCHAN	10	1	SRA Tali Air 7
5	N08 SUNGAI BURONG	8	1	Sekolah Menengah Agama Tanjong Karang
6	N09 PERMATANG	4	2	1. Dewan Mini Kg Permatang 2. Balai JKKK Kampung Parit Serong
7	N10 BUKIT MELAWATI	11	4	Bandar Baru Malawati (2), Kg Kuantan, Pasir Tuntung
8	N11 IJOK	12	4	1. Pejabat Kerja MB Ijok 1 2. SMK Rantau Panjang 3. Pusat Belia, Bkt Badong 4. Tmn Sri Indah, Btg Berjuntai
9	N12 JERAM	12	4	1. Pejabat JKKK Pekan Jeram 2. Dewan Belia Kg Bukit Kerayong 3. Pejabat JKKK Kg Bukit Kuching Hilir 4. PASTI Ar-Raudah, Fasa 3 Punchak Alam
10	N13 KUANG	9	1	Dewan JKKK Kg Idaman, Kuang
11	N31 SUBANG JAYA	3	1	Sek Agama KAFA, Masjid Darul Ehsan, Subang Jaya
12	N32 SERI SETIA	16	3	Desa Mentari Blok 8, Sek KAFA Kg Lindungan, Sek KAFA Lembah Subang,
13	N33 TAMAN MEDAN	5	1	SRA Tmn Datuk Harun
14	N34 BUKIT GASING	4	1	Pejabat ADUN Bukit Gasing
15	N35 KAMPUNG TUNKU			Kelas tidak dijalankan
16	N38 PAYA JARAS	8	2	SAM Paya Jaras, Masjid Seri Al Huda
17	N39 KOTA DAMANSARA	4	1	
18	N40 KOTA ANGGERIK	9	2	1. SAMT Tengku Ampuan Jemaah, Shah Alam (2 kelas) 2. Masjid Azariah, Seksyen 18 Shah Alam (2 kelas)
19	N41 BATU TIGA	7	4	1. Dewan JKKK Kg Kuantan, Klang 2. Dewan JKKK Padang Jawa, Klang. 3. Seksyen 17, Shah Alam 4. Seksyen 20, Shah Alam
20	N42 MERU	9	1	SRA Pekan Meru
21	N43 SEMENTA	6	1	SRA Kg Sementa
22	N44 SUNGAI PINANG	3	1	Dewan Taman Berkeley, Klang, Selangor

23	N45 SELAT KLANG	7	1	Sek Islam Al-Farabi, Kg Delek
24	N46 PELABUHAN KLANG	8	1	SRA Pandamaran Jaya
25	N47 PANDAMARAN	4	1	Pejabat ADUN Pandamaran
26	N48 KOTA ALAM SHAH	4	1	Auditorium MPK Klang.
27	N49 SERI ANDALAS	4	3	1. Kg Jawa (2), Taman Sentosa
28	N50 SRI MUDA	4	3	1. Pusat Khidmat Rakyat Sri Muda (2)
				2. Dewan MBSA Alam Megah
				3. Dewan Masjid Jalan Kebun
	JUMLAH	200	55	

BIL	NAMA DUN	BILANGAN GURU	BILANGAN PUSAT TUISYEN	LOKASI
1	Hulu Bernam	12	4	1- PKM DUN HULU BERNAM, JLN BESAR HULU BERNAM 2- BALAI RAYA JKKK HULU BERNAM SELATAN, KG BARU A, HULU BERNAM 3- SEK. AGAMA MEN. SG SELISEK HULU SELANGOR 4- BALAI RAY KG MASJID, SG SELISIK, HULU SELANGOR
2	Kuala Kubu Baru	4	2	1-MASJID JAMEK AR-RAHMAH, KUALA KUBU BAHARU, 47000 KKB (NAZIR NASARUDIN BIN MOHAMAD ARIF, 019-2795576)-2
3	Rawang	8	4	1-SEK. REN. AGAMA IBNU KHALDUN, JLN TERATAI, KG KENANGA, 48000 RAWANG -2 2-SAR KAFA INTEGRASI AL FURQAN, JLN DESA 4/1 BANDAR COUNTRY HOME, 48000 RAWANG -2
4	Batang Kali	2	2	AKADEMI MINDA, M-45, JLN ORKED 2A, BANDAR BUKIT SENTOSA, 43500 RAWANG, SELANGOR
5	Taman Templer	5	4	1-SRA NURUL IMAN MASJID AT-TAQWA, JLN 11C SELAYANG BARU (USTAZ SURATMAN, 019-2239026) 2- PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT, DUN TAMAN TEMPLER, NO 71-1 JLN 2/16, BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES
6	Batu Caves	8	2	SAR KAFA INTEGRASI AL-HUMAIRA, MASJID JAMEK KG NAKHODA, JLN NAKHODA KANAN, KG NAKHODA, 68100 BATU CAVES, SELANGOR (2)

7	Bukit Antarabangsa	5	4	SRA KG MELAYU AMPANG, JLN BUKIT BELACAN, 68000 AMPANG. (4 BUAH KELAS)
8	Gombak Setia	7	4	KELAS FARDHU AIN, MASJID AS-SYARIF, KG SIMPANG 3, JLN GOMBAK, 53100 GOMBAK. (S/U MASJID – 012-3159561) (4)
9	Hulu Klang	5	2	1-DEWAN ORANG RAMAI KERAMAT PANGSA AU2, KL (KAK KIAH, 012-3714777) 2-KG PASIR (SURAU AL FALAHYAH JLN DATO' ABU SAMAT, KG PASIR)
10	Lembah Jaya	5	3	DEWAN ORANG RAMAI, BLOK C, FLAT TAMAN KOSAS, AMPANG (3)
11	Kajang	6	3	1-DEWAN ORANG RAMAI, BATU 13 KAJANG (KETUA KG, 019-3038908) 2-DEWAN ORG RAMAI SG SEKAMAT (ABG NAZRI, 017-3187911) 3-DEWAN ORG RAMAI QUEPACS (HJ DAHALAN, 012-3632312)
12	Cempaka	3	2	1- DEWAN ORANG RAMAI TMN MAJU JAYA, PANDAN INDAH, 55100 KUALA LUMPUR 2- DEWAN KAFA, JLN CAHAYA 7, TMN CAHAYA 55100 KL
13	Semenyih	10	4	1- SEK REN AGAMA PEKAN RAKYAT SEMENYIH 2- SEK REN ANNAJAH, RINCING TENGAH 3- SEK AGAMA INTEGRASI BERANANG (2)
14	Teratai	3	1	1- PEJABAT ADUN TERATAI, NO 48-1, JLN BUNGA TANJONG 10, TMAN MUDA, 68000 AMPANG, SELANGOR
15	Dusun Tua	5	4	1- SRA PEKAN HULU LANGAT, BT 14 HULU LANGAT (4)

16	Dengkil	6	4	<p>1-DEWAN ORANG RAMAI TMN DESA PUTRA, JLN ABD HALIM, KG DESA PUTRA, 43000 KAJANG (EN JEMALI, 019-2365106)</p> <p>2-SMK BUKIT CHANGGANG, 42700 BANTING (CIKGU MAIMUN, 013-3800890)</p> <p>3-DEWAN ORANG RAMAI, TMN DENGKIL JAYA, 43800 DENGKIL (EN AZLAN, 019-6696693)</p> <p>4- DEWAN ORANG RAMAI PUTRA PERDANA</p>
17	Balakong	7	4	<p>1-PEJABAT PUSAT PERKHIDMATAN DUN BALAKONG, TMN INDAH, NO 7, TKT 2, JLN INDAH 2/7, TMN INDAH, 43200 BATU 11, CHERAS, KAJANG (YB TUAN YAP LUM CHIN, 016-3595293)</p> <p>2-BALAIRAYA TMN TUN PERAK, 43200 BATU 9 CHERAS (JKP TMN TUN PERAK, EN HALIM, 012-3007517)</p> <p>3-BALAIRAYA KG SG BALAK, BATU 13 CHERAS, 4300 KAJANG (HJ TAHIR, 016-6154008)</p> <p>4-KAFA INTEGRASI TAMAN TAMING JAYA, JLN TAMING KIRI 1, TMN TAMING JAYA, 43300 SRI KEMBANGAN (EN KHAIRI, 012-3986156)</p>
18	Bangi	6	4	<p>1- KAFA AL-HIDAYAH, WEST COUNTRY, SEKSYEN 5 (2)</p> <p>2- SRA SG RAMAL DALAM, BANGI (2)</p>
19	Sri Kembangan	4	2	<p>PUSAT TUISYEN DIDIK INOVATIF, 11A &amp; 15A JLN PERUSAHAAN 2, OFF JLN KOLEJ, 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR.</p>

20	Sri Serdang	5	2	1- BALAIRAYA SERDANG JAYA, JLN 5/6, SERDANG JAYA 2- BALAI MASYARAKAT PUCHONG INDAH, JLN INDAH SEKSYEN 3/8 TAMAN PUCHONG INDAH
21	Kinrara	5	2	1- BALAI MASYARAKAT TMN KINRARA SEK. 5 2- BALAI MASYARAKAT JLN 25, TMN BUKIT KUCHAI
22	Damansara Utama	3	2	1-DEWAN PANGSAPURI BISTARI SEK 19. 2-BALAI RAYA MBPJ PJU ¼ KG CEMPAKA, DAMANSARA UTAMA.
23	Bukit Lanjan			
24	Tg Sepat	16	4	1- SEK MEN SG RAWANG BANGKONG, ULU TERES 2- PERSATUAN PELAJAR-PELAJAR CINA TG SEPAT 3-PUSAT KHIDMAT RAKYAT BATU LAUT 4- MAAHAD TAHFIZ SG KELAMBU
25	Sijangkang	8	4	1- SRA KG MEDAN (4)
26	Telok Datok	9	4	1- PKM ADUN TELOK DATOK, B-01-14, JLN BUNGA PEKEAN, 42700 BANTING (2) 2- KEDAI NO. 14, JLN INTAN 2, TMN YAYASAN, 42600 JENJAROM (TINGKAT ATAS) (2)
27	Morib	9	4	1- KAFA INTEGRASI TMN KEMUNING (2) 2. MAJID AT TAQWA (2)
28	Sungai Pelek	9	4	1- BILIK KULIAH HISAMUDDIN, BANDAR BARU SALAK TINGGI, SEPANG (2) 2- PEJABAT PUSAT KHIDMAT DUN SG PELEK, SEPANG (2)
<b>JUMLAH</b>		<b>175</b>	<b>85</b>	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
LEMBAH JAYA**

**TAJUK : NAMA PEMEGANG PERMIT PASI DARI KSSB**

85. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Senaraikan nama-nama pemegang permit pasir dari Semesta Sdn Bhd yang telah beroperasi dari tahun 2008-kini, dan berikan pendapatan keseluruhan Semesta Sdn Bhd sejak itu.

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : BANTUAN BINA RUMAH FAKIR MISKIN**

86. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sila senaraikan jumlah bantuan pembinaan rumah-rumah baru untuk golongan fakir miskin yang telah dibina oleh Lembaga Zakat Selangor dalam tahun 2008 dan 2009 mengikut daerah-daerah di Negeri Selangor.

**JAWAPAN :**

a)

**PENERIMA BANTUAN BINA DAN BAIKPULIH RUMAH ASNAF FAKIR DAN MISKIN  
TAHUN 2008 – 2009**

BIL	DAERAH	TAHUN 2008		TAHUN 2009	
		BINA	BAIKPULIH	BINA	BAIKPULIH
1	Sabak Bernam	62	91	90	135
2	Kuala Selangor	66	75	124	228
3	Klang	20	7	20	15
4	Petaling	10	9	5	6
5	Kuala Langat	52	36	42	12
6	Sepang	25	4	13	7
7	Hulu Langat	19	23	13	11
8	Gombak	28	11	5	8
9	Hulu Selangor	37	24	19	33
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>319</b>	<b>280</b>	<b>331</b>	<b>455</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR  
(PAYA JARAS)**

**TAJUK : KEMAMPUAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN MENGATASI MASALAH  
BANJIR**

87. Masalah banjir di sesuatu tempat merupakan masalah yang besar kepada Pihak Berkuasa Tempatan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapakah masalah banjir yang kerap melanda sesuatu kawasan tidak mampu diselesaikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Apabila berlaku banjir Pihak Berkuasa Tempatan hanya mampu untuk datang melihat tanpa ada apa-apa tindakan susulan yang dilaksanakan?

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB TUAN YAP EE WAH  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: PEMASANG CCTV DI KAWASAN PBT**

88. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar
- a) Apakah perkembangan pemasangan CCTV di kawasan PBT ?
  - b) Berapa jumlah kewangan telah diluluskan untuk tujuan ini ?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman pemasangan CCTV di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah melantik perunding iaitu GTC Global Sdn. Bhd bagi penyediaan CCTV di kawasan PBT. Sebanyak 414 buah CCTV akan dipasang di 11 PBT kecuali di MPAJ memandangkan pihak MPAJ telah mempunyai sistem CCTV sedia ada. Buat masa ini proses perundingan bagi memperhalusi terma dan syarat kontrak sedang dilaksanakan demi memastikan kepentingan Kerajaan Negeri dan juga masyarakat awam adalah terpelihara. Pihak syarikat perlu memenuhi segala spesifikasi yang telah ditetapkan dan menunjukkan prestasi yang optimum sepanjang tempoh projek.
- b) Sebanyak RM 5.86 juta setahun telah diperuntukkan dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk sewaan secara kontrak selama 20 tahun kepada pihak perunding bagi pemasangan CCTV di PBT Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KG. TUNKU)**

**TAJUK : STAFF AKADEMIK DI UNISEL**

89. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan bilangan staf akademik di UNISEL dengan member pecahan mengikut keturunan etnik.
- b) Apakah langkah-langkah yang akan dan telah diambil untuk memperlbagaikan keturunan etnik staf akademik UNISEL?

**JAWAPAN :**

- a) Seperti di lampiran.
- b) Langkah-langkah yang telah dan akan diambil adalah seperti berikut :-
  - i. melantik staf dari kalangan semua etnik dan juga antarabangsa  
- UNISEI mengamalkan konsep terbuka terutamanya bagi urusan pengambilan staf dan tidak terhad pada mana-mana kaum tertentu.
  - ii. mengadakan pameran dan promosi di sekolah-sekolah Kebangsaan Cina dan Tamil.
  - iii. Menjemput golongan semua etnik sebagai fasilitator / penceramah dalam program-program ilmu peringkat university.
  - iv. Menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar

### SENARAI STAF AKADEMIK MENGIKUT BANGSA

KEWARGANEGARAAN	KELAYAKAN	MELAYU		CINA		INDIA		LAIN-LAIN		JUMLAH		
		L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	JUM
MALAYSIA	PHD	35	2	1		1				37	2	39
	IJAZAH SARJANA	87	154	2	3	2	4			92	162	252
	IJAZAH SARJANA MUDA	40	81	2	2	1	7			43	90	133
INDONESIA	PHD							1		1		1
	IJAZAH SARJANA								1		1	1
	IJAZAH SARJANA MUDA											
SINGAPURA	PHD											
	IJAZAH SARJANA											
	IJAZAH SARJANA MUDA								1		1	1
INDIA	PHD											
	IJAZAH SARJANA							2		2		2
	IJAZAH SARJANA MUDA											
BANGLADESH	PHD											
	IJAZAH SARJANA							2		2		2
	IJAZAH SARJANA MUDA											
ALGERIA	PHD											
	IJAZAH SARJANA							1		1		1
	IJAZAH SARJANA MUDA											
IRAQ	PHD											
	IJAZAH SARJANA							1		1		1
	IJAZAH SARJANA MUDA											
THAILAND	PHD											
	IJAZAH SARJANA							1		1		1
	IJAZAH SARJANA MUDA											
JUMLAH		162	237	5	5	4	11	8	2	180	256	434

Catatan :  
 Ph.D. - Pensyarah Kanan & Ke Atas  
 Ijazah Sarjana - Pensyarah  
 Ijazah Sarjana Muda - Penolong Pensyarah

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : MASALAH NELAYAN PUKAT TUNDA**

90. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;
- a) Sila nyatakan berapakah jumlah permit yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perikanan kepada nelayan pukat tunda di seluruh Negeri Selangor pada tahun 2010 ?
- b) Sila nyatakan kenapa kebelakangan ini terdapat banyak aduan tentang pencerobohan pihak Polis Merlin Negara jiran khususnya Indonesia yang menangkap nelayan pukat tunda ?

**JAWAPAN:**

- a) Semua lesen baru perkakas komersial (pukat tunda dan pukat jerut ikan) telah dibekukan oleh Jabatan Perikanan Malaysia kecuali permit vessel laut dalam sahaja yang meliputi vessel yang beroperasi di Zon C2 dan Zon C3. Kuasa meluluskan di bawah kuasa Ketua Pengarah Perikanan Malaysia. Sehingga Jun 2010, tiada lesen perkakas komersial dan permit vessel laut dalam baru dikeluarkan kepada nelayan pukat tunda di seluruh Selangor.

Berikut adalah perincian vesel pukat tunda yang dilesenkan bagi tahun 2009 :-

**BILANGAN VESEL PUKAT TUNDA BERLESEN TAHUN 2009**

<b>DAERAH</b>	<b>ZON B</b> (5 Batu Nautika ke atas)	<b>ZON C</b> (12 Batu Nautika ke atas)	<b>ZON C2</b> (12 Batu Nautika ke atas)	<b>JUMLAH</b>
SEPANG	0	0	0	<b>0</b>
KUALA LANGAT	14	1	0	<b>15</b>
KLANG	206	1	0	<b>207</b>
KUALA SELANGOR	80	1	0	<b>81</b>
SABAK BERNAM	293	114	2	<b>409</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>593</b>	<b>117</b>	<b>2</b>	<b>712</b>

### JUMLAH VESEL BERLESEN TAHUN 2009

DAERAH	ZON TANGKAPAN				JUMLAH
	ZON A	ZON B	ZON C	ZON C2	
SEPANG	157	0	0	0	<b>157</b>
KUALA LANGAT	315	14	1	0	<b>330</b>
KLANG	1172	207	1	0	<b>1380</b>
KUALA SELANGOR	820	80	1	0	<b>901</b>
SABAK BERNAM	725	306	137	7	<b>1175</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>3189</b>	<b>607</b>	<b>140</b>	<b>7</b>	<b>3943</b>

**CATATAN :**

Zon A – Peralatan Tradisi (Pukat Hanyut)

Zon B, C dan C2 – Peralatan Komersial (Pukat Tunda dan Pukat Jerut Ikan)

- b) Jabatan tidak dapat mengenal pasti sebab sebenar mengapa vesel pukat tunda di Selangor sering ditahan oleh pihak berkuasa Negara jiran khususnya Indonesia. Waima, daripada risikan jabatan, di antara sebab yang boleh mengakibatkan vesel tempatan ditahan oleh pihak berkuasa Negara jiran adalah :-
1. Perairan bertindih yang dituntut oleh kedua-dua negara (Malaysia dan Indonesia) yang masih belum di selesaikan secara muktamad di antara kedua-dua pihak.
  2. Vesel tempatan Negara memang mencero boh di perairan Negara jiran memandangkan sumber ikan yang masih banyak di negara tersebut akibat polisi mereka yang tidak membenarkan perkakas Pukat Tunda diusahakan oleh nelayan mereka di perairan sendiri.
  3. Penggunaan nelayan daripada negara jiran oleh pemilik vesel Pukat Tunda Zon B secara tidak sah akibat desakan untuk mengurangkan kos operasi vesel (buruh murah) dan vesel boleh beroperasi 24 jam berbanding penggunaan nelayan tempatan. Polisi Jabatan sedia ada hanya membenarkan vesel Zon C dan C2 untuk menggunakan nelayan asing.
  4. Ketidakmampuan Agensi Penguatkuasaan Maritim negara untuk membuat kawalan secara berterusan khususnya di perairan 10 batu nautika ke atas. Jabatan akui ketidakmampuan logistik kerana vesel peronda yang sedia ada adalah jenis bot laju

yang hanya mampu mengawal perairan kurang daripada 5 batu nautika daripada pantai.

5. Tiada kerjasama daripada pemilik tempatan untuk membuat laporan kepada Jabatan apabila vesel mereka ditahan oleh pihak berkuasa Negara jiran. Alasan mereka bahawa vesel tidak akan dipulangkan jika ada pembabitian pihak berkuasa negara. Pemilik lebih bersedia untuk membuat pembayaran pelepasan daripada vesel mereka ditarik ke negara jiran.

Berasaskan sebab-sebab di atas, Jabatan hanya mampu untuk menyusulkan kepada pihak Ibu Pejabat agar alasan (1) dan (4) dapat dibincangkan di peringkat yang lebih tinggi. Kepada pemilik Pukat Tunda di Selangor, Jabatan hanya boleh menasihati mereka agar :

- i) Tidak menceroboh di perairan negara jiran.
- ii) Tidak mengambil nelayan asing secara tidak sah tetapi menggunakan nelayan tempatan.
- iii) Melaporkan secara rasmi kepada Jabatan atau mana-mana Agensi Penguatkuasaan Maritim negara mana-mana kejadian vesel yang telah ditahan oleh pihak berkuasa negara jiran supaya isu ini dapat dibangkitkan diperingkat 'Bilateral talk' kedua-dua Negara.
- iv) Menyahut seruan kerajaan agar dapat memasang alat pengesan pergerakan atau Vesel Trading Unit (VTU) di atas vesel masing-masing supaya pergerakan vesel dapat dipantau dan di dokumenkan sebagai bukti. Masa kini, Jabatan hanya menghendaki vesel Zon C2 atau yang bermuatan 70GRT ke atas untuk memasang alat VTU ini. Vesel-vesel muatan lain adalah secara sukarela.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : GAJI, ELAUN DAN TUNTUTAN AHLI DEWAN NEGERI BARISAN NASIONAL**

91. Bagi tahun 2009 untuk setiap ADUN, setiap bulan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berakah gaji asas dan elaun ADUN?
- b) Berapakah tuntutan dalam dan luar negara ADUN?
- c) Berapakah elaun dan tuntutan daripada anak-anak syarikat atas nama ahli lembaga pengarah anak-anak syarikat tersebut (jika ada)?

**JAWAPAN :**

- a) Gaji, elaun dan tuntutan Ahli Dewan Negeri Barisan Nasional bagi tahun 2009 adalah berjumlah RM 9,812.79 setiap ADUN.
- b) Tahun 2009 sejumlah RM 59,236.85 telah dibelanjakan bagi tuntutan dalam dan luar negara Ahli Dewan Negeri Selangor (Barisan Nasional)

## Lampiran

## GAJI, ELAUN DAN TUNTUTAN AHLI DEWAN NEGERI BARISAN NASIONAL TAHUN 2009

<b>Bil</b>	<b>Gaji &amp; Elaun</b>	<b>Elaun (RM)</b>	<b>Jumlah Sebulan (RM) (Elaun x Bil. ADUN)</b>	<b>Jumlah Setahun (RM) (Elaun x 12 bulan)</b>	<b>Amaun Besar</b>
1	Elaun Ahli Dewan	4,112.79	4112.79x21=86,368.59	86,368.59x12=1,036,423.08	1,036,423.08
2	Elaun Khas ADUN	1,500.00	1500.00x21=31,500.00	31,500.00x12=378,000.00	378,000.00
3	Elaun Keraian ADUN	500.00	500.00x21=10,500.00	10,500.00x12=126,000.00	126,000.00
4	Elaun Perumahan ADUN	700.00	700.00x21=14,700.00	14,700.00x12=176,400.00	176,400.00
5	Bayaran Balik Bil Telefon	500.00	500.00x21=10,500.00	10,500.00x12=126,000.00	126,000.00
6	Elaun Pemandu	1,500.00	1500.00x21=31,500.00	31,500.00x12=378,000.00	378,000.00
7	Perbelanjaan Pejabat	1,000.00	1000.00x21=21,000.00	21,000.00x12=252,000.00	252,000.00
		9,812.79	206,068.59	2,472,823.08	2,472,823.08

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK : RANCANGAN MALAYSIA KE 10**

92. Perdana Menteri Malaysia melancarkan RMK 10 pada 10 Jun 2010.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sejauh manakah RMK Ke 10 memberi faedah kepada rakyat Selangor?
- b) Adakah sebarang pengabaian RMK Ke 10 terhadap Selangor?
- c) Apakah tujuan RMK 10 merujuk kepada `Greater KL` , tetapi tidak kepada `Lembah Kelang` ?

**JAWAPAN :**

- a) Rancangan Malaysia ke-Sepuluh (RMKe-10) yang dibentangkan baru-baru ini adalah satu pelan yang kritikal dalam pembentukan agenda Kebangsaan. Negeri Selangor mahukan RMKe-10 ini menjadi satu pelan pembangunan yang adil dan saksama tanpa mengira kepentingan individu atau pihak tertentu supaya faedah dan hasilnya dapat dinikmati bersama oleh seluruh rakyat Malaysia dan khususnya rakyat negeri Selangor. Oleh demikian, Kerajaan negeri Selangor juga mengharapkan Rancangan ini tidak menjadi seperti rancangan-rancangan terdahulu yang tidak telus dari segi pelaksanaannya dan akhirnya tidak mendatangkan apa-apa hasil dan merugikan rakyat Malaysia.
- b) Selangor merupakan penyumbang terbesar kepada KDNK negara di mana negeri ini telah menyumbang 25 peratus kepada pertumbuhan keseluruhan ekonomi Malaysia setiap tahun. Dari segi sumbangan modal, Selangor juga adalah penyumbang tertinggi nisbah output tokokan modal (incremental capital output ratio) untuk kekayaan pelaburan dan pertumbuhan negara. Jelas di sini negeri Selangor memainkan peranan dan tanggungjawab yang sangat besar untuk pertumbuhan negara yang merangkumi pelbagai sektor dan aktiviti ekonomi. Tetapi malangnya, negeri Selangor didapati tidak diberi fokus dan tumpuan dengan telus kerana Kerajaan Persekutuan lebih gemar mempolitikkan urus tadbir ekonominya dengan mengabaikan kepentingan dan peranan Selangor. Seharusnya, dengan sumbangan yang begitu besar kepada pembangunan negara, penumpuan dan sokongan terhadap pelaksanaan projek-projek pembangunan untuk memajukan negeri Selangor harus dibuat Kerajaan Persekutuan. Dan jika tidak, harapan dan impian untuk melihat Malaysia mengalami pertumbuhan KDNK sekata sebanyak 6 peratus sepanjang RMke-10 dan seterusnya menjadi Negara Maju 2020 adalah amat sukar dan tidak mungkin dicapai.

- c) Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh menerangkan bagaimana Kerajaan Persekutuan ingin membangunkan Kuala Lumpur dengan tema "Greater KL" melalui pelbagai pelan pembangunan yang bakal dilaksanakan sepanjang tempoh Rancangan tersebut. Dihuraikan juga definisi "KL" yang termasuk Petaling Jaya, Subang, Ampang Jaya dan Shah Alam. Mengambil kira kesemua kawasan-kawasan tersebut terletak di negeri Selangor, definisi "Greater KL" ini adalah sangat tidak realistik dan sepatutnya diganti dengan nama Selangor atau Lembah Klang. Seperti mana yang kita tahu, kawasan Lembah Klang yang merupakan pusat penumpuan ekonomi, pembangunan infrastruktur serta pelancongan Malaysia adalah terletak sebahagiannya di negeri Selangor. Oleh itu, amat malang sekali bagi Kerajaan Persekutuan yang memilih jalan yang salah dengan mengabaikan negeri Selangor kerana perancangan pembangunan tersebut sebahagian besarnya adalah terletak di negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE YING HA  
(TERATAI)**

**TAJUK : POTONGAN BEKALAN AIR KERANA SEBAHAGIAN PENDUDUK DI  
PANGSAPURI TIDAK MENJELASKAN BIL AIR**

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Merujuk perkara di atas, adakah kerajaan mengadakan satu polisi atau cara-cara mengatasi masalah potongan bekalan air? Sila nyatakan.

**JAWAPAN :**

- a) Dalam menangani isu pemotongan bekalan air di pangsapuri-pangsapuri, Kerajaan Negeri telah mewajibkan semua kawasan pemajuan pangsapuri untuk melaksanakan migrasi meter air pukal kepada meter air individu. Ini adalah kerana, Kerajaan Negeri tidak mahu pembeli atau penduduk yang komited membayar bil air pada setiap bulan turut menerima implikasi pemotongan bekalan air kerana sikap pembeli-pembeli lain yang enggan atau lalai membayar bil air mereka.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah mengemukakan beberapa cadangan bagi memastikan migrasi meter air pukal kepada meter air individu dapat dilaksanakan dengan segera oleh SYABAS seperti berikut:

- i) Persetujuan pemilik 100% hanya daripada unit rumah yang diduduki sahaja. Kebenaran untuk membuka dan mendaftarkan akaun bekalan air sementara dibenarkan kepada pihak ketiga sama ada penyewa, pemaju, Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC) bagi premis kosong atau pemilik premis yang tidak memberi maklum balas. Pemegang akaun sementara boleh memohon kepada SYABAS untuk menutup akaun meter air terbabit selepas bil air pertama dikeluarkan.
- ii) Menyelesaikan masalah tunggakan bil air akaun meter pukal seperti berikut:-
- **Kaedah 1**  
Pemindahan tunggakan akaun meter pukal terus ke dalam akaun meter individu unit rumah terbabit.
  - **Kaedah 2**  
Pembayaran tunggakan secara bersama oleh pemilik individu dan pemegang meter pukal mengikut peratusan 50% bagi setiap parti secara ansuran bagi tempoh 6 sehingga 18 bulan.
- iii) Pemegang meter pukal iaitu MC, JMB atau Pemaju dikehendaki menandatangani "Surat Akujanji" yang menyatakan bahawa SYABAS tidak akan dipertanggungjawabkan ke atas apa-apa kerosakan yang mungkin timbul kerana pembinaan sistem bekalan air dalaman bagi kondominium tersebut tidak mengikut spesifikasi dan bahan yang diluluskan oleh SYABAS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK: SENARAI PENDAFTARAN TAWAS**

94. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah bilangan kanak-kanak yang telah diterima program TAWAS dan berapakah jumlah yang telah dibayar kepada golongan sasaran tahun 2009?

**JAWAPAN :**

- a) Sehingga 6 Julai 2010, bilangan kanak-kanak yang telah diterima dalam program TAWAS adalah sebanyak 26,137 orang dan jumlah yang telah dibayar sehingga kini adalah sebanyak RM 1,342,400.00 di mana ia merangkumi ahli TAWAS kelahiran tahun 2008 hingga 2009.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : TINDAKAN DISIPLIN OLEH PBT**

95. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah pegawai dan anggota Kerajaan Negeri yang dikenakan tindakan disiplin di setiap PBT? Sila nyatakan sebab-sebab tindakan disiplin tersebut diambil.

**JAWAPAN :**

- a) Jumlah pegawai dan anggota Kerajaan Negeri yang dikenakan tindakan disiplin di setiap PBT dan sebab-sebab tindakan disiplin tersebut diambil adalah seperti di jadual.

<b>BIL</b>	<b>PBT</b>	<b>JUMLAH TINDAKAN DISIPLIN KE ATAS PEGAWAI DAN KAKITANGAN</b>	<b>SEBAB-SEBAB TINDAKAN</b>
1	MBSA	32 orang	SEPERTI DI LAMPIRAN A1
2	MBPJ	26 orang	SEPERTI DI LAMPIRAN A2
3	MPK	10 orang	i. Ketidakhadiran ii. Mengetik Kad Perakam Waktu Orang Lain
4	MPAJ	i. 3 orang ii. 2 orang	i. Mengemukakan sijil cuti sakit palsu ii. Tidak hadir bertugas tanpa kebenaran, tanpa cuti atau tanpa sebab munasabah
5	MPSJ	2010 - 11 2009 - 10	i) Ingkar Perintah ii) Tidak Hadir Bertugas iii) Prestasi kerja tidak memuaskan iv) Pecah Amanah v) Masalah Kehadiran
6	MPS	9 orang	i) Tidak hadir bertugas tanpa kebenaran. ii) Mengemukakan Sijil Cuti Sakit Palsu iii) Masalah prestasi kerja. iv) Meminda tarikh Sijil Cuti Sakit.
7	MPKj	i) Sokongan (1) = 1 orang ii) Sokongan (2) = 5 orang iii) Sokongan (3) = 2 orang	i) Tidak hadir bertugas tanpa permohonan Cuti Rehat, Cuti Sakit serta Surat Perletakan Jawatan. ii) Tidak hadir bertugas tanpa permohonan Cuti Rehat, cuti Sakit serta Surat Perletakan Jawatan, tiada ditempat bertugas, cuai iii) Tidak hadir bertugas tanpa permohonan Cuti Rehat, Cuti Sakit serta Surat Perletakan Jawatan.
8	MPSp	14 orang	i) 11- Tidak Hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa kebenaran terlebih dahulu. ii) 4 - Ingkar perintah
9	MDKS	TIADA	TIADA

10	MDHS	3 orang	Tidak hadir bertugas tanpa kebenaran Ketua Jabatan
11	MDKL	1 kes Pegawai Kumpulan Sokongan II	Dikenakan hukuman turun gaji secara mendatar mulai 1 April 2010 hingga 31 Mac 2011 mengikut kaedah 10 (2) (g), Kaedah-kaedah Pekerja (Kelakuan dan Tatatertib), Majlis Daerah Kuala Langat, 1995.
12	MDSB	5 orang	1. Cuai semasa memproses melanjutkan lesen mesin hadiah.
			2. Gagal menyelia pekerja bawahan melaksanakan tugas.
			3. Tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa kebenaran.
			4. Menyebabkan berlakunya kehilangan barang elektrik milik MDSB.
			5. Menyebabkan berlakunya kehilangan barang elektrik milik MDSB.
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>134 orang</b>	

## LAMPIRAN A1

BIL	PBT	JUMLAH TINDAKAN DISPLIN KE ATAS PEGAWAI DAN KAKITANGAN	SEBAB-SEBAB TINDAKAN
1	MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (MBSA)	32 Orang	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tidak Bertanggungjawab kerana Tidak Hadir Bertugas Tanpa Cuti Atau Kebenaran Atau Tanpa Sebab Yang Munasabah.</li> <li>- Ingkar Perintah kerana Datang Lewat dan Tidak Merakam Kehadiran Datang dan Balik Bertugas.</li> <li>- Tidak Jujur dan Tidak Amanah kerana Mengemukakan Sijil Cuti Sakit Palsu.</li> <li>- Tidak Jujur dan Tidak Amanah kerana Meminda Tarikh Cuti Sakit pada Sijil Cuti Sakit.</li> <li>- Tidak Jujur dan Tidak Amanah kerana Membuat Tuntutan Palsu Kerja Lebih Masa.</li> <li>- Menggunakan Kedudukannya Sebagai Kakitangan Majlis bagi Faedahnya Sendiri kerana Meminta dan Menerima Wang Rasuah</li> <li>- Tidak Jujur dan Tidak Amanah kerana Meniru dan Memalsukan Tandatangan Pegawai.</li> <li>- Tidak Bertanggungjawab kerana Menggunakan Harta Majlis Untuk Kepentingan Peribadi.</li> <li>- Cuai Dalam Melaksanakan Tugas Kerana Tidak Mengeluarkan Surat Peringatan Secara Bertulis Kepada Pemaju.</li> </ul>

## MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

TAHUN	JENIS KESALAHAN	JUMLAH	JENIS HUKUMAN
2008	Tidak hadir bertugas	9	i. Amaran ii. Ditamatkan perkhidmatan kontrak iii. Dibuang kerja
	Tidak mematuhi kad perakam waktu	2	i. Ditamatkan perkhidmatan kontrak
2009	Kes Projek pemasangan papan tanda arah Muzium Petaling Jaya	3	i. Amaran dan turun gaji ii. Amaran dan turun pangkat
	Tidak hadir bertugas selama 80 hari	1	i. Dibuang kerja
	Tidak hadir bertugas selama 22 hari	1	i. Amaran
	Tidak hadir bertugas selama 86 hari	1	i. Amaran & lucut hak emolumen
	Tidak hadir bertugas selama 22 hari dan memalsukan sijil cuti sakit	1	i. Ditamatkan perkhidmatan kontrak
	Tidak hadir bertugas selama 11 hari	1	i. Ditamatkan perkhidmatan kontrak dan sebulan notis
	Tidak hadir bertugas selama 28 hari	1	i. Dibuang kerja
	Tidak hadir bertugas selama 64 hari	1	i. Dibuang kerja
	Tidak hadir bertugas selama 35 hari	1	i. Dibuang kerja
	Tidak hadir bertugas mulai 1 Jun 2009 hingga kini	1	i. Dibuang kerja
	Tidak hadir bertugas selama 138 hari	1	i. Lucut hak emolumen 138 hari
2010	Tidak hadir bertugas selama 64 hari	1	i. Dibuang kerja
	Tidak hadir bertugas selama 37 hari	1	i. Ditamatkan perkhidmatan kontrak

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : PERTANIAN**

96. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan kawasan yang dikenal pasti dan dizonkan sebagai zon perusahaan pertanian mengikut pecahan daerah.
- b) Apakah perancangan kerajaan negeri bagi memodenkan dan memperdayakan golongan petani di Selangor sebagai langkah bagi meningkatkan hasil pengeluaran pertanian?
- c) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi menggalakkan generasi muda untuk melibatkan diri dalam industri pertanian?

**JAWAPAN :**

- a) Berikut adalah pecahan zoning mengikut daerah yang menjadi asas kepada perancangan pembangunan pertanian negeri Selangor.

Bil	Daerah	Zon Pertanian
1	Sabak Bernam	Padi, Kelapa, Tanaman Ladang
2	Kuala Selangor	Padi, Kelapa, Tanaman Ladang
3	Sepang	Sayuran dan tanaman Umbisi
4	Kelang	Buah-buahan, Tanaman Ladang
5	Kuala Langat	Buah-buahan, Tanaman Umbisi, sayuran
6	Hulu Langat	Buah-buahan
7	Hulu Selangor	Sayuran, Buah-buahan
8	Gombak/Petaling	Bunga-bunga, cendawan

- b) Perancangan kerajaan negeri Selangor dalam memodenkan dan membangunkan industri pertanian Selangor adalah seperti berikut:
  - i) Membangunkan satu industri pertanian yang moden dan menggunakan teknologi tinggi seperti penggunaan benih tanaman hybrid, mekanisasi lading, teknologi pembajaan dan pengairan seperti penanaman teknik fertigasi.
  - ii) Meningkatkan penglibatan pihak swasta dalam industri pertanian kerana pihak swasta mempunyai sumber kewangan dan teknologi yang baik .
  - iii) Memodenkan pengurusan sektor pertanian tradisional kepada dengan cara pengurusan berpusat yang lebih cekap.
  - iv) Menyediakan kemudahan bagi pembangunan aktiviti hiliran bagi produk pertanian yang berupaya meningkatkan pendapatan petani.
  - v) Mewujudkan rantaian pasaran yang baik bagi antara pengeluar dengan pengguna.
  - vi) Menyediakan kempen dan galakan dalam menggunakan bahan keluaran tempatan berasaskan bahan pertanian tempatan

- c) Dalam usaha membangunkan industri pertanian di negeri Selangor dan menarik minat belia untuk menceburi bidang pertanian maka pihak kerajaan negeri telah mengambil tindakan dan langkah-langkah yang sepatutnya seperti berikut:
- i) Peluang latihan dan sumber di mana belia-belia boleh mendapatkan ilmu pengetahuan yang sesuai sebelum menceburkan diri dalam bidang pertanian. Latihan yang disediakan adalah seperti kursus-kursus asas di pusat latihan pertanian di bawah seliaan Jabatan Pertanian di Tg Karang dan Kalumpang, Kursus dan latihan tidak formal seperti juga disediakan pegawai pengembangan Jabatan Pertanian dan kursus peringkat lebih tinggi lagi seperti sijil pertanian di Institut Pertanian.
  - ii) Menyediakan khidmat bantuan nasihat teknikal melalui Jabatan Pertanian dan Agensi Pertanian yang lain.
  - iii) Program-program untuk menggalakkan belia menceburi bidang pertanian seperti Skim Usahawan Belia Tani dalam usaha pertanian di Agrotek dan program inkubator usahawan untuk bidang industri asas tani di Pusat Bimbingan Usahawan Serdang.
  - iv) Kerajaan negeri juga sentiasa mengadakan kempen galakan menarik belia menceburi bidang pertanian .

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
LEMBAH JAYA**

**TAJUK : PROJEK TERBENGGALAI DI SELAYANG**

97. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah status terkini projek terbengkalai di selayang? Bilakah ianya dapat diteruskan kerana pembeli telah menunggu hampir 10 tahun....projek ini akan menjadi satu kelebihan / *mileage* bagi pakatan rakyat jika ianya dapat dipulihkan.

**JAWAPAN:**

- a) Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, projek terbengkalai yang dimaksudkan di Selayang merupakan projek penempatan semula setinggan Bukit Botak yang dikenali sebagai Taman Selayang Mutiara. Berdasarkan status terkini projek tersebut, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah Gombak telah menjalankan siasatan terhadap pihak berkepentingan ke atas 1,002 hak milik di Bukit Botak bagi tujuan pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960. Setakat ini, siasatan pengambilan tanah telah dijalankan melibatkan seramai 496 pemilik tanah yang mana Borang G & H iaitu memaklumkan dan menawarkan bayaran pampasan telah dikeluarkan kepada pihak berkepentingan manakala baki seramai 506 penduduk masih belum hadir untuk siasatan. Setelah proses keseluruhan tanah milikan penduduk Bukit Botak dibuat pengambilan dan diwartakan sebagai tanah kerajaan maka usaha memulihkan projek ini dapat dilaksanakan. Adalah dijangkakan kerja-kerja pembinaan di tapak akan dijalankan pada awal bulan November 2010 setelah proses lantikan kontraktor oleh PKNS dibuat pada bulan Julai 2010 menerusi pemilihan kontraktor secara tender terbuka.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah menawarkan 3 pilihan kepada penduduk Bukit Botak dalam membangunkan semula penempatan setinggan Bukit Botak yang terdiri daripada **opsyen 1** iaitu bersetuju memiliki rumah pada rezab harga RM 99,000-00 tidak termasuk kos pembinaan RM 12,300-00 dan **opsyen 2** iaitu bersetuju menerima bayaran tunai berjumlah lebih kurang **RM71,000-00** iaitu perbezaan harga jaminan PKNS sebanyak **RM170,000-00** dengan rezab harga rumah sebanyak **RM99,000-00** tidak termasuk kos pembinaan RM 12,300-00. Manakala **opsyen 3 iaitu penduduk menolak tawaran opsyen 1 & 2** dan hanya menerima bayaran pampasan pengambilan tanah seperti yang telah ditetapkan dalam Borang G & H yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah. Sehingga kini, seramai **1,251 penduduk Bukit Botak** telah bersetuju dengan tawaran Kerajaan Negeri bagi opsyen 1 dan opsyen 2, manakala opsyen 3, tiada sebarang permohonan untuk pilihan ini dibuat.

Selain itu, penduduk Bukit Botak juga tidak perlu kawatir atau bimbang dengan pembangunan yang dirancangkan ini, memandangkan pembangunan projek ini menggunakan konsep **Bina Kemudian Jual**. Sebanyak **1,422 unit rumah semi-D** akan dibina oleh kontraktor yang dilantik PKNS dengan tawaran pembelian rumah kepada semua penduduk Bukit Botak setelah rumah tersebut siap dibina dengan Sijil Layak Menduduki (CF). Menerusi konsep tersebut, penduduk Bukit Botak secara langsung tidak dibebani dengan kos tambahan bagi bayaran bulanan pinjaman perumahan daripada bank atau pemiaya bersama bayaran sewaan rumah yang perlu dibayar setiap bulan. Selain itu, penduduk juga tidak perlu menanggung lain-lain kos seperti kos perjanjian jual-beli, kos guaman, kos pindah milik, duti setem dan lain-lain kos berkaitan yang mana kos tersebut termasuk dalam pembelian rumah berharga RM 99,000-00 tidak termasuk dengan kos pembinaan sebanyak RM 12,300-00. Usaha ini akan membantu dalam meringankan beban dan tanggungan kos oleh penduduk Bukit Botak di samping jaminan daripada Kerajaan Negeri dalam menyiapkan projek tersebut mengikut jadual perancangan. Keseluruhan projek ini akan dijangka siap sepenuhnya pada bulan Mac 2012 bagi menempatkan 1,406 penduduk setinggan Bukit Botak dan seterusnya menjadikan projek ini sebagai satu tanda kejayaan kepada Kerajaan Negeri dalam usaha memulihkan projek terbengkalai di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB TUAN YAP EE WAH  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: PENGAMBILAN SYABAS**

98. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar
- a) Apakah perkembangan terkini kerajaan negeri dalam urusan pengambilan syarikat bekalan air Selangor (Syabas) ?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KG. TUNKU)**

**TAJUK : RIZAB PBT**

99. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan wang rizab yang ada pada setiap PBT di Selangor sehingga 2009.
- b) Bagaimana kerajaan dapat menggunakan wang ini sebaik-baiknya untuk kepentingan rakyat dan negeri?

**JAWAPAN :**

- a) Dalam konteks Pihak Berkuasa Tempatan, wang rizab boleh ditakrifkan sebagai rizab tunai iaitu jumlah simpanan yang cair yang akan membolehkan PBT beroperasi dengan lancar. Rizab tunai PBT adalah jumlah tunai di bank dan di tangan serta simpanan tetap ditolak dengan jumlah cagaran yang dipegang oleh PBT tersebut.

Senarai jumlah rizab tunai PBT bagi tahun 2009 berdasarkan Draf Penyata Kewangan (belum diaudit) adalah seperti **Jadual 1** berikut:

**JADUAL 1**

PBT	TUNAI DI BANK DAN DI TANGAN	SIMPANAN TETAP	CAGARAN	JUMLAH RIZAB TUNAI
	(RM JUTA) (a)	(RM JUTA) (b)	(RM JUTA) (c)	(RM JUTA) d=(a)+(b)-(c)
MBSA	37.44	50.12	122.9	(35.34)
MPBJ	41.08	136	47.39	129.69
MPK	3.14	13.17	51.32	(35.01)
MPAJ	9.75	41.87	10.35	41.27
MPSJ	16.98	63.65	62.45	18.18
MPS	18.04	9.50	36.04	(8.5)
MPKj	107.62	58.79	98	68.41
MPSp	14.58	39.41	21.07	32.92
MDKS	1.02	2.25	8.07	(4.8)
MDHS	6.31	3.02	9.46	(0.13)
MDKL	1.69	23.2	10.18	14.71
MDSB	4.46	8.57	1.87	11.16

- b) Demi mempertingkatkan mutu perkhidmatan kepada rakyat dan negeri, wang rizab PBT yang benar-benar merupakan lebihan kepada PBT akan digunakan untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan infrastruktur di kawasan Majlis serta mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan yang disediakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : MASALAH PREMIUM TANAH**

100. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;
- a) Sila huraikan bagaimanakah perkembangan terkini rayuan para penduduk kampung Penerangan Sekinchan terhadap pengurangan premium tanah mereka ?
  - b) Sila nyatakan apakah pihak Kerajaan bersetuju memberi keistimewaan dan juga kelonggaran kepada penduduk Kampung yang majoriti miskin dan daif seperti di Bagan Terap dan juga Kampung Penerangan Sekinchan ?
  - c) Sila nyatakan apakah faktor utama yang menyebabkan wujudnya perbezaan kiraan bayaran premium di kawasan yang berlainan ?

**JAWAPAN:**

- a) Permohonan rayuan pengurangan para penduduk telah dipanjangkan ke PTG Selangor pada 15 April 2010. Dikemukakan oleh PTG Selangor ke MMKN pada 7 Julai 2010.
- b) Penerangan bayaran Premium adalah berdasarkan Pekeliling Bil.7/2010 dan Bil. 2/2008.
- c) Formula pengiraan Premium berdasarkan Kaedah Tanah Selangor. Perkara yang mewujudkan perbezaan berkenaan ialah nilai pasaran lokasi tanah berdasarkan ulasan dan penilaian daripada Jabatan Penilaian Perkhidmatan Harta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : GAJI, ELAUN DAN TUNTUTAN KAKITANGAN DAN STAF SOKONGAN  
PEJABAT DATO' MENTERI BESAR**

101. Bagi tahun 2009 untuk setiap jawatan, setiap bulan

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berakah gaji asas dan elaun kakitangan?
- b) Berapakah tuntutan dalam dan luar negara kakitangan?
- c) Berapakah nilai kemudahan-kemudahan lain yang diberikan kepada kakitangan?

**JAWAPAN :**

- a) Sila rujuk lampiran 11.
- b) Tiada sebarang tuntutan.
- c) Tiada sebarang kemudahan diberi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK : PENGAJIAN DI UNISEL**

102. UNISEL adalah sebuah universiti di bawah Kerajaan Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah UNISEL berdikari dari segi kewangan atau mendapat peruntukan tahunan dari Kerajaan Negeri?
- b) Benarkah jumlah pelajar kini menurun berbanding dengan tahun sebelumnya?
- c) Apakah perancangan jangka pendek dan panjang bagi memajukan UNISEL?

**JAWAPAN :**

- a) UNISEL menanggung sendiri semua kos operasinya dan tidak mendapat apa-apa peruntukan dari Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri ada memberi geran untuk penyelidikan sebanyak RM1/2 juta untuk penyelidikan dalam bidang bioteknologi selaras dengan dasar Kerajaan untuk memajukan industri ini.
- b) Bilangan pelajar ada menurun sedikit bila ramai pelajar peringkat diploma menamatkan pelajaran dan meninggalkan universiti. Walau bagaimanapun, pengambilan pelajar baru amat menggalakkan. Untuk sesi Jun 2010, seramai 2,425 orang telah mendaftar, menjadikan jumlah pelajar yang aktif untuk sesi Jun 2010 seramai 10,212 orang sehingga 29 Jun 2010.
- c) Untuk memajukan UNISEL, beberapa langkah telah diambil di antaranya :-
  - i. Meningkatkan usaha pemasaran dengan mendekati sekolah-sekolah. Jabatan Pelajaran diperingkat daerah dan negeri, pengiklanan dan kerja-kerja komuniti.
  - ii. Menambah bilangan pensyarah dan penyelidik yang berkelayakan.
  - iii. Menjalin kerjasama pintar dengan kolej-kolej dan universiti di dalam dan luar negeri, serta industri.
  - iv. Meningkatkan kelayakan pensyarah-pensyarah hingga peringkat PhD.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE YING HA  
(TERATAI)**

**TAJUK : BADAN PENGURUS DI PANGSAPURI BERKOS RENDAH 700, PANDAN PERDANA**

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Walaupun terdapat satu arahan telah dikeluarkan oleh kerajaan negeri Selangor supaya tamatkan badan pengurusan LT Sdn Bhd sebagai pengurus pangsapuri tersebut tetapi sudah satu tahun lebih, tidak ada tindakan. Sila nyatakan sebab-sebab.
- b) Adakah kerajaan berhak untuk tukar badan pengurusan yang tidak berkesan. Sila nyatakan cara-cara.

**JAWAPAN :**

- a) Perbadanan Pengurusan (MC) Pangsapuri Kos Rendah 700 telah ditubuhkan melalui mesyuarat agung tahunan pertama pada 20 Mac 2010 selaras Seksyen 41 Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318]. Pihak perbadanan pengurusan melalui anggota majlis yang dilantik semasa mesyuarat agung tahunan pertama perbadanan pengurusan tersebut akan mengambilalih sepenuhnya pengurusan dan penyenggaraan bangunan daripada LT Sdn Bhd (ejen pengurusan yang dilantik pemaju) mulai Julai 2010.

Apabila perbadanan pengurusan ditubuhkan LT Sdn Bhd dengan sendirinya terhenti beroperasi menjadi ejen pengurusan. Namun demikian, LT Sdn Bhd masih membantu perbadanan pengurusan mengurus dan menyenggara Pangsapuri Kos Rendah 700 sehingga ianya diambil alih sepenuhnya oleh anggota majlis perbadanan pengurusan.

- b) Kerajaan Negeri melalui Pesuruhjaya Bangunan boleh menukar perbadanan pengurusan yang tidak berfungsi dengan sewajarnya. Ini adalah selaras peruntukan Seksyen 50(1) Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318], Pesuruhjaya boleh atas aduan oleh pemilik atau mana-mana orang atau badan lain yang mempunyai kepentingan berdaftar mengenai sesuatu petak bahawa perbadanan pengurusannya telah tidak berfungsi dengan memuaskan, jika berpuas hati kepentingan pemilik petak dalam bangunan atau tanah yang dipecah bahagi itu memerlukannya, melantik ejen pengurusan untuk menjalankan kuasa dan menunaikan tugas dan fungsi perbadanan pengurusan itu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK:       PENGURUSAN MASJID**

104. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perancangan jangka masa panjang kerajaan untuk memantapkan institusi masjid terutama semua masjid di Selangor dan berapakah peruntukan yang dikeluarkan bagi melatih kakitangan masjid dan apakah latihan yang telah dilaksanakan

**JAWAPAN :**

- a) Perancangan jangka panjang kerajaan adalah melancarkan KPI (Penanda Aras Pencapaian Pengurusan Masjid) untuk semua masjid-masjid di Selangor. Pemantauan dari sudut pengurusan, pentadbiran, kewangan, pengimarah, kebajikan dan keceriaan akan sentiasa dilaksanakan mengikut standard KPI pada setiap 3 bulan sekali yang akan dilakukan oleh pegawai-pegawai di daerah masing-masing.
- i. Melaksanakan kursus-kursus Nazir / AJK masjid di ILDAS antaranya seperti berikut :
- 1)       Kursus Pemerksaan Imam Masjid
  - 2)       Kursus Pemahaman Enakmen-Enakmen Syariah Negeri Selangor
  - 3)       Kursus Pengurusan Kewangan Cemerlang
  - 4)       Kursus Pengukuhan Tadbir Urus Masjid dan lain-lain.
- ii. Menubuhkan Akademi Imam di bawah kelolaan Masjid Negeri bertujuan untuk melatih imam-imam masjid.
- iii. Memberi latihan kepada penceramah-penceramah bertauliah dan menggunakan kitab-kitab tertentu untuk diajar di masjid.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : PREMIS JUDI**

105. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Sila senaraikan jumlah premis judi yang beroperasi bagi setiap PBT

**JAWAPAN :**

a) Berikut senarai jumlah premis judi yang beroperasi mengikut pecahan PBT Negeri Selangor:

<b>Bil.</b>	<b>Pihak Berkuasa Tempatan</b>	<b>Bil. Premis</b>
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	7
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	66
3.	Majlis Perbandaran Klang	80
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	41
5.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	43
6.	Majlis Perbandaran Selayang	18
7.	Majlis Perbandaran Kajang	8
8.	Majlis Perbandaran Sepang	5
9.	Majlis Daerah Kuala Selangor	5
10.	Majlis Daerah Hulu Selangor	5
11.	Majlis Daerah Kuala Langat	9
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam	6
<b>Jumlah</b>		<b>293</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : PEMUTIHAN KILANG HARAM**

106. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah kilang haram yang belum dan telah diputihkan mengikut pecahan daerah daripada tahun 2007-2010?
- b) Apakah polisi kerajaan sekiranya sesuatu kilang haram hendak diputihkan?
- c) Adakah kerajaan menetapkan tempoh masa untuk kempen pemutihan kilang haram serta apakah langkah-langkah kerajaan negeri bagi memantau aktiviti pembinaan kilang haram?

**JAWAPAN :**

- a) Jumlah kilang haram yang belum dan telah diputihkan daripada tahun 2007-2010 di Daerah Sepang adalah seperti berikut:-

<b>Bil</b>	<b>Tahun</b>	<b>Permohonan Diterima</b>	<b>Diputihkan</b>	<b>Belum Diputihkan</b>
1	2007	64	39	25
2	2008	0	0	0
3	2009	37	-	-
4	2010	-	-	-

- b) Polisi Kerajaan untuk pemutihan kilang haram adalah seperti berikut:-
  - i) Permohonan tukar syarat mengikut zoning yang ditetapkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) . Permohonan di bawa masuk ke *One Stop Centre* (OSC) untuk mendapatkan maklum balas jabatan-jabatan teknikal.
  - ii) Mengeluarkan Permit Sementara sebagai usaha untuk meminta tuan tanah membuat permohonan tukar syarat.

c) Kerajaan telah menetapkan tarikh akhir berkaitan ialah:-

Tarikh akhir bagi PTD: 30 Jun 2010

Walaupun Pengerusi Jawatankuasa Tetap berkenaan telah mencadangkan tempoh ini dilanjutkan.

i) Langkah-langkah lain :-

tindakan penguatkuasaan di bawah kategori pelanggaran syarat penggunaan tanah dikuatkuasakan. Dicalonkan agar ulasan teknikal PTD diambil kira sebelum Lesen Perniagaan dikeluarkan oleh PBT kepada pemilik kilang yang memohon Lesen Perniagaan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
LEMBAH JAYA**

**TAJUK : KEDAI SERBANIKA**

107. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Kenapakah kedai serbaneka 24 jam seperti 7-11, Carefour Express, Kk Store menjual arak secara terbuka dan sewenang-wenangnya di dalam kawasan kepadatannya orang Melayu walaupun ada aduan telah dibuat?

**JAWAPAN :**

- a) Merujuk kepada kedai serbaneka 24 jam seperti 7-11, Carrefour Express dan yang berkaitan, sebarang penjualan arak memerlukan lesen untuk menjual liquor yang memabukkan di bawah **Seksyen 35, Akta Eksais 1976** melalui **Lembaga Pelesenan Eksais Daerah**. Definisi bagi 'liquor' yang memabukkan di bawah Seksyen 2(1), Akta Kastam 1967 iaitu termasuklah apa-apa cecair yang mengandungi lebih daripada dua peratus spirit pruf, yang sesuai atau bermaksud untuk, atau yang boleh dengan apa-apa cara diubah bagi, digunakan sebagai suatu minuman. Sekiranya didapati premis serbaneka menjual arak dan tidak mempunyai lesen, ia boleh dilaporkan kepada pihak Kastam untuk tindakan di bawah Akta Eksais 1976.

Manakala definisi bagi 'bir' termasuklah 'ale, stout, porter' dan segala liquor tapaiian lain yang diperbuat daripada 'malt'. Oleh sebab proses penyediaan yang berbeza iaitu melalui penapaian, maka penjualan 'bir' tidak perlu dilesenkan di bawah Seksyen 35, Akta Eksais 1976 bagi jualan secara **runcit** dan ia boleh dijual di mana-mana premis kedai serbaneka tanpa memerlukan sebarang lesen dari **Lembaga Pelesenan Eksais Daerah**. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pendekatan 'self-regulating' di **Majlis Bandaraya Shah Alam** sahaja sebagai perintis bagi mengawal penjualan minuman beralkohol terutamanya 'bir' memandangkan tiada peruntukkan spesifik di dalam Akta Eksais 1976 yang mengawal penjualannya secara runcit. Pendekatan ini telah dilaksanakan selama lebih kurang setengah tahun dan semua pihak yang terlibat sedang melaksanakannya. Pendekatan ini masih belum diperluaskan ke kawasan PBT – PBT lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KG. TUNKU)**

**TAJUK : BONUS DAN GAJI TINGGI PEGAWAI-PEGAWAI GLC KERAJAAN SELANGOR**

108. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyak bonus dan gaji yang dibayar kepada pegawai-pegawai kanan dan anggota lembaga pengarah Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB), Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) dan bagi tahun 2009?

**JAWAPAN :**

- a) Bonus dan gaji kepada anggota lembaga pengarah dan pegawai-pegawai Kumpulan Darul Ehsan Berhad bagi tahun 2009 seperti berikut :-

Lembaga Pengarah Syarikat

- |      |                   |              |
|------|-------------------|--------------|
| i.   | Yuran Pengarah    | RM310,000.00 |
| ii.  | Elaun Pengarah    | RM39,000.00  |
| iii. | Ganjaran Pengarah | RM120,000.00 |

Pegawai-pegawai Kanan Syarikat

- |     |       |                |
|-----|-------|----------------|
| i.  | Gaji  | RM1,110,265.00 |
| ii. | Bonus | RM295,182.00   |

Ahli Lembaga Pengarah Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) tidak menerima sebarang bonus dan gaji, mereka hanya menerima elaun tahunan.

Manakala bonus dan gaji dibayar kepada pegawai kanan PNSB bagi tahun 2009 adalah seperti di Lampiran 1.

**GAJI POKOK TAHUN 2009**

NAMA PEGAWAI	GAJI POKOK		ELAUN
	NOVEMBER	DISEMBER	
Tuan Haji Ahmad Bin Omar (Tarikh Lantikan – 1 November 2009)	30,000.00	30,000.00	0.00
<b>JUMLAH</b>	<b>30,000.00</b>	<b>30,000.00</b>	<b>0.00</b>

**BONUS TAHUN 2009**

<b>NAMA PEGAWAI</b>	<b>BONUS (3 BULAN)</b>
Tuan Haji Ahmad Bin Omar (Tarikh Lantikan – 1 November 20090)	15,000.00
<b>JUMLAH</b>	<b>15,000.00</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : PUSAT PERANGINAN DAN PENGINAPAN PANTAI BAGAN SEKINCHAN**

109. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;
- a) Sila nyatakan perkembangan terkini cadangan pembinaan Pusat Penginapan Moden di Pantai Bagan Sekinchan ?
  - b) Sila huraikan perancangan terkini Kerajaan Negeri untuk membangunkan DUN Sekinchan sebagai destinasi baru Agro-pelancongan yang baru ?
  - c) Apakah pihak Kerajaan akan membenarkan sebahagian kecil kawasan bendang yang berdekatan dengan kampung Baru Site B ditukarkan syarat penggunaannya untuk mempergiatkan aktiviti pelancongan tersebut ?

**JAWAPAN:**

- a) MDSB masih lagi menunggu permohonan cadangan daripada pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) berhubung cadangan tersebut.
- b) MDSB akan mengenal pasti kawasan-kawasan yang berpotensi untuk dijadikan sebagai produk pelancongan bagi Daerah Sabak Bernam seperti kawasan tanaman padi di Pekan Sekinchan.
- c) Perbincangan khas perlu diadakan bersama Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor dan Kerajaan Negeri Selangor berhubung dengan perkara tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : GAJI, ELAUN DAN TUNTUTAN KAKITANGAN DAN STAF SOKONGAN  
PEJABAT MBI**

110. Bagi tahun 2009 untuk setiap jawatan, setiap bulan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berakah gaji asas dan elaun kakitangan?
- b) Berapakah tuntutan dalam dan luar negara kakitangan?
- c) Berapakah nilai kemudahan-kemudahan lain yang diberikan kepada kakitangan?

**JAWAPAN :**

- a) Seperti di lampiran 11.
- b) Tiada sebarang tuntutan.
- c) Tiada sebarang kemudahan yang diberi.

PERBADANAN MENTERI BESAR SELANGOR  
( Enactment No.3 Tahun 1994 )

## PENYATA GAJI KASAR BULANAN 2009 - PEGAWAI DAN KAKITANGAN

	Gaji (RM)	Elaun (RM)	Jumlah (RM)	Jumlah Kakitangan
Jan	-	-	-	-
Feb	2,250.00	1,000.00	3,250.00	1
Mar	9,500.00	4,000.00	13,500.00	3
April	15,000.00	6,000.00	21,000.00	5
Mei	15,000.00	6,000.00	21,000.00	5
Jun	63,000.00	11,000.00	74,000.00	15
Julai	65,000.00	13,000.00	78,000.00	15
Ogos	65,000.00	13,000.00	78,000.00	15
Sep	60,000.00	13,000.00	73,000.00	14
Oct	65,000.00	13,000.00	78,000.00	14
Nov	66,000.00	13,000.00	79,000.00	14
Dec	66,000.00	13,000.00	79,000.00	14

**RAHSIA**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK : KEBAKARAN MASJID**

111. Sebuah masjid Di Kg. Limau Manis, Sepang terbakar.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kebakaran berlaku disebabkan khianat?
- b) Berapakah jumlah kerosakan dianggarkan?
- c) Apakah tindakan diambil jika dapat dipastikan dilakukan oleh pengkhianat?

**JAWAPAN :**

- a) Kebakaran berlaku disebabkan oleh orang yang kurang siuman membakar masjid tersebut kerana bekas isterinya hendak bernikah semula dengan orang lain di masjid itu. Perkara ini masih dalam siasatan pihak polis.
- b) JAIS telah dimaklumkan oleh pihak JKR bahawa anggaran kerosakan akibat tragedi kebakaran tersebut adalah berjumlah RM 370,000.00. Kelulusan segera telah diberi kepada JKR agar kerja baik pulih dapat dilaksanakan segera.
- c) Tindakan diserahkan sepenuhnya kepada pihak polis setelah satu laporan dibuat di Balai Polis Dengkil, Sepang, Selangor pada 9/6/2010.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE YING HA  
(TERATAI)**

**TAJUK : TANAH PARKING LOT DI HATTA SQUARE PANDAN MEWAH,  
KAWASAN PANDAN**

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Siapakah pemilik tanah tersebut.
- b) Adakah lot tersebut sepatutnya diserahkan balik kepada kerajaan? Jika betul bilakah ia akan diserahkan balik kepada kerajaan

**JAWAPAN :**

- a) Tanah tersebut masih milik PT no. 17354/HS(M) 27251 adalah milik Tetuan Jaya Ternak Sdn. Bhd. Bagi kegunaan tanah kompleks perniagaan.
- b) Tiada berkaitan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : TANAH RIZAB MELAYU**

113. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sila senaraikan jumlah tanah rizab Melayu di setiap daerah dan senaraikan pertambahan atau pengurangan tanah tersebut sepanjang lima tahun yang lepas

**JAWAPAN :**

a)

<b>DAERAH</b>	<b>KELUASAN DAERAH (H)</b>	<b>LUAS (H)</b>
Sabak Bernam	99,263	69,947.07
Kuala Selangor	119,453	15,105.66
Klang	63,235	10,383.58
Kuala Langat	85,811	13,250.54
Hulu Selangor	175,630	12,990.85
Petaling	49,866	1,174.68
Gombak	62,819	4,262.24
Sepang	55,716	15,399.06
Hulu Langat	83,945	16,113.77
<b>Negeri Selangor</b>	<b>795,738</b>	<b>158,627.45</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK:       LESEN TOL DI DUN MERU**

114. Kerajaan Negeri telah menawarkan lesen Tanah Sementara (TOL) pada mereka yang ingin mengusahakan tanah kerajaan yang terbiar atau belum digunakan untuk tujuan pembangunan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah bilangan lesen TOL yang telah diberikan kepada individu di DUN Meru bersama kedudukan tanah tersebut.?
- b) Berapakah bilangan penerima lesen TOL di Meru yang telah menyewakan semula tanah tersebut kepada pihak lain ?
- c) apakah tindakan yang telah diambil oleh Pejabat Tanah Daerah Klang terhadap mereka ini?

**JAWAPAN :**

- a) Bilangan Lesen Pendudukan Sementara (TOL) adalah 45. Kedudukan tanah adalah di Batu 7, Meru.
- b) Tiada maklumat.
- c) Sekiranya Pentadbir Tanah Klang dimaklumkan dan mendapati Lesen Pendudukan Sementara (LPS) telah disewakan kepada orang lain, terdapat pelanggaran syarat ke atas LPS dan Pentadbir Tanah boleh membatalkan Lesen Pendudukan Sementara tersebut.

**MAKLUMAT BILANGAN PENGELUARAN LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (LPS)  
BAGI DAERAH KLANG**

<b>BIL.</b>	<b>MUKIM</b>	<b>DUN</b>	<b>BIL. LPS YANG DIKELUARKAN</b>	<b>BIL. TOL YANG TELAH DISEWAKAN/GANTIUSAHA</b>
1	Mukim Kapar	Kota Anggerik (N.40)	7	Tiada maklumat
2	Bandar Klang Mukim Kapar	Batu Tiga (N.41)	1 2	sda
3	Mukim Kapar	Meru (N.42)	45	sda
4	Mukim Kapar Pekan Kapar Bandar Sultan Suleiman	Sementa (N.43)	38 3 11	sda
5	Mukim Kapar Bandar Klang	Sg. Pinang (N.44)	3 2	sda
6	Mukim Klang Bandar Pelabuhan Klang Mukim Kapar (Pulau Ketam)	Selat Klang (N.45)	44 2 911	sda
7	Mukim Klang	Pelabuhan Klang (N.46)	55	sda
8	Pekan Pandamaran Bandar Klang	Pandamaran (N.47)	14 3	sda
9	Bandar Klang	Kota Alam Shah (N.48)	10	sda
10	Mukim Klang	Seri Andalas (N.49)	12	sda
11	Mukim Klang	Seri Muda (N.50)	33	sda
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>1,196</b>	sda

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : TUNGGAKAN CUKAI TANAH**

115. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan jumlah hasil cukai tanah serta tunggakan cukai tanah mengikut pecahan daerah daripada tahun 2005-2010.
- b) Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan bagi memungut semua tunggakan cukai tanah dan meminimumkan kadar tunggakan cukai tanah supaya tidak mengganggu pendapatan negeri?
- c) Adakah kerajaan mewujudkan sebarang insentif bagi PDT yang berjaya mengutip tunggakan cukai tanah yang paling tinggi?

**JAWAPAN :**

- a) Kutipan hasil Cukai Tanah Semasa keseluruhan Negeri Selangor pada tahun 2005 adalah RM273.62 juta, meningkat kepada RM318.65juta pada tahun 2006. Pada tahun 2007, menurun kepada RM309.21juta dan meningkat semula pada tahun 2008 dengan kutipan sebanyak RM335.78juta dan terus meningkat pada tahun 2009 dengan kutipan sebanyak RM351.16juta. Sehingga Mei 2010, kutipan cukai tanah semasa adalah RM300.73juta.

Kutipan hasil tunggakan cukai tanah keseluruhan Negeri Selangor pada tahun 2005 adalah RM62.79juta, meningkat kepada RM75.18juta pada tahun 2006. Pada tahun 2007, meningkat kepada RM77.42juta dan meningkat kepada RM99.24juta pada tahun 2008 dan menurun pada tahun 2009 dengan kutipan sebanyak RM92.14juta. Sehingga Mei 2010, kutipan tunggakan cukai tanah adalah RM41.87juta.

Perincian kutipan hasil Cukai Tanah Semasa dan Tunggakan Cukai Tanah mengikut Pejabat Daerah/Tanah daripada tahun 2005-2010 adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.

- b) Langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengurangkan tunggakan hasil negeri adalah melalui Operasi Bersepadu mengutip Hasil Tanah (Ops Kutip) yang dijalankan dengan kerjasama antara Perbendaharaan Negeri Selangor, semua Pejabat Tanah/Daerah dan PTG Selangor. Ops Kutip dengan polisi "Knock Door" ke premis penunggak-penunggak tegar dilaksanakan dengan pendekatan seperti berikut:-
- i) Pejabat Daerah/Tanah mengenal pasti hak milik dengan cukai tanah tertunggak (yang bermasalah/tempoh yang lama tidak membayar cukai) agar dapat diambil tindakan susulan;
  - ii) Lawatan 'Knock Door' iaitu dengan menghantar notis tuntutan dan surat peringatan terus kepada penunggak-penunggak tegar;
  - iii) mengadakan siri perbincangan bersama penunggak-penunggak tegar bagi menyelesaikan cukai tanah tertunggak;
  - iv) memberikan peluang kepada penunggak untuk membayar secara ansuran berjadual dengan syarat pembayaran dibuat secara konsisten; dan
  - v) sekiranya penunggak tegar tersebut masih tidak menjelaskan cukai tanah tertunggak, Pejabat Tanah dan Daerah tanpa teragak-agak akan terus menguatkuasakan Notis 6A, Notis Tuntutan Hasil Tertunggak dan sekiranya dalam tempoh 3 bulan ia masih tidak dijelaskan maka seterusnya Notis 8A, Rampasan Tanah akan dilaksanakan.

Bagi menggalakkan pembayaran cukai oleh individu dan syarikat, Kerajaan Negeri juga telah memberikan Insentif Pengurangan Denda Lewat iaitu:-

- i) pengurangan sehingga 50% bagi denda lewat cukai tanah di atas pertimbangan oleh Pegawai Tanah dan Daerah atas syarat yang ditetapkan iaitu membayar keseluruhan cukai tanah tertunggak dan bukan secara ansuran; dan
  - ii) pengurangan sehingga 100% di atas pertimbangan oleh Pengarah Tanah dan Galian Selangor.
- c) Kerajaan Negeri memberikan insentif penghargaan kepada Pejabat-Pejabat Tanah/Daerah yang berjaya mencapai sasaran kutipan hasil sebanyak 90% Cukai Tanah Semasa dan 70% Tunggakan Cukai Tanah berdasarkan prestasi pencapaian kutipan hasil Pejabat-Pejabat Tanah/Daerah Negeri Selangor. Pejabat Tanah/Daerah yang mencapai prestasi tersebut diberikan insentif wang tunai RM100,000.00 dan disampaikan sebagai Anugerah Prestasi Kutipan Hasil Pejabat Tanah/Daerah Negeri Selangor semasa Majlis Penganugerahan Bulan Kualiti Tahunan. Insentif ini telah dianugerahkan bagi prestasi kutipan hasil cukai tanah tahun 2007 dan 2008, manakala bagi prestasi kutipan tahun 2009 akan disampaikan pada Majlis Penganugerahan Bulan Kualiti 2010.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
LEMBAH JAYA**

**TAJUK : PEMBESARAN KUIL TANPA KEBENARAN**

116. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Kenapa tiada tindakan terhadap pembesaran kuil-kuil terutama dalam kawasan perumahan yang mana ianya tiada berdaftar langsung walaupun laporan terhadapnya telah di hantar.

**JAWAPAN :**

- a) Sejak Pakatan Rakyat mengambil alih Negeri Selangor satu keputusan terhadap pembinaan dan pembesaran rumah-rumah ibadat selain Islam telah diputuskan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri 18/2008 yang telah diadakan pada 9 Julai 2008 memaklumkan bahawa :-

Semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan mengenakan kompaun / bayaran kepada pemilik-pemilik rumah ibadat yang dibina secara haram dan bayaran kompaun ini perlu dijelaskan secara berterusan sehingga pemilik-pemilik rumah ibadat tersebut memohon untuk mendapatkan pengiktirafan kerajaan “

Selain itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri juga bersetuju supaya semua PBT mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana struktur yang baru dibina tanpa kebenaran dan surau atau masjid juga tidak terkecuali daripada tindakan ini”

Bagi sebarang tindakan perobohan rumah-rumah ibadat yang dibina sebelum Mac 2008 perlu dirujuk kepada pertimbangan Kerajaan Negeri terlebih dahulu bagi yang dibina tanpa kebenaran setelah Mac 2008 tindakan perobohan boleh dibuat sertamerta dengan memaklumkan Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan rumah-rumah ibadat yang telah menerima notis perobohan memohon tempoh untuk proses perpindahan. Oleh yang demikian, pemberian tempoh masa tersebut menyebabkan sesetengah tindakan perobohan ditangguhkan sementara. Tempoh masa yang diberikan adalah bergantung pada pihak berkuasa negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KG. TUNKU)**

**TAJUK : PANGKAT PEGAWAI-PEGAWAI KANAN PBT**

117. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan pangkat setiap pegawai kanan PBT, bermula daripada Ketua Jabatan / Pengarah Jabatan, Setiausaha, Timbalan YDP, Timbalan Datuk Bandar sehingga ke YDP dan Datuk Bandar serta gaji pokok yang dibayar kepada mereka.
- b) Nyatakan jawatan terakhir mereka sebelum dilantik ke jawatan yang dipegang mereka sekarang?

**JAWAPAN :**

- a) Pangkat bagi setiap pegawai kanan PBT, bermula dariapd Ketua Jabtan, Pengarah Jabatan, Setiausaha, Timbalan YDP, Timbalan Datuk Bandar sehingga ke YDP dan Datuk Bandara, gaji pokok yang dibayr kepada meraka dan jawatan akhir sebelum dilantik ke jawatan yang dipegang adalah seperti di Lampiran A1 sehingga Lampiran A12.

## MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

BIL	JAWATAN	GRED	JUMLAH GAJI POKOK (RM)	JAWATAN TERAKHIR SEBELUM DI LANTIK JAWATAN YANG DI PEGANG
1	Datuk Bandar / Yang Dipertua	JUSA C	11,022.68	Pegawai Tadbir &Diplomatik (M54)
2	Setiausaha (Timbalan Datuk Bandar)	M54	7,527.67	Pegawai Tadbir &Diplomatik (M52)
3	Pegawai Tadbir (Pengarah Khidmat Pengurusan)	N52	6,317.03	Setiausaha Majlis (N48)
4	Akauntan (Pengarah Kewangan)	W52	5,818.86	Akauntan (W48)
5	Pegawai Penilaian (Pengarah Penilaian)	W52	6,367.11	Pegawai Penilaian (W48)
6	Pegawai Perancang Bandar (Pengarah Perancangan)	J48	4,636.08	Pegawai Perancang Bandar (J44)
7	Jurutera (Pengarah Kejuruteraan)	J52	6,648.17	Jurutera (J48)
8	Arkitek (Pengarah Bangunan)	J48	5,258.07	Arkitek J44
9	Arkitek Lanskap (Pengarah Taman & Rekreasi)	J48	5,465.40	Arkitek Lanskap J44
10	Pegawai Perubatan (Pengarah Perkhidmatan Bandar)	UD47	5,882.85	Pegawai Perubatan UD47
11	Pegawai Tadbir (Pengarah Korporat)	N48	4,349.44	Pegawai Penerangan (S44)
12	Pegawai Tadbir (Pengarah Pelesenan & Penguatkuasaan)	N52	6,317.03	Pegawai Undang-Undang (L48)
